



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, Isnin 15 November 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## TIDAK HADIR

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)  
**(Menunaikan Fardu Haji)**

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

En Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahi Rahmani Rahim....Assalamualaikum Wrt. Wbt.* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ke 12 dimulakan dengan Bacaan Doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Klang.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, Soalan No. 95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK** : **PENTERNAKAN BURUNG WALET DALAM HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)**

95. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 65: "Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap penternakan burung walet di HSK oleh JPNS tidak memuaskan kerana JPNS belum mengemukakan cadangan tindakan yang perlu diambil berkaitan aktiviti penerokaan haram untuk keputusan MMKN".

Tidak terdapat ulasan daripada Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab-sebab boleh berlakunya pencerobohan HSK bagi tujuan penternakan burung walet secara komersial oleh syarikat-syarikat swasta?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah disyorkan oleh Jabatan bagi keputusan MMKN?
- c) Apakah program dan jadual kerja bagi menyelesaikan masalah ini?

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker menjawab soalan Hulu Klang berkaitan burung walet dalam hutan simpan kekal. Perkara ini telah berlaku pada tahun 1998 di zaman kerajaan terdahulu. Ianya berlaku disebabkan kekeliruan dari segi pentadbiran di mana pada masa pembinaan tersebut Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor telah mengeluarkan lesen pendudukan sementara tol dalam kawasan Hutan Simpan Kapar tambahan di mana dari segi prosedur sepatutnya perkara ini tidak boleh berlaku kerana

kawasan masih berstatus kawasan Hutan Simpan Kekal. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tidak dapat mengambil tindakan selanjutnya disebabkan kekangan ini.

Persoalan Kedua, apakah langkah-langkah yang telah disyorkan oleh jabatan bagi keputusan MKN ini. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengangkat kertas untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan mengesyorkan supaya kawasan ini berserta kawasan-kawasan yang telah dikeluarkan tol dan geran hak milik oleh Pentadbir Tanah Kuala Selangor dalam hutan simpan Kapar Tambahan dibatalkan. Status Hutan Simpan Kekalnya dengan syarat menggantikan dengan kawasan Hutan Paya Laut berserta tanah kerajaan yang dicadangkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Seterusnya bagi soalan ketiga, Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan syor ini. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang mengambil tindakan lanjut untuk mewartakan keluar kawasan terbabit dari Hutan Simpan Kekal serta menggantikannya dengan kawasan Hutan Paya Laut yang dicadangkan. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengemukakan surat kepada Pentadbir Tanah Hulu Selangor untuk mendapatkan butiran terperinci termasuk pelan kawasan tol dan geran hak milik berkenaan bagi tujuan pewartaan keluar.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan. Merujuk kepada muka surat 142 laporan Ketua Audit Negara 2009, ada menyatakan bahawa sebuah anak syarikat PKNS SIC telah pun memulakan aktiviti penternakan burung walet di Bandar Sultan Sulaiman, Klang. Adakah pemantauan ini di bawah EXCO Pertanian ataupun EXCO PBT.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI :** Bagi soalan anak syarikat ini saya minta Tuan Speaker mohon tangguh untuk saya jawab kemudian.

**TUAN SPEAKER:** Ya, tangguh.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI :** Mohon untuk saya jawab kemudian saya tidak dapat jawab sekarang.

**TUAN SPEAKER :** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang bertanya di tapak Hutan Simpan Kekal Kapar yang telah ditebang tebas hutannya dan diberi hak milik dan apakah tindakan tatatertib seperti yang dicadangkan oleh laporan Ketua Audit. Apakah tindakan tatatertib yang akan diambil ke atas penyelewengan sebegini.

**YB TUAN DR HJ. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker, zaman kerajaan sebelum ini, keputusan tanah di bawah Jawatankuasa Tanah (JKT) yang mana dipengerusikan oleh ADUN. Saya kira tidak adil tindakan diberi kepada pegawai. rasa untuk Selangor tindakan telah dibuat dengan menolak Kerajaan Barisan Nasional dan zaman di ketika ini JKT kita batalkan.

**YB PUAN GAN PEI MEI :** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI MEI :** Boleh saya tahu garis panduan untuk penternakan ataupun industri burung walet yang terkini atau terbaru yang diluluskan memandangkan Kerajaan Persekutuan sendiri telah membuat satu garis panduan dan Kerajaan Negeri yang saya difahamkan telah mengadakan bengkel untuk merumuskan ataupun membuat satu garis



panduan sebab ini telah menimbulkan kekeliruan bidang kuasa jabatan mana yang patut mengambil tindakan sekiranya ada aduan awam tentang penternakan burung walet ini.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Kerajaan Negeri sedang menyemak segala peraturan berkaitan burung walet di bawah EXCO PBT.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam... tidak hadir. Taman Templer... tidak hadir. Tanjung. Sepat... tidak hadir. Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker soalan 99. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : SAR, SJK(T), SJK(C)**

99. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan dan keluasan tanah yang diberi milik atau diwartakan untuk kegunaan SAR, SJK(T) & SJK(C) dari 2008-2010?
- b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mewartakan tapak rizab sekolah untuk SAR, SJK(T) dan SJK(C)?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih YB Kajang yang bertanyakan; berapakah bilangan dan keluasan tanah yang diberi milik atau diwartakan untuk kegunaan SAR SJKT, SJKC dari 2008 – 2010. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewartakan tapak rizab sekolah untuk SAR, SJKT dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina?

Bilangan dan keluasan tanah yang diberi milik untuk SAR, SJKT SJKC dari tahun 2008 sehingga 2010 adalah seperti berikut:

Petaling (2) keluasannya untuk (SAR) Sekolah Agama Rakyat 5.35 ekar.

SJKT (3) 17.988 ekar.

SJKC – tiada kerana peruntukan tanah sudah dikhaskan tetapi sekarang kita kena ambil balik daripada Kerajaan Persekutuan, sebab sudah diberikan di sana.

Hulu Langat 13 untuk SAR, jumlah 15.476 ekar.

SJKT Tamil tiada tetapi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ada 3, iaitu 3.2665 ekar.

Di Kuala Selangor SAR tiada, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil tiada, tetapi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ada 3, jumlahnya 3.2665 ekar.

Di Sabak Bernam hanya 1.05 ekar untuk Sekolah Agama Rakyat dan proses ini akan berterusan sebab kita hendak mewartakan syarikat, sekolah-sekolah yang ada sekarang sebab ada sekolah walaupun didirikan tetapi pemilikan masih belum tetap. Oleh sebab itu kita dah

meminta supaya semua sekolah diwartakan dan Sekolah Agama Islam melalui JAIS dan permohonan untuk tapak rizab Sekolah Tamil, Sekolah JKC diproses secara milikan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Sekarang kita ada perbincangan supaya ia tidak terus diberi kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Dalam soalan yang dikemukakan setiap hari ada soalan yang berkaitan dengan kawasan rizab Sekolah Rendah di Sg. Long dan belum dijawab. Tanah Rizab Sg. Long yang telah umumkan oleh Kerajaan Pusat bahawa di situ akan dibina sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan Cina tetapi dikatakan tidak ada tapak dan Kajang telah meneliti dan didapati ada dua tapak rizab Sekolah Rendah di Sg. Long dan penduduk sana adalah kebanyakannya 90 lebih peratus kaum Tionghoa dan setiap hari mereka terpaksa menghantar 1,400 anak-anak mereka ke sekolah-sekolah luar daripada Sg. Long.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Dua tapak yang ada sekarang tapak kosong milikan hak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kita sudah menulis surat kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan supaya membolehkan tapak sekolah itu untuk didirikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebab tidak ada tapak yang lain jadi hanya dengan usaha pengambilalihan. Oleh sebab itu kita minta dan dalam proses ini kita berharap bukan sahaja kerajaan menyatakan ia hendak membina di atas tapak yang ada sekarang sebab saya difahamkan ia sudah lama kosong lebih daripada 5 tahun.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Y.A.B. Tan Sri berhubung dengan status kelulusan tanah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ini khususnya terdapat cakap-cakap, tuduhan daripada pihak Barisan Nasional yang mengatakan pihak Kerajaan Negeri lambat ataupun tidak memberi kerjasama pada mereka untuk mendirikan sekolah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang baru. Apakah itu benar dan apakah pendirian kerajaan dalam konteks ini.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : YB daripada Sekinchan, kita tidak menghalang dan malah menggalakkan Kerajaan Persekutuan membina sekolah-sekolah di seluruh negeri Selangor sebab itu adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan belanjawan untuk ini adalah disalurkan melalui pendapatan Kerajaan Federal. Ia memang satu perkara yang kita terima. Bagaimanapun, kuasa Kerajaan Negeri adalah mengenai pemilikan tanah dan setiap proses pembangunan mempunyai syarat-syarat iaitu mesti dikhaskan tanah-tanah untuk didirikan sekolah dan prasarana yang lain seperti surau, kuil dan seterusnya tetapi itu sudah memang dikhaskan dan pemaju-pemaju tidak dikehendaki membayar premium ke atas tanah-tanah tersebut seperti juga menyediakan jalan-jalan untuk jalan raya, mereka tidak perlu membayar premium. Oleh sebab itu tanah-tanah ini diberikan kepada Kerajaan Negeri awalnya tetapi oleh kerana kita ada persetujuan dengan Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan sekolah kita buat, kita serahkan tanah itu kepada Pesuruh Tanah, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Pada masa hadapan ada juga satu lagi yang saya dapati, iaitu Sekolah Menengah, Sekolah Tinggi Cina Persendirian, mereka tidak mahu di bawah milikan tanah Pesuruhjaya Persekutuan tetapi mereka bersedia untuk membeli tanah tersebut menggunakan nama mereka. Saya ada menyatakan kepada mereka, Kerajaan Selangor sedia memberi kerjasama tentang perkara tersebut dengan memberikan kuasa Kerajaan Negeri untuk mengambil tanah untuk mereka. Tetapi mereka mesti membayar harga tanah tersebut. Kuasa Kerajaan Negeri boleh walaupun

penjual tanah yang dibeli itu tidak berapa setuju. Tetapi oleh sebab ini adalah keperluan awam Kerajaan Negeri boleh menggunakan kuasanya dengan betul dan boleh mengambil alih tanah dan kita berikan. Dan perkara ini tidak asing umpamanya ada juga Kerajaan Persekutuan untuk membuat jalan raya, untuk kegunaan awam tetapi di atas tanah-tanah persendirian. Kerajaan Negeri juga ditugaskan untuk mengambil alih tanah-tanah tersebut dan Kerajaan Persekutuan mengeluarkan dana untuk pengambilan tanah tersebut. Justeru itu, ini bukan satu perkara yang asing.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan. Tidak hadir. Meru.

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Tuan Speaker, speaker soalan 101.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : PENGKUATKUASAAN OLEH MAJLIS PEBANDARAN KLANG (MPK)**

101. Penguatkuasaan adalah satu elemen yang menentukan polisi-polisi Kerajaan dapat dilaksanakan secara telus dan berkesan. Namun dalam kes peniaga-peniaga asing yang berniaga secara terang-terangan tanpa permit di Pasar Besar Klang, nampaknya penguatkuasaan dari Majlis Perbandaran Klang sama ada terlepas pandang atau tidak mendatangkan kesan langsung dalam menangani masalah yang berlarutan begitu lama.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah baru yang akan diperkenalkan oleh MPK bagi mengatasi masalah peniaga-peniaga asing yang bebas beroperasi seawal jam 2 pagi ini?
- b) Apakah bentuk-bentuk denda yang sepatutnya dikenakan ke atas warga asing yang beroperasi secara haram ini dan sejauh manakah keberkesanannya ?
- c) Amalan rasuah boleh menyebabkan denda atau tindakan tidak di jalankan atau boleh juga menyebabkan sesuatu operasi yang dirancangkan dipihak PBT seolah-olah dapat di hidu oleh peniaga-peniaga asing sehingga mereka tidak berniaga pada hari-hari berkenaan. Apakah langkah-langkah pihak MPK bagi menjamin amalan rasuah terkutuk ini tidak berlaku di kalangan kakitangannya?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, soalan Meru adalah berkaitan dengan penguatkuasaan oleh Majlis Perbandaran Klang khasnya untuk pasar besar Klang. MPK sedang mengadakan satu usaha atau pun proses *rebranding* dengan izin penjenamaan semula terhadap Kompleks Pasar Besar Klang. Dan telah meletakkan anggota penguatkuasaan secara statik bagi mengawal masalah perniagaan asing dan benda-benda denda yang dikenakan ke atas warga asing adalah penyertaan ke atas barangan mereka dan juga warga asing akan dihantar ke Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Dan sekiranya bukti ada berlaku amalan rasuah di kalangan MPK dalam hal ini pihak Majlis akan mengambil dan mengenakan tindakan tatatertib. Kalau keadaan serius laporan polis pun akan diadakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, soalan 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2011**

102. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah program yang akan dilancarkan di bawah Kempen Tahun Melawat Selangor 2011 dan apakah tema utama yang digunakan?
- b) Senaraikan jumlah pelancong tempatan serta pelancong asing ke negeri Selangor daripada tahun 2005-2010.
- c) Apakah badan pelaksana yang ditubuhkan bagi menyelaraskan kempen pelancongan antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan ?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, Kempen Selangor Shines atau Selangor Bersinar yang bertema *Selangor Has More* atau dengan ringkasnya Kelebihan Itu Selangor merupakan satu kempen yang menggalakkan lebih ramai pelancong ke Negeri Selangor secara berterusan dan tidak ada jangka masa yang disasarkan seperti Tahun Melawat yang biasanya dijalankan selama satu (1) tahun. Program Promosi dan Acara akan dijalankan secara berterusan seperti yang di jadualkan pada Tahun 2010 termasuk 2011. Pada masa yang sama Tourism Selangor sedang membuat rancangan untuk melancarkan Tahun Melawat Selangor pada masa yang terdekat.

Soalan tentang jumlah pelancong tempatan dan pelancong asing ke negeri Selangor dari tahun 2005 sampai 2010 adalah berikut:-

Pada tahun 2005 terdapat pelancong domestik 2.35 juta, pelancong asing 1.06 juta dengan jumlah 3.95 juta.

Pada tahun 2006 terdapat pelancong domestik 2.78 juta berbanding dengan pelancong asing 2.14 juta dengan jumlah 4.92 juta.

Pada tahun 2007 terdapat 3.06 juta pelancong domestik dengan pelancong asing 2.25 juta dengan jumlah 5.31 juta.

Pada tahun 2008 terdapat 3.07 juta pelancong domestik berbanding dengan 2.60 juta pelancong asing dengan jumlah 5.67 juta.

Pada tahun 2009 terdapat 3.24 juta pelancong domestik dengan 2.39 juta pelancong asing dengan jumlah 5.64 juta.

Dan pada tahun ini Januari sampai September terdapat 2.49 juta pelancong domestik dengan 1.9 juta pelancong asing dengan jumlah 4.3 juta pelancong sehingga bulan September.

Soalan berkaitan dengan badan pelaksana yang menyelaraskan kempen pelancongan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah Tourism Selangor di mana kerap

bekerjasama dengan Tourism Malaysia melalui Tourism Malaysia Negeri Selangor bagi pelbagai tujuan. Terutamanya bagi penyelarasan Kempen Pelancongan di mana kebiasaannya Kerajaan Negeri akan mengikut jadual Tourism Malaysia bagi sama ada Kempen dalam negeri atau pun di luar negeri. Ini adalah bagi tujuan penjimatan kos dan kesan positif sambutan dalam penyertaan kempen bersama Tourism Malaysia. Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak UPEN, Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk melaksanakan program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pelancongan negeri Selangor. Setakat ini boleh dikatakan hubungan Kerajaan Negeri Selangor dengan Kementerian Pelancongan okeylah Yang Berhormat tetapi kita pun mengesyorkan supaya lebih Mesyuarat boleh diadakan antara semua EXCO-EXCO Pelancongan dari semua Negeri bukan sahaja daripada Pakatan Rakyat tetapi dari semua Negeri dengan Kementerian Pelancongan hasil dari Menteri Pelancongan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, soalan tambahan. Berhubung kait dengan Tahun Melawat Selangor 2011 ini. Saya tertarik dengan Rancangan Tahun Melawat Selangor 2011 ini di mana DUN Sekinchan terkenal dengan Jelapang Padi yang meluas di seluruh Negeri Selangor yang hijau meluas dan kawasan perkampungan nelayan, tradisional di samping itu pemusatan, penternakan industri burung walet di Sekinchan tiga (3) dalam satu (1). Saya bagi pihak ADUN saya telah berusaha menceriaikan DUN Sekinchan dengan pemasangan pokok-pokok ADE untuk menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Sekinchan. Dan saya ingin tahu bagaimanakah rancangan dan usaha daripada pihak Yang Berhormat Bukit Lanjan, Yang Berhormat EXCO untuk membantu Sekinchan dimasukkan dalam Tahun Melawat Selangor 2011 dijadikan satu tempat promosi pelancongan yang terkenal di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Lanjan

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Sekinchan. Saya pertama nya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia Ini bahawa Yang Berhormat merupakan ADUN yang memang bekerja keras untuk mempromosikan DUN dia dari segi pelancongan. Setiap dua tiga bulan Yang Berhormat Sekinchan selalu suka jumlah saya meminta peruntukan tetapi memang program kepromosian program atau pun usaha untuk mempromosikan yang dijalankan oleh Sekinchan memang sangat bagus. Kalau kita lihat ada Laman Web Khas yang dibuat oleh staf-staf Sekinchan termasuk program khas antara dengan izin *Travel Agent* ada tetapi Yang Berhormat Sekinchan saya juga ingin maklumkan bahawa kerja untuk mempromosikan Negeri Selangor bukan sahaja tertumpu di Sekinchan tetapi di merata tempat seperti Kuala Kubu Bharu pun ada keistimewaan nya, di Kajang, di Shah Alam dan sebagainya. Dalam program dijalankan oleh Tourism Selangor kita juga mengenal pasti beberapa produk-produk pelancongan yang kita menggelar produk pelancongan baru. So selain daripada tapak-tapak pelancongan yang unik di Negeri Selangor. Pada masa yang sama kita mencari beberapa tapak di setiap Daerah sekurang-kurangnya sembilan (9) tetapi ingin mencari sepuluh (10) di mana ianya mewakili atau pun kita boleh mempromosikannya sebagai tapak pelancongan baru. Dan saya rasa Sekinchan boleh dipertimbangkan, saya pun ada beberapa permintaan tetapi ini daripada Pelancong-pelancong yang datang dan mereka harap Majlis Daerah di sana dan dengan kerjasama Yang Berhormat Sekinchan boleh mengadakan satu program khas untuk membersihkan kawasan tersebut. Memang terdapat sedikit aduan tentang itu tetapi saya rasa boleh diselesaikan dengan senang.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar.

**YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD** : Tuan Speaker, soalan 103.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : FRUIT VALLEY**

103. Selangor *Fruit Valley* telah dibangunkan untuk memajukan industri pertanian berkaitan produk buah-buahan tempatan sebagai *fruit salad*.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Apakah status perkembangan Selangor *Fruit Valley*?
- b) Apakah inisiatif seterusnya untuk memajukan produk *fruit salad* negeri?
- c) Apakah perancangan kerajaan untuk menggalakkan rakyat terlibat dalam pengeluaran *fruit salad* ?

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih, Tuan Speaker, soalan 103 berkaitan dengan *Fruit Valley* yang mana program tersebut telah dilaksanakan dahulu. *Selangor Fruit Valley* (SFV) yang terletak di KM 7, Jalan Rawang-Bestari Jaya telah dibangunkan pada tahun 2003. Keluasan kawasan adalah lebih kurang 1,000 hektar. Daripada jumlah tersebut, seluar 180 hektar telah dipajakkan kepada 2 buah syarikat iaitu Kayangan Ramai Sdn. Bhd. Dan Eco Murni Sdn. Bhd. Untuk projek tanaman buah-buah. Baki kawasan seluar 820 hektar telah diusahakan oleh anak-anak Syarikat PKPS iaitu Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn. Bhd. (SOPIC). Oleh kerana pengurusan projek ini tidak memuaskan, maka mulai 2 Januari 2010, PKPS telah mengambil alih semua aktiviti di Selangor *Fruit Valley* daripada pengurusan SOPIC dan kakitangan syarikat telah ditamatkan perkhidmatan.

Operasi Selangor *Fruit Valley* pada masa ini dikendalikan oleh pasukan pengurusan yang ditempatkan didalam ladang dan bukan lagi '*remote control*' dari Shah Alam. Penekanan oleh pengurusan baru adalah '*efficiency*' dan kos pengeluaran yang lebih rendah dan peningkatan tahap pengeluaran. Tanaman yang tidak '*viable*' seperti '*dragon fruit*' dan kopi telah diganti dengan tanaman tembikai.

Pada ketika ini, jenis tanaman dan keluasan kawasan yang diusahakan adalah seperti berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>TANAMAN</b>	<b>KELUASAN TANAMAN (HEKTAR)</b>
1.	Belimbing	100
2.	Tembikai	240
3.	Nangka	94
4.	Pisang	58
5.	Mangga	13
6.	Kelapa Pandan	7
7.	Limau Mexico	6

8.	Jambu Batu	3
9.	Rambutan	2
10.	Limau Kasturi	1
11.	Durian Belanda	1
12.	Pulasan	1
13.	Dragon Fruit	3
14.	Betik	80
15.	STFG	72
16.	Pajakan kecil	250
17.	Kolam/jalan/pejabat	35
18.	Tanah Kosong	34
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,000</b>

PKPS mengambil inisiatif untuk menanam tanaman buah-buahan seperti durian, manggis dan kelapa pandan dalam usaha untuk meningkatkan *variety* jenis-jenis tanaman yang ada di Selangor *Fruit Valley*. Pada masa yang sama, PKPS bercadang mengujudkan Pusat Latihan Pertanian dan Resort bagi menggalakkan pelawat untuk mengunjungi Selangor *Fruit Valley* dalam menyokong program pelancongan yang dikendalikan oleh Tourism Selangor.

Yang Kedua, apakah inisiatif seterusnya untuk mewujudkan produk *fruit salad* negeri?

Kilang *fruits* salah terletak di Puchong telah mula beroperasi pada tahun 2007 di mana anak syarikat iaitu PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. (PAISB) telah mengadakan usaha sama dengan Syarikat Icor Mirak (M) Sdn. Bhd. (Icor Mirak). PAISB iaitu PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. telah mengadakan kerjasama dengan Icor Mirak dalam menceburi bidang pengilangan dan pembekalan produk *fruits salad*. Aktiviti dijalankan melalui syarikat usaha sama yang ditubuhkan ialah Premium Sanitised Product Sdn. Bhd. (PSP). Pasaran adalah Negara-negara Timur Tengah khususnya Emiriah Arab Bersatu. Bagaimanapun, usaha sama ini tidak dapat diteruskan kerana masalah harga jualan produk yang didapati tidak menguntungkan.

Status semasa, PSP telah mula mencari peluang-peluang perniagaan baru dengan memberi tumpuan kepada pasaran domestik seperti TESCO, GIANT dan lain-lain. Bagaimanapun pasaran sedia ada tidak dapat menerima produk *fruit salad* yang lebih mahal berbanding harga produk buah-buahan yang disediakan dengan cara konvensional dengan kos pembungkusan yang tinggi. Operasi *fruit salad* telah di berhentikan buat sementara bagi mengelakkan kerugian berterusan dan kemudahan kilang sedia ada telah disewakan kepada usahawan.

Bagi soalan ketiga, memandangkan kilang *fruit salad* menggunakan teknologi yang tinggi, produk keluaran kilang *fruit salad* adalah lebih mahal dan tidak kompetitif. Bagaimanapun sebagai galakan kepada rakyat untuk terus terlibat dengan aktiviti pengeluaran buah-buahan, PKPS telah menyediakan ruang pasaran di Pasar Borong Selangor, untuk memberi peluang kepada petani-petani memasarkan sendiri hasil keluaran mereka terus kepada orang ramai.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, Hulu Langat terkenal sebagai kawasan tradisi mengeluarkan berbagai-bagai-bagai buah-buahan tempatan seperti durian, manggis, langsung, rambutan dan sebagainya tetapi oleh kerana tempat ini telah diluaskan

dengan taman-taman perumahan, pokok-pokok buah-buahan ini terancam dan bukan itu saja terancam, sebagai tempat pelancongan juga terancam, apakah pihak Kerajaan Negeri memberi perhatian terhadap memelihara atau memulihara kawasan pokok-pokok buah-buahan tradisi ini supaya kekal dan menarik pelancongan di samping tempat-tempat pelancongan di situ.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Di kawasan Hulu Langat, tidak semua kawasan dibangunkan untuk perumahan. Satu langkah Kerajaan Negeri ialah akan mewujudkan sebuah *homestay* baru, dipanggil *Orchad Homestay* yang akan kita rasmikan dalam bulan ini atau bulan depan. Yang ini usaha untuk kita mengekalkan kawasan buah-buahan di kawasan Kampung Jawa dan Sungai Lui dan dengan usaha-usaha ini akan menarik pelancong-pelancong datang ke Hulu Langat. Soal pembangunan di sebelah hadapan daripada Seri Nanding dan sebagainya itu tak dapat di elakkan tetapi kawasan sebelah hulu yang pesat dengan pelancongan kita pastikan supaya pertanian dikekalkan.

**TUAN SPEAKER** : Morib, tidak hadir. Semenyih, tidak hadir. Teluk Datuk.

**YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE** : Terima kasih, Tuan Speaker, soalan nombor 106.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : KEMUDAHAN WI-FI PERCUMA**

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan Wi-Fi percuma di mana-mana lokasi? Jika ya, sila senaraikan lokasi-lokasi tersebut.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan kemudahan Wi-Fi percuma di seluruh Negeri Selangor?

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih, Teluk Datuk, Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan WiFi percuma sejak April 2010 di lapan (8) buah lokasi iaitu seperti berikut :

- i) Kompleks PKNS (Tasik Shah Alam)
- ii) Dataran Shah Alam
- iii) Seksyen 2 (Medan Selera Prima 2)
- iv) Seksyen 3 (Restoran Khalifah, Syed, Kompleks MAIS dan Sekolah Kebangsaan Raja Muda)
- v) Seksyen 9 (Oasis)
- vi) Dataran Kuala Kubu Baharu
- vii) Pekan Kuala Kubu Baharu
- viii) Medan Selera Batang Kali

Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan kemudahan Wi-Fi di seluruh Negeri Selangor sebanyak 142 buah lokasi lagi. Projek ini dirancang bermula pada tahun 2011 dan dijangka selesai pada tahun 2015. Ianya akan dijalankan secara berperingkat mengikut pecahan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Cadangan untuk melaksanakan *Wireless* Selangor mengikut PBT untuk jangka masa 2011 sampai 2015 berikut :

PBT Majlis Bandaraya Shah Alam 19 Zon, Majlis Bandaraya Petaling Jaya 23 Zon, Majlis Perbandaran Subang Jaya 17 Zon, Majlis Perbandaran Klang 17 Zon, Majlis Perbandaran Ampang Jaya 17 Zon, Majlis Perbandaran Kajang 12 Zon, Majlis Perbandaran Sepang 12 Zon, Majlis Perbandaran Selayang 12 Zon, Majlis Daerah Sabak Bernam 4 Zon, Majlis Kuala Selangor 4 Zon, Majlis Daerah Hulu Selangor 1 Zon, Majlis Daerah Kuala Langat 4 Zon, jumlahnya 142 Zon. Sekian, Tuan Speaker.

**YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE** : Soalan tambahan. Berapakah kos, anggaran kos akan di belanja.

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Saya tak de jawab sekarang, saya boleh bagi dengan tulis kepada Yang Berhormat dalam tempoh yang terdekat.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker, soalan 107 sudah dijawab semasa soalan 65 minggu lepas. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Lembah Jaya.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih, Tuan Speaker, soalan 108.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PENDAPATAN PETANI**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha-usaha untuk menaikkan pendapatan petani-petani di Negeri Selangor seperti petani-petani di Sekinchan, contohnya menjalankan usaha ternakan lembu atau kambing begitu juga bantuan ternakan itik yang satu ketika dulu amat popular di Negara kita.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, menjawab soalan Lembah Jaya, berkaitan petani-petani di Sekinchan. Ini cantik. Sekinchan tanya soalan ni, yang tanya Lembah Jaya. Macam mana nak meningkatkan pendapatan petani. Bagi meningkatkan pendapatan petani-petani di negeri Selangor, pelbagai bantuan disediakan oleh kerajaan negeri mengikut bidang usaha masing-masing.

Untuk makluman Lembah Jaya, Kawasan Sekinchan tak sesuai untuk ternakan lembu atau kambing. Soalannya ialah adakah usaha-usaha untuk buat ternakan lembu atau kambing di Sekinchan. Jawapannya di Sekinchan tak sesuai untuk lembu atau kambing ataupun ternakan itik. Sebab Sekinchan adalah kawasan yang khas untuk tanaman padi dan peningkatan pendapatan petani di Sekinchan sangat menggalakkan sekali. Walau bagaimanapun bagi meningkatkan pendapatan petani di negeri Selangor, pelbagai bantuan di sediakan oleh Kerajaan Negeri mengikut bidang masing-masing. Antaranya insentif pembangunan tanaman

makanan (buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang dan kelapa, tanaman industri (umbisi dan nanas) - dengan memberi input dan infrastruktur pertanian seperti bantuan bersih kawasan, bina jalan ladang dan parit ladang, pelbagai jenis baja dan racun, pelbagai jenis bahan tanaman, sistem pengairan, pelbagai jenis peralatan pertanian termasuk mesin-mesin yang baru serta pembinaan papan tanda projek.

Yang kedua, insentif pembangunan industri bunga dan tanaman hiasan – dengan memberikan input dan infrastruktur pertanian seperti pelbagai jenis baja dan racun, tanah campuran, *poll bag*, pelbagai jenis peralatan pertanian termasuk mesin-mesin yang baru dan juga mesin pengairan.

Yang ketiga, insentif pembangunan Industri Asas Tani (IAT) – pemberian peralatan dan juga kemudahan bagi pengeluaran industri asas tani bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran produk-produk industri asas tani dan penambahbaikan bengkel yang sedia ada ke arah Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP).

Yang keempat, pembangunan pertanian bersepadu (tanaman herba) – input pertanian seperti pelbagai jenis baja dan racun, pelbagai jenis bahan tanaman, sistem pengairan dan pelbagai jenis peralatan pertanian termasuk mesin-mesin yang baru.

Jabatan Pertanian juga bekerjasama dengan agensi-agensi pertanian yang lain dalam membantu menjalankan program-program peningkatan pendapatan bagi petani. Bagi petani di kawasan DUN Sekinchan iaitu Sg. Leman dan Sekinchan, bantuan untuk meningkatkan hasil padi dibekalkan menerusi Program Peningkatan Hasil Padi. Bantuan yang diberikan adalah seperti berikut :

- i) Baja padi mas NPK 12:6:26.
- ii) Pakej baja organik Elemanto @ 5kg/beg, racun kulat dan juga racun untuk ulat batang.
- iii) Pakej Zappa plus @ 1 liter botol, baja padi mas 3 beg/lot, bagi racun ulat batang.

Ini kita berikan pada petani Sg. Leman.

**TUAN SPEAKER** : Lembah Jaya.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya untuk menaikkan taraf pendapatan bagi petani-petani di luar daripada kawasan Sekinchan. Contohnya macam padi, kalau kita tengok tiap-tiap tahun Yang Berhormat hanya jawab, Sekinchan begitu tinggi, tapi apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan untuk kawasan-kawasan lain.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Untuk kawasan padi, telah saya jelaskan dalam ucapan penggulungan. Bagi kawasan-kawasan lain, Kerajaan Negeri memberikan aktiviti-aktiviti lain seperti di kawasan Hulu Selangor dan juga di Puchong dengan menyediakan satu program Mentor Mentee tanaman cendawan. Dengan program ini sekurang-kurangnya seorang petani baru mendapat pendapatan tambahan sekitar RM800 ke RM1500. Untuk ternakan lembu seperti ditanyakan oleh Lembah Jaya, Kerajaan Negeri berusaha untuk memindahkan semua lembu-lembu yang bermasalah yang terdapat di kawasan kritikal, di kawasan Petaling ke kawasan Sungai Nilam di Hulu Selangor, dan sebuah kawasan baru di kenal pasti iaitu di Rasa, untuk menempatkan penternak-penternak lembu yang lain yang terdapat di keliling di kawasan Rasa ataupun kawasan-kawasan lain yang di luar daripada Petaling.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Melawati.

**YB TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Tuan Speaker, soalan nombor 109.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : SKIM PERUMAHAN KOS RENDAH UNTUK GOLONGAN MISKIN**

109. Bukit Melawati telah mencadangkan Skim Perumahan Kos Rendah di 3 kawasan iaitu di Sungai Rambai, Ladang Kuala Selangor dan Kampung Tanjong Keramat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status permohonan ini?
- b) Bilakah program ini akan dilaksanakan?

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Bukit Melawati. Mengikut rekod Kerajaan Negeri Selangor sehingga 30 Oktober 2010 terdapat seramai 386 pemohon berdaftar dalam sistem pendaftaran permohonan rumah kos rendah ataupun SPPR di mukim Kuala Selangor, 386. Program Perumahan Kos Rendah setakat ini polisi Kerajaan adalah Kerajaan tidak membina rumah kos rendah tetapi ia dilaksanakan melalui polisi 20:20:10 di mana pemaju yang mempunyai projek pembangunan yang melebihi daripada 10 ekar akan mewajibkan membina 20 peratus daripada pembangunan mereka rumah kos rendah yang berharga tidak lebih daripada RM42,000.00. Dalam kes Bukit Melawati, saya telah berbincang dengan Bukit Melawati dan ianya merupakan projek khusus untuk memindahkan kos rumah rendah daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Jadi ini ia bermakna bahawa ianya tidak boleh dilaksanakan 20:20:10 tetapi ia memerlukan bajet ataupun peruntukan yang lain. Kita akan berbincang lebih lagi bersama Bukit Melawati tentang isu untuk memindahkan rumah-rumah kos rendah tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang, tidak hadir, Kuang, tidak hadir, Paya Jaras, tidak hadir, Bukit Antarabangsa, tidak hadir, Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
( TAMAN MEDAN )**

**TAJUK : FATWA OLEH JABATAN MUFTI SELANGOR**

114. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah proses mengeluarkan sesuatu fatwa?
- b) Bagaimana dipastikan fatwa yang dikeluarkan ditaati?

c) Senaraikan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti sejak 2006 -2010.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker, terima kasih kepada Taman Medan yang menanyakan soalan-soalan mengenai fatwa. Pertama sekali tentang proses mengeluarkan sesuatu fatwa sekurang-kurangnya ada lapan (8) proses, *step* demi *step*, yang patut di ambil dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Pertama sekali ialah Pejabat Mufti kena sediakan dulu Kertas Kerja dengan membuat kajian, kajian-kajian melalui kitab-kitab yang muhtabar, mengenai sesuatu soalan fatwa yang ingin dikemukakan. Yang berikutan dengan itu satu kertas kerja akan di sediakan oleh Pejabat Mufti. Yang kedua ialah memanggil Jawatankuasa Fatwa di Selangor, macam negeri lain juga, kita ada Jawatankuasa Fatwa dan setelah kertas kerja itu disediakan, kertas kerja itu akan dirujuk, di bincang dalam Jawatankuasa Fatwa. Yang ketiga ialah mengemukakan fatwa kepada Majlis. Sebagaimana yang kita tahu, majlis adalah Badan yang menentukan tentang polisi dan polisi itu termasuklah dalam hal ini ialah mengenai fatwa. Jadi Majlis akan membincangkan perkara ini dalam mesyuarat penuh Majlis. Kemudian selepas itu, selepas Majlis memberikan persetujuan maka kertas kerja itu dalam bentuk fatwa yang hendak dilakukan itu akan diangkat untuk mendapatkan perkenan DYMM Sultan Selangor. Selepas itu Majlis akan mengemukakan kertas kepada Kerajaan Negeri untuk fatwa itu diwartakan. Dan selepas itu pewartaan akan dibuat, dan selepas pewartaan dibuat, penyiaran dalam siar raya, dalam media akan dibuat dalam bentuk bahasa kebangsaan. Dan kalau misal dalam bentuk tulisan jawi, bahasa kebangsaan, Rumi, tapi jawi pun masih boleh diterima. Kemudian tu disiarkan dalam warta, setelah disiarkan dalam wartalah barulah dia menjadi undang-undang yang mendapat dikuatkuasakan.

Yang kedua ialah mengenai bagaimana nak dipastikan fatwa yang dikeluarkan itu ditaati. Ini banyaklah unsur-unsur ataupun faktor-faktor dalam apa juga hal-hal yang berkaitan dengan perundangan ini, ada orang boleh ikut, ada orang tak boleh ikut, ada orang boleh ikut sekerat, ada orang ikut penuh dan sebagainya. Tapi apa pun sebagaimana undang-undang yang lain soal (*ignor.....*) dengan izin ketidaktahuan mengenai sesuatu perkara itu akan menjadi halangan untuk seseorang itu mematuhi apa juga arahan termasuklah fatwa yang diberi. Maka sebab itu di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003) Seksyen 49 ( 1 ) (2), kalau saya boleh baca, Tuan Speaker, “apabila disiarkan dalam warta sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh hukum syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi.”

Yang kedua sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam Negeri Selangor, tentang semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Yang ketiga, soalnya agak panjang dan saya tidak bercadang, Tuan Speaker untuk membacakan satu persatu tapi saya nak berikan *summary*, soalan yang ditanya ialah senaraikan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti sejak 2006 -2010.

Saya dah kira 2006 ada 37 fatwa telah dikeluarkan, 2007 ada 22 fatwa telah dikeluarkan, 2008 ada 28, 2009 ada 22 dan sehingga sekarang ini 2010 hingga hari ini ada 12 fatwa telah dikeluarkan. Jumlahnya selama lima tahun itu 121 fatwa telah pun dikeluarkan. Jadi sebab itu antara yang aktif kita dapati Jabatan Mufti antara tugasnya mengeluarkan fatwa, dan sebagaimana yang diketahui, Tuan Speaker, banyak perkara baru sebenarnya dalam kehidupan kita moden ini berbagai-bagai perkara baru sudah ditimbulkan. Sama ada

ditimbulkan atas dasar *necessity*, dengan izin ataupun ditimbulkan oleh sebab orang ingin mengetahui kedudukan syarak tentang satu-satu perkara. Maka sebab itu kita dapati di negeri Selangor ini, Jabatan Mufti telah begitu aktif dan didapati sebahagian daripada keraguan-keraguan masyarakat itu telah dapat dikurangkan atau telah ditiadakan akibat keluarnya fatwa yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Bangi ingin tahu tentang Fatwa menghisap rokok lah? Ada dikatakan haram tapi nampaknya menghisap rokok ini berterusan. Yang kedua, tentang halal dan haram ini. Ada yang setengah tidak patuh, ada Kerajaan Negeri mewujudkan Penguat kuasa? kalau ada sejauh mana Penguat kuasa ini dijalankan, rokok masih dihisap juga? Terima kasih.

**YB DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI** : Saya tahu Bangi tidak menghisap rokok. Tapi apa pun, sebenarnya untuk penguatkuasaan ini dalam hal mengenai aaa... penguatkuasaan ini kita ada Penguat kuasa di JAIS. Sebagaimana yang diketahui di jabatan-jabatan lain juga, bahagian penguat kuasa di JAIS pun mengalami masalah-masalah tentang kekurangan pegawai dan kakitangan. Ini dirasakan semua sekali, semua jabatan saya rasa. Sebagaimana yang saya sebutkan JKR, JPS dan sebagainya menghadapi masalah yang sama. Tapi bagi saya masalah tentang kekurangan yang tidak mencukupi pegawai dan kakitangan itu bukan menjadi halangan yang pertama sebenarnya, tetapi yang pertama yang besar sekali ialah tentang pengetahuan masyarakat tentang sesuatu hukum, perkara telah yang diluluskan undang-undang, yang telah diluluskan misalnya fatwa tentang merokok. Memang negeri Selangor memangewartakan fatwa rokok ini dan merokok ini adalah haram tetapi kita tahulah sebahagian dekat sini pun boleh tahan juga ni. Tapi apa pun, untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan sedemikian, depan kita tidak merokok, belakang kita dia merokok, kadang-kadang di depan orang ramai tidak merokok tapi depan geng-geng dia merokok. Jadi benda-benda macam ini, oleh kerana dia tahu sekarang ini rokok itu merupakan yang haram, hukumnya haram maka sudah tentulah cara mereka menghisap rokok itu tidaklah betul-betul terdedah begitu. Kalau terdedah begitu, kalau menghisap rokok di pusat membeli belah misalnya, siapa yang hendak menangkap mereka. Pegawai penguat kuasa tiada di situ dan kita pun tiada sijil-sijil yang diberikan untuk mengambil tugas penguat kuasa itu. Jadi walau apa pun saya fikir yang paling cantik sekali ialah melalui pendidikan, ini yang paling cantik sekali. Dan memakan masa, kerana orang yang dah merokok ini sejak sekolah rendah telah merokok, sampai universiti dah keluar dan bekerja, sampai pencen pun terus menghisap rokok, mati dalam keadaan menghisap rokok. Jadi, sebab itu kita mengeluarkan mereka dari *habit* itu (dengan izin) agak sukar. Tapi pendidikan sangat penting. Satu lagi bukan pendidikan saja yang penting tapi *civic contest civic minded* (dengan izin) di kalangan anggota masyarakat. Kalau kita melihat ada di antara *family* kita, anak kita menghisap rokok, maka kitalah penghukum pertama di kalangan keluarga itu. Kalau di kalangan tempat bekerja misalnya sebagai ketua jabatan saya misalnya ketua jabatan, kitalah sebenarnya penghukum yang pertama, tidak menunggu lagi majistret, tidak menunggu lagi hakim-hakim, tidak menunggu penguat kuasa, kita menentukan di tempat kita. Tapi kalau kita sebagai bos kita wah! kita berehat dengan menghisap rokok begitu hebat lagi, inilah masalah besar yang dihadapi. Tuan Speaker, masalah ini perlu ditangani bersama. Saya fikir fatwa-fatwa yang dikeluarkan memang sesuai dengan fitrah dengan alam semula jadi kita dan sebab itu kita harus patuh terhadap fatwa yang telah dikemukakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, soalan 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK** : **TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN**

115. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 140: "Pada pendapat Audit, prestasi pendapatan peserta pada keseluruhannya belum memuaskan kerana peserta di tiga TKPM belum mencapai purata pendapatan bulanan RM3,000 pada tahun 2008".

Audit dalam muka surat 140 mendapati lima faktor utama kenapa sasaran ini tidak dicapai.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebelum penemuan Audit, Jabatan telah juga mengenal pasti kelima-lima faktor tersebut?
- b) Jika tidak, apakah sebab-sebabnya Jabatan gagal mengenal pasti kelima-lima faktor tersebut dengan lebih awal?
- c) Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan untuk mengatasi masalah-masalah yang berpunca daripada kelima-lima faktor tersebut?

**YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, sekali lagi menjawab soalan Hulu Kelang. Memang audit pada 2008 menunjukkan TKPM gagal untuk mencapai sasaran pendapatan petani RM3000.00 sebulan. Saya telah melawat semua kawasan TKPM pada 2008 dan banyak tindakan-tindakan yang telah kita ambil. Jabatan Pertanian telah mengenal pasti kelima-lima faktor-faktor yang telah menjadi cabaran kepada pencapaian pendapatan purata 3000 sebulan berserta TKPM Sungai Belakan, Sepang, TKPM Kundang, TKPM Batu Arang, Gombak, Selangor sebelum penemuan audit tahun 2008. Bagi mengatasi masalah-masalah di Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Jabatan Pertanian telah merancang beberapa penambahbaikan ke arah transformasi pertanian secara menyeluruh agar pencapaian TPKM dapat ditingkatkan. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan secara berterusan ialah yang pertama ialah pemuliharaan tanah gambut. Kita maklum kawasan Kuala Langat adalah kawasan gambut. Tanah-tanah TKPM di Sungai Belakan, Sepang dan Kundang, Kuala Langat terdiri daripada masalah gambut yang mengambil masa yang agak lama untuk dipulihkan, oleh itu usaha-usaha pemuliharaan tanah berkenaan seperti pengaburan, dilakukan secara berterusan setiap kali penyediaan tanah dibuat. Ini akan dapat mengurangkan kemasaman atau asid *level*, agar akar tanaman akan menyerap baja dan nutrien dengan kadar yang cepat. Selain itu sistem perparitan dan saluran telah ditambah dan di selenggara agar kawasan tidak takung air. Pada masa ini, masalah tersebut telah pun di atasi. Yang kedua, pemuliharaan tanah berbukit, ada sebahagian tanah TKPM Tuan Speaker, adalah kawasan berbukit. Bagi tanah berbukit seperti TKPM Batu Arang, yang berbukit dan terdapat tanah berbatu. Usaha-usaha pemulihan dijalankan oleh galakkan peserta projek agar melaksanakan tanaman organik dan integrasi tanaman dan ternakan seperti lembu dan kambing secara terkawal. Terdapat empat (4) peserta telah menjadikan ternakan untuk dijadikan baja organik

dan digunakan untuk menyuburkan tanaman seperti nangka madu, belimbing, limau nipis dan sukun. Petani menggunakan *system organic farming* ia ada lembu atau kambing dan dijadikan tersebut baja. Ini untuk mengurangkan kos. Yang ke-tiga, amalan teknologi pertanian. Teknologi merupakan aset penting dalam industri pertanian dan sebahagian peserta TKPM belum sepenuhnya menggunakan teknologi yang ada. Oleh yang demikian usaha sedang dijalankan agar peserta mendapat maklumat dan mengamalkan teknologi pertanian terutama dalam aspek satu, penggunaan benih dan enrolmen yang berkualiti dan yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian. Yang ke-dua, penggunaan baja berasaskan mikro organik yang boleh meningkatkan tahap kesuburan tanah dan keupayaan pokok menyerap sumber nutrien yang juga meliputi penggunaan kawalan musuh dan penyakit secara organik. Yang ke-tiga, amalan teknologi mani kasasi ladang bagi mengurangkan tenaga manual. Yang ke-empat, penggunaan teknologi sistem pengairan yang lebih efisien. Bagi masalah ke-empat, bagi skala yang kecil, kita maklum kawasan-kawasan TKPM ada skala kecil jadi sukar untuk para petani mengeluarkan penghasilan yang tinggi. TKPM di Sungai Belakan dan TKPM Kundang kebanyakan peserta mengusahakan mengeluarkan ubi kayu dan keledak di atas keluasan tanah yang kecil. Bagi Sungai Belakan seramai 151 peserta hanya 6 peserta sahaja yang mempunyai kawasan seluas lebih enam hektar. 12 peserta keluasan 4 hingga 5.9 hektar. Sementara 133 peserta keluasannya hanya 1 hingga 3 hektar. Di Kundang 41 peserta, hanya 6 peserta yang mempunyai keluasan melebihi 6 hektar. 3 peserta 3 hingga 4 hektar, dan 32 peserta yang mempunyai keluasan 1 hingga 3.9 hektar. Bagi meningkatkan pendapatan serta beberapa langkah telah diambil melalui usaha pemuliharaan kesuburan tanah agar hasil mereka ke tahap maksimum. Selain daripada itu peserta juga digalakkan untuk mengusahakan pemrosesan produk seperti kerepek ubi untuk menambah pasaran yang lebih baik. Peserta-peserta tidak hanya menjalankan pertanian, malah menggalakkan terlibat dalam memproses barang-barang mentah mereka. Bagi soal kekurangan modal, Jabatan Pertanian telah memberikan galakkan kepada peserta agar memohon pinjaman melalui agensi kewangan seperti AGRO Bank bagi memastikan mereka mempunyai modul yang mencukupi untuk memastikan projek dapat berjalan dan hasil memuaskan. Usaha ini kita telah jalankan dengan AGRO Bank di bawah perasian ekonomi di mana AGRO Bank akan memberi bantuan RM20,000.00 secara mudah pada peserta-peserta yang mohon. Terima kasih.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan. Selain daripada peranan Jabatan Veterinar dan Jabatan Pertanian, adakah Kerajaan akan melibatkan jabatan-jabatan lain bersepadu dalam mempercepatkan secara proses pemulihan masalah ini.

**YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tiga agensi utama yang terlibat dalam membantu pertanian. Yang pertama, Jabatan Pertanian. Kedua, Jabatan Veterinar. Ketiga, Jabatan Perikanan dan seterusnya Jabatan Pengairan dan Saliran bagi memastikan jalan-jalan pertanian dibina dan sistem pengairan yang tepat dan teratur.

**TUAN SPEAKER** : Kajang. Tiada. Sabak.

**YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 117.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL  
(SABAK)**

**TAJUK : PENUTUPAN IKYS**

117. INSTITUT Kemahiran Yayasan Selangor ( IKYS ) Bagan Terap Bagan Terap telah ditutup dan pelajarinya dipindahkan ke INPENS Kuala Selangor.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah penutupan IKYS menjejaskan dasar negeri untuk melatih belia bagi mencapai gaji RM 1500 sebulan?
- b) Adakah langkah ini akan membantutkan sosioekonomi di daerah Sabak Bernam?
- c) Apakah status semasa bangunan IKYS yang dikosongkan?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat sejahtera, Sabak mahu bertanya tentang Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) adakah penutupan IKYS menjejaskan dasar negeri untuk melatih belia bagi mencapai gaji RM1500 sebulan?. Jawapannya penutupan IKYS tidak menjejaskan dasar negeri untuk melatih belia bagi mencapai gaji RM1500 sebulan. Ini disebabkan pelajar-pelajar IKYS yang dipindahkan telah pun diserapkan ke INPENS Kuala Selangor dan tetap menjalani kursus kemahiran di INPENS sama seperti kursus kemahiran yang mereka jalani di IKYS dengan mendapat sijil pentauliahahan yang sama seperti yang di IKYS. Dengan sijil pentauliahahan yang sama, peluang mendapat pekerjaan tetap sama walau di mana sahaja tempat mereka belajar sama ada di Kolej ataupun Institut yang lain dengan mengambil atau menjalani kursus kemahiran yang sama. Kedua soalnya adakah langkah ini akan membantutkan sosioekonomi di daerah Sabak Bernam? Penutupan IKYS tidak akan membantutkan sosioekonomi di daerah Sabak Bernam. Kerana asalnya juga Kompleks ini dibina untuk tujuan Kompleks Pertumbuhan Desa Bagan Terap. Walau bagaimanapun pada akhir tahun 2007 kompleks ini diserahkan pada Yayasan Selangor untuk mengendalikan program latihan kemahiran. Jadi kompleks itu tidak dibina bertujuan untuk latihan kemahiran asalnya untuk pertumbuhan Desa Bagan Terap. Ketiga apakah status semasa bangunan IKYS yang dikosongkan? Status semasanya ialah bangunan ini masih digunakan bagi pembelajaran pelajar-pelajar IKYS sehingga 31 Disember 2010 kerana perpindahan penyerapan pelajar-pelajar IKYS ke INPENS Kuala Selangor dilakukan secara berperingkat-peringkat. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Tambahan berkaitan dengan pendidikan dan kemahiran yang dijalankan oleh Yayasan Selangor. Baru-baru ini.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Yayasan Selangor tidak berkaitan. Ini soalan bukan untuk Yayasan Selangor, IKYS.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS :** Pendidikan Yayasan Selangor

**TUAN SPEAKER :** Itu lain. Yayasan Selangor lain, IKYS lain.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS :** Ialah itu kemahiran dan pendidikan yang berkaitan dengan Yayasan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Ini IKYS, kena tumpulah, kalau semua orang nak ambil kesempatan macam-macam boleh masuk. Saya tahu kita nak ambil peluang tetapi kenalah berkaitan.



**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS :** Boleh atau tak boleh, kalau tidak boleh tak apa. Ok.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong soalan seterusnya.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan seratus enam belas. Seratus lapan belas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KUALITI ALAM SEKITAR**

118. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah kualiti Alam Sekitar telah menurun di Lembah Klang ?
- b) Apakah langkah-langkah berkesan dan jumlah bajet 2011 yang dirancangkan untuk di sediakan bagi menambahbaikkan kualiti Alam Sekitar yang telah tercemar di Lembah Klang ?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker ini adalah berkenaan adakah kualiti Alam Sekitar menurun di Lembah Klang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada keseluruhannya kualiti Alam Sekitar di Negeri Selangor tidak menunjukkan penurunan signifikan di banding dengan tahun-tahun sebelum ini. Kualiti Alam Sekitar di Selangor berada pada tahap yang sama untuk tempoh lima tahun kebelakangan dengan sedikit peningkatan dan penurunan bagi parameter-parameter tertentu disebabkan oleh faktor ataupun pengaruh cuaca. Walaupun di Negeri Selangor khasnya di Lembah Klang terdapat pembangunan yang amat pesat tetapi kita masih boleh *maintain* dengan izin kualiti Alam Sekitar. Ini juga dibantu dengan peningkatan penguatkuasaan dan juga pemantauan dari Agensi-agensi yang berkaitan dengan Alam Sekitar termasuk Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Urus Air Selangor.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker, Walaupun keadaan kualiti Alam Sekitar terdapat peningkatan tetapi masih ada terdapat kawasan-kawasan yang mengalami keadaan pencemaran alam sekitar. Soalannya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa khas yang dianggotai oleh Jabatan-jabatan berbagai jabatan-jabatan yang terlibat dalam yang berkaitan dengan Alam Sekitar dan juga badan-badan NGO untuk memantau tahap kualiti Alam Sekitar dan juga kawasan-kawasan yang terdapat pencemaran. Di samping itu juga terdapat juga beberapa pencemaran asap yang begitu tidak terkawal di kawasan terutamanya Bukit Raja sehingga ke kawasan Meru yang sehingga sekarang dilihat tidak ada tindakan-tindakan yang berkesan. Jadi dua soalan ini, Tuan Speaker

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Untuk makluman Sungai Burong kita memang ada satu Jawatankuasa Tetap di mana semua agensi-agensi yang ada kaitan dengan isu Alam Sekitar duduk berbincang, memantau dan merancang program-program Alam Sekitar di Negeri

Selangor. Tentang aduan asap di Bukit Raja ataupun di mana-mana pun Kerajaan Negeri Selangor dengan Jabatan Alam Sekitar dan juga Majlis-majlis Daerah atau Majlis Perbandaran mengambil satu tindakan yang tegas. Kalau Sungai Burong menyatakan bahawa Bukit Raja tidak ada apa-apa tindakan dari Kerajaan Negeri Selangor bersama dengan Jabatan Alam Sekitar akan pergi ke sana untuk memantau dan menangani masalah itu. Isu asap khususnya pembakaran terbuka adalah satu isu di mana Kerajaan Negeri Selangor ingin memberhentikan tindakan yang tegas dengan membawa orang-orang yang membuat pembakaran terbuka ke mahkamah bersama dengan pendidikan awam di mana kita tidak ingin menggalakkan lagi pembakaran terbuka khususnya di taman-taman khususnya di kawasan yang terdapat penduduk-penduduk yang padat.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS** : Tuan Speaker, boleh mendapat penjelasan tak sebab saya tidak berpuas hati dengan jawapan dia kerana kita kena melihat perkara ini telah juga saya bangkitkan tiap-tiap mesyuarat dewan ini kerana mahu melihat kualiti Alam Sekitar dengan lebih baik lagi terutama dari segi mengatasi pencemaran asap. Cuma kita nak lihat apakah tindakan-tindakan tegas kalau boleh apakah tindakan-tindakan misalnya dari segi kawalan dan penguatkuasaan. Yang kedua adakah tindakan-tindakan seperti program-program ataupun insentif-insentif yang dilaksanakan oleh khususnya Kerajaan Negeri Selangor untuk atasi pencemaran asap ini supaya dapat dilihat tindakan-tindakan yang dilaksanakan dalam tempoh beberapa tahun ini adalah berkesan.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tindakan biasa ataupun langkah-langkah yang dijalankan yang kita ambil kalau terdapat seperti aduan pembakaran terbuka, asap dan sebagainya ialah satu kita perlu mengenal pasti siapa yang buat, Kedua bila kita mendapat bukti kita akan mendakwa di Mahkamah. Jabatan Alam Sekitar menyiasat dan juga membuka kertas siasatan selepas itu dengan izin *internal jurnal* akan membuat dakwaan di Mahkamah. Walau bagaimanapun memang ada terdapat beberapa pihak yang masih degil kalau mereka terus membakar kita, kita pun ada beberapa tindakan seperti kompaun-kompaun oleh Majlis Daerah, Jabatan Alam Sekitar boleh buat fain dan sebagainya. Ketiganya isu pembakaran terbuka adalah satu isu yang bukan senang untuk diselesaikan ataupun ditangani ianya memerlukan tindakan selain daripada penguatkuasaan tetapi pemantauan. Kalau kita lihat di Johan Setia isu itu berlarutan hampir satu dekad sehingga Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat pergi ke sana kita membuat pemantauan berturutan hampir satu tahun yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Klang ada satu pasukan khas di sana mereka bukan sahaja memantau, menguatkuasakan, mereka juga seperti ( *bahasa Inggeris* ) dengan izin. Kalau memang kalau di Bukit Raja masalah ini, sebegitu di Johan Setia kita boleh mengambil langkah-langkah memang telah menunjukkan keputusan ataupun *result* yang bagus.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**YB DATO' AMIRUDDIN B. SETRO** : Speaker soalan nombor 119.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO HAJI AMIRUDDIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: PADAT**

119. Kerajaan Selangor telah menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT)

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran jangka panjang dan jangka pendek PADAT?
- b) Apakah program-program yang dilaksanakan sepanjang tahun ini?
- c) Apakah strategi PADAT untuk memasyarakatkan adat dan nilai-nilai baik dalam kalangan rakyat?

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI** : Isu sudah dijawab bersekali hari itu, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Baik, Meru.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Speaker soalan nombor 120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK** : PUSAT-PUSAT HIBURAN

120. Umum mengetahui bahawa pusat-pusat hiburan yang tidak terkawal adalah sarang kegiatan-kegiatan maksiat yang di tentangi oleh semua ajaran agama yang menimbulkan kesan yang buruk kepada semua lapisan masyarakat dan bangsa.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah tindakan tegas, drastik dan holistik seperti pembatalan permit, pemotongan api dan air, kompaun yang tinggi serta penyitaan yang berlarutan tidak diambil bagi mengatasi masalah pusat-pusat hiburan yang terbukti bermasalah ini ?
- b) Apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi meluluskan permit pusat-pusat hiburan di Negeri Selangor ?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker soalan Meru adalah berkaitan dengan pusat-pusat hiburan kerana beliau khuatirah dengan tindakan dan juga masalah-masalah berkaitan dengan pusat hiburan yang haram. Tuan Speaker pihak PBT telah menjalinkan kerjasama dengan pihak TNB,dan Syabas bagi tindakan pemotongan air dan elektrik di premis-premis yang bermasalah. Namun kuasa penuh pemotongan hanya diberikan kepada Ketua Polis Daerah selaras dengan Akta Rumah Judi Terbuka sembilan belas lima puluh tiga. Pihak Berkuasa Tempatan boleh membuat permohonan pemotongan-pemotongan bekalan elektrik kepada Ketua Polis Daerah dan tindakan pemotongan akan dilaksanakan oleh pihak TNB. Sementara itu Pihak Berkuasa Tempatan juga mengambil tindakan sitaan atau kompaun maksimum sebanyak lima puluh ribu selaras dengan Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan sembilan belas sembilan puluh lima kurungan pindaan sembilan belas sembilan puluh lapan terhadap mana-mana pusat hiburan yang tidak berlesen. Tuduhan katakan PBT tidak mempedulikan pusat-pusat haram adalah tidak benar kerana dalam rekod kita, kita telah membatalkan, menutup sebanyak lebih daripada sembilan ratus pusat hiburan yang haram pada masa dua tahun ini. Tuan Speaker syarat-syarat yang dikenakan bagi meluluskan permit pusat-pusat hiburan di Negeri Selangor berdasarkan garis panduan pemberian lesen hiburan

dan tempat-tempat hiburan di kawasan pentadbiran Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dengan syarat seperti berikut:- Pertama lokasi premis bagi permohonan premis tidak kurang daripada tiga ratus meter dari kawasan rumah ibadat, sekolah dan hospital. Tidak kurang dari seratus meter dari Pejabat Kerajaan dan rumah kediaman. Yang kedua pendekatan pemberian lesen semasa oleh PBT bagi setiap permohonan baru premis perlu mengemukakan cadangan konsep dan aktiviti hiburan yang akan dijalankan berserta cadangan lokasi masa hiburan dan butiran syarikat. Jawatankuasa Mesyuarat perlesenan akan mempertimbangkan terlebih dahulu sebelum sesuatu permohonan diluluskan. Sekiranya cadangan tersebut diluluskan mohon dikehendaki mengemukakan permohonan kepada pihak majlis dan kelulusan permohonan lesen hiburan adalah tertakluk kepada sokongan pihak polis dan Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia. Bagaimanapun pusat-pusat hiburan permohonan telah dibekukan 2008. Sekarang kita hanya membenarkan permohonan untuk pusat-pusat hiburan di pusat membeli belah. Ini adalah kerana kita cuba meminimumkan masalah berbangkit dengan pusat-pusat hiburan.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR B. HASHIM** : Tambah.

**TUAN SPEAKER** : Ya Kota Damansara.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Memang benar Tuan Speaker kerajaan pihak berkuasa tempatan tidak berpuas hati dengan pihak polis kerana kita memahami bahawa dalam banyak hal untuk operasi polis lebih berkuasa daripada PBT maka kerana itu kalau tindakan operasi ada dibuat bersamaan polis ia akan jadi lebih berkesan tetapi saya hendak menegaskan di sini bahawa bukan semua daerah polis tidak bekerjasama dengan kita. Pun dalam masa yang sama masih ada polis yang ingin bekerjasama dengan kita. Sebab itu baru-baru ni kita akan cuba mengadakan perbincangan dengan IGP yang baru dan juga CPO yang baru kita harap mudah-mudahan kerjasama di antara PBT dan Polis akan bertambah baik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker soalan 121.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK** : **LATIHAN ESQ LEADERSHIP**

121. Pihak Mufti Wilayah Persekutuan memfatwakan ESQ (*Emotional, Spritual & Q*) sebagai menyeleweng (di gazet pada 13 Jun 2010)

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Apakah pendirian kerajaan negeri Selangor terhadap ESQ?
- b) Adakah setakat ini ESQ beroperasi di negeri Selangor?
- c) Adakah sebarang tindakan yang diambil terhadap ESQ?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Terima kasih kepada Bangi. Setelah fatwa Mufti Wilayah Persekutuan mengumumkan bahawa latihan ESQ adalah menyeleweng, pihak kerajaan negeri telah membekukan penganjuran latihan tersebut. Pihak kerajaan negeri telah pun memohon pandangan Jabatan Mufti Negeri Selangor berhubung perkara itu. Maka dalam mesyuarat jawatankuasa negeri Selangor kali ke-3 2010 yang bersidang pada 21 September 2010 perkara ini telah dibincangkan. Hasil daripada perbincangan tersebut Jawatankuasa Fatwa telah membuat keputusan seperti berikut, pertama, bahawa kebanyakan unsur-unsur keraguan yang terkandung dalam buku edisi lama dan dalam kursus yang dikendalikan boleh diperbetulkan dan diperjelaskan. Kedua, pihak ESQ hendaklah membuat perubahan dan memperbetulkan dengan segera fakta-fakta, kenyataan atau apa jua aktiviti perlakuan sama ada dalam buku keluaran ESQ ataupun semasa mengendalikan kursus yang boleh menimbulkan keraguan. Ketiga, buku-buku edisi lama, artikel-artikel dan lain-lain yang telah disebar kepada peserta-peserta kursus atau dipamerkan di kedai-kedai dan di mana-mana sahaja ia disebar hendaklah ditarik balik dan dibatalkan dengan kenyataan dan hendaklah digantikan dengan buku ESQ edisi baru yang telah dibetulkan segala keraguan dikeluarkan dengan kadar segera. Keempat, pihak Jawatankuasa Fatwa negeri Selangor bertanggungjawab memantau sepenuhnya pembedaan dan pindaan yang dibuat oleh panel syariah ESQ dan memantau perjalanan kursus yang diadakan di negeri Selangor dari semasa ke semasa. Kelima, mesyuarat juga memutuskan bahawa tiada halangan bagi mana-mana badan atau agensi di negeri Selangor mengikuti kursus ESQ *Leadership Training* setelah para dua dan tiga di atas di ambil tindakan oleh pihak ESQ.

Sehubungan dengan itu pihak kerajaan negeri ini sedang menunggu pindaan yang akan dilakukan oleh pihak ESQ berhubung para dua dan tiga yang disebutkan tadi. Sekian Tuan Speaker.

**YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker soalan tambahan. Sebenarnya ADUN Bangi sendiri tidak faham apa yang dipertikaikan tentang kesalahan. So, kita hendak tahu apa *point-point* atau fakta-fakta yang dianggap salah dan kiranya sudah terbukti ia salah mengapa minta diperbetulkan dan dibenarkan untuk disebarluaskan di negeri kita. Padahal di negeri kita terlampau banyak badan-badan motivasi yang mampu menyampaikan motivasi-motivasi baik pendidikan agama, pelajaran biasa dan sebagainya. Seperti mana Gombak Setia pun seorang pakar motivasi jadi mengapa kita nak pelihara sangat satu badan dari luar yang diragukan dan ternyata salahnya kita nak baiki dan nak beri pula peluang kepada orang luar untuk menyebarkan fahaman ataupun pelajaran mereka yang saya fikir lebih bersifat kepentingan komersial berbanding dengan betul-betul hendak menyampaikan pelajaran kepada masyarakat kita. Sekian terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Terima kasih kepada Bangi. Memang negeri Selangor kaya dengan *motivator-motivator* atau modul dan kursus latihan kemahiran motivasi dan sebagainya. Tetapi oleh sebab ESQ ini telah pun berkembang dan telah pun menarik perhatian ramai daripada orang Selangor juga pernah pun mengikuti program-program ESQ dan merasa mereka pun berjaya merubah sikap dan mungkin mentaliti mereka sendiri, cara mereka mendekati kehidupan ini menyebabkan mereka menguar-uarkan adanya satu program yang sebegitu di Selangor ataupun di Malaysia ini. Jadi fatwa ini melihat dari segi mungkin keagamaannya. Mungkin ada yang menimbulkan keraguan tapi kita tidak mahu terlalu *rigid* dengan izin atau pun terlalu bersifat eksklusif sehingga bersifat memberikan ruang-ruang bagi mereka yang mempunyai kepakaran dari segi input audio visual dan cara-cara pelatihan yang lain yang memberi impak yang baik juga kepada pembangunan insan di negeri Selangor ini. Jadi saya tak ada dia punya apa di sini disebutkan sangat-sangat yang dipertikaikan tapi itu

telah pun diberi fahamkan pada pihak ESQ, pengurusan ESQ terpulang pada mereka membuat apa yang telah disyorkan oleh Majlis Fatwa di negeri Selangor.

**YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker Bangi rasa tidak puas hati dengan jawapan itu.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, itu fatwa nak buat macam mana.

**YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Kalau Jabatan Mufti Wilayah fatwakan haram maka haram saja la. Kita nak baiki apa dan sebagainya kita takut melarat pula yang salah itu kita bukan boleh kawal bila dia mengajar dia akan kait sahaja. Dia tulis mungkin betul tapi dia terpengaruh dengan yang lama. Saya fikir kita patut haramkan sahaja. Saya ingat Gombak Setia lebih maklum tentang bidang ini agaknya. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Terima kasih Bangi. Insya-Allah Jabatan Mufti pun ada di sini dan akan mengambil maklum apa yang disebutkan oleh Bangi tadi. Insya-Allah ada sebab-sebab yang kukuh mengapa mereka membuatkan fatwa seperti...

**YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, saya hairanlah satu badan dari luar negara boleh terus masuk ke Jabatan Mufti peringkat tertinggi dan mempengaruhi badan itu membenarkan ESQ ini mengajar tempat kita tidak dari peringkat bawah ertinya mereka berjaya menerobos ke Jabatan Mufti dan membenarkan mengajar dan disedari tak betul dan itu satu kejayaan mereka menerobos Jabatan Mufti. Mufti pula sekarang ni dah goyah Jabatan Mufti Wilayah kata haram. Ada yang setengahnya, Johor pula kalau tak silap saya membenarkan. Selangor pula mengambil sikap yang positif jadi kita dah jadi kacau dengan sebab kemasukan dia. Saya ingat perlu haramkan saja dan tak rugikan kita. Kita ramai pakai *motivator* dari Persatuan-persatuan *motivator* yang berwibawa. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Terima kasih Bangi. Sebenarnya bukanlah ESQ ini melangkaui semua orang sehingga pergi ke Mufti dahulu. Oleh sebab ia telah menimbulkan kontroversi yang agak hangat dan menerobos pelbagai golongan termasuklah yang cerdik pandai jadi...

**YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Saya nak ganggu sekejap. Mengapa SPIES tidak diperbesarkan pendekatan. Kan boleh dibuat juga. Jadi kita mengaku kalah. Kita lebih bijaksana. Kemungkinan la boleh diperluaskan SPIES dalam bidang agama dan sebagainya.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Insya-Allah Bangi kita akan berbesar hati memang itu kita akui ESQ mempunyai pengalaman dan kos untuk dia punya publisiti promosi itu lebih luar biasa daripada SPIES dan sebagainya dan kita rasa ini akan diambil maklum oleh Jabatan Mufti dan mereka ada sebab-sebab, hujah-hujah mengapa mereka mengambil tindakan sebegitu. Dan seperti yang disebutkan oleh Tuan Speaker tadi fatwanya telah dikeluarkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, soalan 122.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROGRAM PENDEMOKRASIAN RAKYAT**

122. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan butiran terperinci mengenai jumlah pemilih baru yang berjaya didaftarkan menerusi program tersebut mengikut pecahan setiap Parlimen dan DUN ?
- b) Sila nyatakan apakah kelemahan yang dikenal pasti dalam pelaksanaan program tersebut ?
- c) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan bagi menjayakan program tersebut ?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Sekinchan menanyakan tentang program Pendemokrasian Rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat inisiatif untuk menentukan lebih ramai masyarakat Malaysia mengundi adalah dilakukan oleh kumpulan aktivis NGO yang mengikut kajian terdapat lebih daripada 700,000 orang yang layak mengundi di Selangor tidak/belum mendaftar. Oleh sebab itu, aktivis antaranya termasuk *legal council* semua sudah mencari jalan bagaimana kita boleh menggalakkan pendaftaran dan mereka dibuat oleh sekretariat program pendemokrasian rakyat. Pada masa ini melebihi 8000 dalam masa yang pendek ini didaftarkan tetapi angka-angka yang diminta menurut kawasan DUN itu tidak boleh kita berikan sekarang sebab proses untuk kita mendaftar ini melalui beberapa proses. Salah satu proses adalah mendaftarkan kemudian dihantar ke Suruhanjaya Pilihan Raya yang kemudiannya menentukan mana daerah dan tempat mengundi dan proses ini masih dalam proses dan kita hendak memantau mana kawasan yang lebih ramai orang yang didaftarkan dan yang tidak. Ini satu perkara yang masih dalam perbincangan oleh Kerajaan Negeri dan parti-parti komponen yang berminat untuk menentukan cara pendaftaran itu dibuat dengan terbuka dan tertib.

Program ini mendapat sokongan Kerajaan Negeri sebab kita berpendapat kita perlu memberi sokongan. Oleh sebab itu kita mengundang ketua-ketua kampung, JKKK dan Ahli-ahli Jawatankuasa masjid serta beberapa guru KAFA untuk menerangkan kepada mereka bahawa usaha demokrasi ini boleh berjaya ketika semua rakyat dapat kesempatan untuk mengundi. Sebelum mengundi mereka semua mesti didaftarkan dan kumpulan belia juga adalah kumpulan yang begitu ramai yang tidak mendaftar untuk mengundi. Kerajaan Negeri tidak menyalurkan bantuan kewangan. Bagaimanapun, Menteri Besar melalui bajet ada *allocation* daripada Menteri Besar yang meluluskan sebanyak RM40,000.00 untuk menolong menggerakkan program ini.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM :** Soalan 123.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMULIHARAAN PROJEK RUMAH TERBENGKALAI.**

123. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan projek perumahan RKR terbengkalai yang telah dipulihara semula melalui usaha Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyegerakan penyelesaian perumahan terbengkalai ini

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Kota Damansara. Yang pertamanya jumlah projek yang terbengkalai yang telah dipulihkan yang terdiri dari rumah kos rendah. Kita telah memulihkan satu projek pangsapuri kos rendah iaitu pangsapuri 14 tingkat Bukit Bestari sebanyak 146 unit yang telah diserahkan pada tahun ini. Pangsapuri atau pun rumah kos rendah terdiri dari 20% daripada projek-projek yang terbengkalai sekarang ini melebihi daripada 138 projek dan apakah tindakan kerajaan negeri untuk menyegerakan penyelesaian. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum pemulihan projek terbengkalai adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Akta Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan. Di bawah akta tersebut ini memperuntukkan kuasa kepada menteri untuk melantik syarikat atau mengambil alih projek perumahan yang tidak memenuhi obligasi tanpa merujuk kepada Menteri Kewangan terlebih dahulu. Memandangkan pembelian sebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku *bridge of contract* maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya pembeli rumah mereka terbengkalai kerajaan negeri tidak mempunyai *local standby* untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tidak akan lari daripada tanggungjawab tetapi telah mengambil langkah-langkah positif untuk mencari idea-idea baru dalam membantu menyelesaikan projek-projek terbengkalai di antaranya adalah bekerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau pun SSM bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai syarikat pemaju perumahan yang terbengkalai. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat seterusnya menyenarai hitam agar sebarang projek pembangunan pada masa akan datang tidak lagi dibangunkan oleh mereka. Yang kedua mengenal pasti projek-projek terbengkalai yang peratusan penyiapan telah menjangkau 80%, seterusnya mengadakan perbincangan di antara pembeli, pemaju, bank dan pihak-pihak yang terlibat bagi mencari jalan penyelesaian contohnya sekiranya pemaju menghadapi masalah kewangan bagi menyiapkan baki projek tersebut pembeli dan pemaju dengan persetujuan bank yang dicadangkan boleh menambah jumlah pinjaman bagi menyiapkan baki projek tersebut dengan syarikat pinjaman tambahan tersebut dikawal oleh *state holder*. Ketiga adalah mendapatkan mesyuarat bersama dengan Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan bagi memantau secara berkala dan mempercepatkan proses kelulusan bangunan seperti pengeluaran CF dan seperti mana yang telah saya umumkan beberapa kali bahawa kita akan *revamp* balik atau pun dengan izin jawatankuasa pemulihan projek terbengkalai yang bertindak sebagai *one stop centre* bagi memulihkan projek terbengkalai, di mana saya sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya terdiri daripada Yang Berhormat Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Yang Berhormat Hulu Kelang sebagai Pembantu EXCO, Ketua Eksekutif Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Pengarah Jabatan



Kerja Raya, Pengarah Tanah & Galian Negeri Selangor, Pentadbir Tanah berkaitan, Pengarah Perancang Bandar & Desa, Yang Dipertua dan Datuk Bandar Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Pengarah Jabatan Insolvensi Indikator sekiranya berkaitan, pemaju-pemaju terlibat.

Jawatankuasa pembeli, pemilik rumah dan bank yang terlibat juga akan dipanggil mengikut projek dan jawatankuasa ini telah pun diluluskan oleh EXCO. Ketiga adalah kelima adalah tindakan merampas tanah atau pun pengambilan tanah seperti dalam projek Alam Perdana dan projek Bukit Botak di mana perampasan tanah atau pun pengambilan tanah adalah salah satu daripada cara-cara bagaimana kita nak menyelesaikan projek terbengkalai. Masih dengan rumah kos rendah, jawatankuasa pemulihan projek terbengkalai telah melihat empat projek rumah atau kos rendah yang dijangka akan dapat dipulihkan dalam masa yang terdekat. Yang pertama adalah Pangsapuri Seri Bunga Raya, Kampung Masjid Paya Jaras 153 unit, yang kedua adalah Pangsapuri Jalan Pelatoh U5/138 Seksyen U5 Shah Alam 185 unit, yang ketiga adalah Saujana Puchong 228 unit, yang keempat adalah Ukay Bestari, Hulu Klang 256 unit. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Waktu pertanyaan sudah tamat.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

#### **i) Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2010 (semua peringkat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Enakmen Industri berasas kayu pindaan 2010 sambungan.

**TUAN SPEAKER** : Kita silakan Kota Anggerik untuk menyambung ucapan.

**YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya mohon untuk menyambung usul Rang Undang-undang Industri berasas kayu pindaan 2010. Kebenaran kuasa pendakwaan mengikut Seksyen 337(B) Kanun tatacara jenayah. Enakmen ini juga dibuat pada tahun 1985 berkaitan pemberian kebenaran untuk kuasa menjalankan pendakwaan adalah bercanggah dengan peruntukan di bawah Seksyen 337(B) kanun tatacara jenayah yang peruntukan hanya Pendakwa raya sahaja yang boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan pendakwaan. (B) tiada pendakwaan di mahkamah boleh dibuat bagi apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran izin bertulis pendakwa raya di bawah kuasa peruntukan Seksyen 376 Kanun tatacara jenayah. (C) oleh yang demikian pindaan pada Seksyen 22 perlu dibuat dengan menggantikan Seksyen 22 Enakmen dengan Seksyen 22 yang baru seperti berikut, pendakwaan tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan kebenaran bertulis pendakwa raya. Penalti, penalti ini merupakan penalti am yang menyatakan bagi kesalahan yang telah disabitkan dan tidak menyebut penalti secara khusus. B, oleh itu pindaan Seksyen 27 perlulah dibuat dengan menggantikan perkataan dua ribu ringgit, perkataan sepuluh ribu ringgit dan dengan memotong perkataan penjara dan penjara itu. Kuasa membuat kaedah-kaedah. A, pihak berkuasa negeri boleh membuat kaedah-kaedah dan di bawah perenggan (i) memperuntukkan penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah kaedah-kaedah. B, oleh itu pindaan pada Seksyen 21(i) perlulah dibuat dengan mengganti perkataan dua ribu ringgit perkataan sepuluh ribu ringgit dengan memotong perkataan penjara dan denda itu dan D, memasukkan satu Seksyen baru selepas Seksyen 28, Seksyen yang berikut. Pengkompaunan

kesalahan 28a(1), pihak berkuasa negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan kesalahan di bawah enakmen ini yang boleh di kompaun. (2), pengarah boleh dengan keizinan pendakwa raya secara bertulis menawarkan untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini yang dilakukan oleh mana-mana orang dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dari kaedah-kaedah yang dibuat di bawah enakmen ini dengan membuat satu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Pengarah satu jumlah yang tidak melebihi 50% amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu. (3), satu tawaran di bawah sub-seksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan bagi dimulakan. (4), jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah sub-seksyen (2) tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat. (5), jika suatu kesalahan telah di kompaun di bawah sub-seksyen (2) tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucutkan oleh Pengarah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan syarat kompaun oleh Pengarah.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan yang telah diberikan tadi maka dengan ini saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan ini telah pun disokong, saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Jadi tidak ada, sekiranya ada penjelasan seterusnya, kalau tidak ada kita .....

**YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya mencadangkan adalah wajar supaya Rang Undang-undang ini diterima memandangkan Enakmen ini tidak dipinda selama 24 tahun.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya...

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya ....

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen untuk meminda enakmen, meminda enakmen Industri berasaskan kayu 1985.

**YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya mohon bercadang supaya dewan ini bersidang sebagai jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 3**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 4**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 5**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 6**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 7**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 8**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 9**

**TUAN SPEAKER** : Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 10

**TUAN SPEAKER** : Fasal 10 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 11

**TUAN SPEAKER** : Fasal 11 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 12

**TUAN SPEAKER** : Fasal 12 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Pengerusi saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Pengerusi, saya memohon memaklumkan dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui, oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Pengerusi saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut: bahawa menurut *subsection* 4(3), dan seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 dewan ini ingin membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak 600 juta ringgit yang dinyatakan dalam anggaran peruntukan pembangunan 2011 yang dibentangkan di dewan mengikut *subsection* 4(1) akta yang sama sepertimana yang terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual anggaran peruntukan pembangunan 2011 kepala jabatan dan peruntukan P1- Menteri besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri 225 juta, Perbendaharaan Projek Am 15 juta, Perbendaharaan P5- 1 juta, P8 – Jabatan Pertanian 15 juta, P10 – Jabatan Perhutanan 5.5 juta, P12 – Jabatan Kerja Raya 15,310,00, P13 – Jabatan Pengairan dan

Saliran 45 juta, P14 – Jabatan Agama Islam 110600, P16 – Jabatan Perancang Bandar dan Desa 2.5 juta, P17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar 6,0500,53 juta, P27 – Jabatan Kehakiman Syariah 12.5 juta, P29 – Perbendaharaan Perbelanjaan Am-luar jangka 8,200,47 juta. Jumlah keseluruhan 600 juta.

Tuan speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat; Sejumlah 1,000430 juta adalah peruntukan dalam bajet negeri Selangor untuk perbelanjaan 2011. Daripada jumlah tersebut sebanyak 600juta disumbangkan melalui Kumpulan Wang Pembangunan yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah 600 juta untuk projek-projek pembangunan Selangor pada 2011, pecahan mengikut kepala adalah seperti di usul pembangunan 2011.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

P1 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan sejumlah 225 juta diperuntukkan di bawah vot Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, daripada jumlah tersebut 3,940,010 diperuntukkan untuk Projek Mesra Rakyat atau Perkhidmatan Masyarakat PK1 dan 2,470,000 untuk pembangunan luar Bandar, PK2 sejumlah 9,200,000 diperuntukkan untuk projek ekonomi kecil dan 15,500,00 untuk pembangunan kampung. Peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri juga diagihkan kepada pembandaran PK3 sejumlah 15,680,00, Adat Melayu dan Warisan PK4 sejumlah 37,00100, Perpustakaan PK5 sejumlah 13,840,00 dan Pembangunan Usahawan PK6 sejumlah 2 juta. Bagi Pembangunan Sosial PK7 pula Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah 47,465,00 dan diagihkan kepada Pembangunan Insan sejumlah 8,900,000, Pembangunan Pendidikan sejumlah 26juta, Wanita sejumlah 1 juta, Belia dan Sukan sejumlah 8,100,000 serta Perumahan dan Hartanah sejumlah 3,465,000 manakala sejumlah 300,000 pula diperuntukkan di bawah Pusat Latihan PK8, Pembangunan Institusi Pentadbiran sejumlah 500,000 diperuntukkan.

Selain itu peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri diagihkan untuk Pelancongan PK10 – 10,00400, Kajian PK11 – 2,500,000, Pentadbiran PK12 – 7 juta, Perikanan PK13 – 1juta, Jabatan PERHILITAN PK14 – 100,000, Projek Khas Negeri PK15 – 6000010, Pengambilan Tanah PK16 – 26 juta, Alam Sekitar PK17 – 450,000, Sumber Alam PK18 -260,000, dan Kerajaan Prihatin PK19 – 1,150,000. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak 8,750,000,30 bagi Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), di bawah PK 20 dan perbelanjaan am PK21 sejumlah 13,876,960.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat;

Perbendaharaan Projek Am disediakan sebanyak 15 juta di bawah Perbendaharaan Negeri untuk projek-projek am, Perbendaharaan Negeri sejumlah 1juta diperuntukkan untuk pembangunan komputer di bawah Perbendaharaan Negeri, P8 – Jabatan Pertanian sejumlah 15 juta diperuntukkan di bawah vot Pertanian P8 daripada jumlah tersebut 1,449,940 adalah untuk pembangunan tabung Taman Agroteknologi 4,850,000 untuk pembangunan Taman Makanan, 400,000 untuk pembangunan Taman Industri PK3 – 200,000 untuk pembangunan Industri Bunga dan Taman Hiasan PK4 -1,800,3000 untuk pembangunan Industri Asas Tani PK5 – 2,300,000 untuk pembangunan Pusat-pusat Teknologi Pertanian PK6 – 100,000 untuk pengurusan Perosak Bersepadu PK7 – bagi PK8 memajukan Kompleks Pertanian peruntukan token yang disediakan berjumlah 60 ringgit bagi 6 buah kompleks Pertanian yang hendak dilaksanakan bermula pada tahun 2013 dan 200,000 untuk pembangunan Agro Pelancongan, PK9, bagi Pembangunan Pertanian Bersepadu PK10 diperuntukkan sejumlah 700,000, Teknologi Maklumat PK11 sejumlah 520,000, Perkhidmatan Perkembangan dan Perundingan

PK12 – 800,000, Pengurusan Tanah Bermasalah PK13 sejumlah 300,000, dan untuk Pembangunan Pengurusan Tanah terbiar PK14 sejumlah 250,000. Bagi pertanian PK15 untuk Pembangunan Kemudahan Kejenteraan dan logistik pertanian pula diperuntukkan sebanyak 800,000 dan 300,000 untuk penyelidikan teknologi baharu tanaman PK16. P10 – Jabatan Perhutanan sejumlah 5,500,000 diperuntukkan di bawah Jabatan Perhutanan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti Program Pengurusan Sumber Hutan, PK1 sejumlah 1,175,000 Program Pembangunan Sumber Hutan PK2 sejumlah 1,355,000 Program Perhutanan Masyarakat PK3 sejumlah 1,200,000, Program Pembangunan Tenaga Manusia –Infrastruktur PK4 sejumlah 1,170,000 Program Pemuliharaan Alam Sekitar PK5 sejumlah 2juta, Program Seranta Pengembangan Perhutanan PK6 sejumlah 100,000 dan pembekal pembalakan dan pembalakan haram sifar PK7 sejumlah 150,000 dan pengurusan hutan secara berkekalan PK8 sejumlah 150,000.

Tuan speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Jabatan Kerja Raya P12, sejumlah 153,0100,00 diperuntukkan di bawah vot ini untuk pelbagai rancangan PK1 sebanyak 33 juta dan sebahagian besar diperuntukkan untuk projek jalan PK2 yang sejumlah 120,0100,00. Jabatan Pengairan dan Saliran sejumlah 45juta diperuntukkan di bawah vot ini peruntukan ini meliputi semua bidang teras jabatan bagi memenuhi misi iaitu pengurusan sumber air, lembangan sungai, risiko banjir dan zon pantai bagi mencapai kelestarian alam sekitar dan peningkatan kualiti alam. Melalui pecahan butiran yang dicadangkan statistik utama jabatan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan teratur di samping itu pelaksanaan program bakal memfokus pada pengurusan secara lestari bersepadu dan cekap sejajar dengan arah tuju Kerajaan Negeri. Ia juga memberikan kesinambungan kepada objektif Jabatan dalam usaha memberi perlindungan nyawa dan harta benda akibat banjir melalui konsep pencegahan awal di samping menghidupkan semula sungai yang bersih, berhidupan dan bersemangat. Peruntukan yang diagihkan kepada aktiviti pengurusan banjir PK1 sejumlah 3,408,897.2 menarik taraf sistem saliran PK2 sebanyak 860,000 program lembangan sungai PK3 sebanyak 800,000, Program Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi PK4 sebanyak 1,050,000 Program Pengurusan Saliran Mesra Alam PK5 sebanyak 1,400,000 Program Pengurusan Pantai PK6 sebanyak 2,500,010 dan Program Pengurusan Mekanikal dan Elektrikal PK7 sebanyak 900,000. Selain itu Kerajaan Negeri memperuntukkan Program Pengurusan Infrastruktur dan Bangunan PK8 iaitu RM1,950,000 dan Program Pengairan dan Saliran Pertanian PK9 sebanyak RM4,600,020.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat;

P14 – Jabatan Agama Islam, sejumlah RM110,600,000 diperuntukkan di bawah vot ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM50,600,000 disediakan untuk projek pembinaan sekolah-sekolah agama PK1 dan sejumlah RM25 juta untuk pembinaan pejabat-pejabat agama Islam PK2 dan RM32 juta untuk pembinaan masjid PK3 dan RM3 juta untuk projek pelbagai P16. Jabatan Perancangan dan Desa - sejumlah RM2,500,000 diperuntukkan di bawah vot ini. Pecahan ini diwujudkan sebagai pengkhususan kepada aktiviti rancangan pemajuan sebanyak RM 500 ribu PK1, RM 200 ribu untuk perancangan dasar PK2 dan RM 1,800,000 untuk kajian khas perancangan PK3. Selaras dengan fungsi jabatan, aspirasi Kerajaan Negeri untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor, menjamin keselamatan dan kesejahteraan.

Merakyatkan Ekonomi diterjemahkan dalam bentuk projek-projek, program-program dan kajian-kajian khusus dalam konteks ruang.. '*spatial*'. Sehubungan ini, jabatan turut menggalas tanggungjawab beberapa program dalam pakej Rancangan Ekonomi Negeri. Antaranya projek pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang, '*Urban Regeneration*' ataupun Pembangunan

Semula Bandar serta peluasan Sistem Pengangkutan Awam. Pengarah JPBD Negeri Selangor merupakan penasihat utama kepada Kerajaan Negeri Selangor mengenai hal ehwal Perancangan Bandar dan Desa. Fungsi ini dapat dilaksanakan melalui peranan Pengarah sebagai Setiausaha Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk penyelarasan dan penyediaan Rancangan Struktur Negeri Selangor, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas serta kawalan perancangan di peringkat pelaksanaan pembangunan. Sehingga kini, jabatan sudah mewartakan 20 rancangan pemajuan di Negeri Selangor. Terdapat 4 Rancangan Tempatan di peringkat pewartaan. 2 Rancangan Tempatan di peringkat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam dan 4 Rancangan Kawasan Khas di peringkat penyediaan Pembangunan Sistem Pemantauan Perancangan Guna Tanah Selangor, SISMEPS yang sedang dibangunkan secara komprehensif dan hendak membantu memantau pelaksanaan perancangan supaya menepati rancangan-rancangan pemajuan tersebut.

P17 – Perkhidmatan Veterinar, sejumlah RM6,553,000 diperuntukkan di bawah vot ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM913 ribu disediakan untuk pembangunan komoditi ternakan Ruminan, PK1 yang melibatkan Program Bantuan Induk Berkualiti, Induk Lembu pedaging, tenusu dan kambing dan biri-biri kepada penternak berpotensi untuk transformasi tahap komersial, penternak terlibat akan bertindak sebagai ladang pengganda, '*Multiplier Farm*'. Sejumlah RM430 ribu diperuntukkan untuk pembangunan komoditi ternakan unggas dan bukan Ruminan, PK2, yang sebahagiannya diperuntukkan untuk pembangunan pusat pembiakan puyuh melibatkan projek pembangunan sebuah ladang puyuh, pembiak di Kuala Langat untuk pengeluaran induk puyuh yang bekalan dan jualan kepada penternak puyuh Negeri Selangor dan negeri lain. Sejumlah RM350 ribu untuk pembangunan industri asas ternak PK3 bagi pembangunan inkubator dan makmal R&D produk IAT berasaskan ternakan melibatkan projek pembangunan sebuah makmal R&D produk IAT di Kompleks Jabatan Perkhidmatan Veterinar Shah Alam dilengkapi kemudahan infrastruktur dan peralatan pemprosesan produk hiliran berasaskan ternakan berkonsepkan sistem inkubator.

Di bawah PK4 pula sejumlah RM645 ribu untuk kesihatan veterinar bagi program pengawalan dan pembasmian penyakit haiwan dan zoonotik melibatkan program-program epidemiologi penyakit bagi memamatkan tahap bebas penyakit-penyakit haiwan yang mempunyai kepentingan ekonomi dan zoonotik. Sejumlah RM612 ribu untuk regulatari, sanitari dan fitosanitari..sps dan biosekuriti PK5. RM710 ribu untuk pembangunan kompetensi dan bimbingan usahawan PK6 – RM1,634,000 untuk pemantapan kualiti perkhidmatan veterinar PK7 dan sejumlah RM1,250,000 untuk pembangunan taman kekal pengeluaran makanan TKPM - PK8 yang melibatkan projek pembangunan 5 buah reban ayam pedaging, sistem tertutup di Sungai Nilam Hulu Selangor berkonsepkan sistem inkubator. P27 - Jabatan Kehakiman Syariah, sejumlah RM12,500,000 diperuntukkan di bawah vot ini untuk membangun Mahkamah Syariah PK1. P29 – Perbendaharaan Negeri luar jangka sejumlah RM 8, 247,000 diperuntukkan bagi memenuhi keperluan luar jangka.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat; oleh sebab kita baru sahaja membahaskan peruntukan pembangunan dengan panjang lebar, maka dengan ini saya memohon supaya usul ini diluluskan.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

#### **IV. USUL**

- i. Usul No. 10 tahun 2010  
Usul Anggaran Peruntukan Pembangunan 2011**

**TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh YAB Dato' Menteri Besar iaitu usul anggaran Peruntukan Pembangunan 2011. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan anggaran Peruntukan Pembangunan 2011 dengan merujuk kepada perkara PK6 – Pembangunan Usahawan di bawah vot P01 Menteri Besar dan SUK. Di bawah butiran 10060, setelah saya meneliti perincian dan juga butiran 10060 Pembangunan Usahawan di bawah vot P01 Menteri Besar dan SUK, saya mendapati perancangan dan pendekatan Kerajaan Negeri berhubung Pembangunan Usahawan ini masih lagi terkepong dengan definisi lama di mana IKS ini hanya tertumpu pada industri kampung. Sementara industri kampung amat memerlukan sokongan dan dukungan daripada Kerajaan Negeri untuk terus dimajukan dan diperkembangkan. Saya berpendapat Kerajaan Negeri juga perlu mencari sumber-sumber pendapatan yang baru melalui definisi semula IKS. Saya telah mencadangkan dalam perbahasan tempoh hari supaya takrifan IKS ini diperluaskan kepada industri maklumat, sistem perkhidmatan, namun saya tidak dapat mengesan daripada butiran yang diberikan di halaman 101 ini mencakupi skop tambahan untuk menjana pertumbuhan dan pendapatan Kerajaan Negeri. Sedangkan dalam sejarah kejayaan Taiwan dan Korea yang terlepas daripada krisis kewangan tahun 97 dan 98 adalah kerana industri sokongan IKS itu terlalu kukuh membantu negara-negara yang berkenaan untuk tidak terjerumus dalam krisis ketika tempoh yang berkenaan. Jadi saya ingin mencadangkan supaya takrifan dan definisi IKS ini yang mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri dapat diperluaskan dan mencakupi bidang-bidang baru yang lebih mencabar pada hari ini.

Yang kedua, saya mendapati daripada sejumlah peruntukan pembangunan untuk P1 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM225 juta. Hanya RM2 juta diperuntukkan untuk Pembangunan Usahawan. Bagi saya, jumlah ini amat kecil sekiranya Kerajaan Negeri ingin memajukan industri, pembangunan usahawan dalam negeri Selangor. Dan yang mengejutkan saya kalau kita lihat butiran yang dilaporkan dalam halaman 101 dan butiran 10060, Pembangunan Usahawan diperuntukkan hanya RM2 juta sahaja. Sedangkan butiran 10040 Adat Melayu dan Warisan diperuntukkan RM3.7 juta. Sementara saya tidak berhasrat untuk menafikan keperluan bagi Kerajaan Negeri mempertahankan Adat Melayu dan Warisan di negeri Selangor dengan peruntukan RM3.7 juta namun saya merasakan peruntukan RM2 juta untuk Pembangunan Usahawan ini terlalu kecil maka persoalan yang timbul ialah di manakah keutamaan Kerajaan Negeri pada hari ini. Sama ada benar-benar serius untuk membangunkan usahawan di negeri Selangor dengan satu jumlah yang lebih realistik dan lebih besar ataupun sekadar menumpukan kepada satu bidang yang saya kira masih boleh lagi kita perkemaskan dan perluaskan definisi yang berkenaan maka hasrat saya pada pagi ini ialah untuk mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya Pembangunan Usahawan ini dapat diberikan tumpuan khas dan peruntukan RM2 juta ini kalau boleh dapat dipertingkatkan agar usahawan-usahawan di negeri Selangor dapat menikmati manfaat daripada satu jumlah yang lebih besar bagi memajukan industri dan usahawan mereka dalam negeri Selangor. Terima kasih.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Puan Speaker.

**TIMBALAN SPEAKER** : Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih kepada Puan Speaker. Rawang juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan untuk usul pembangunan ini dengan merujuk kepada muka surat 97 kod 10020 butiran 20 tentang pembangunan kampung. Rawang ingin mencadangkan supaya



kepada pihak Kerajaan Negeri agar sama ada sudah tiba masanya untuk menilai atau mencadangkan bahawa balai raya JKKK yang sedia ada ataupun yang akan dibina/dibangunkan, ditukar konsepnya bukan sahaja sebagai dewan tetapi dibangunkan dalam bentuk kompleks JKKK yang mana boleh menggabungkan fungsi untuk menyediakan dewan dan juga tempat kalau boleh, tempat komersial, yang boleh juga disewakan keluar supaya pihak JKKK mendapat satu saluran ekonomi yang lebih 'sustainable' dengan izin, yang mana mereka boleh mengurangkan penggantungan pihak JKKK terhadap peruntukan negeri dan juga ADUN. Dan yang kedua, saya juga ingin merujuk kepada muka surat 98 kod 10030 01 iaitu di bawah aspek perbandaran dewan orang ramai. Rawang juga ingin mencadangkan supaya pihak PBT, khususnya, untuk membanci jumlah tapak dewan yang telah digazetkan dalam kawasan perbandaran masing-masing khususnya di kawasan DUN Rawang ini dan memberi keutamaan kepada untuk pembinaan dewan orang ramai yang baru memandangkan sekarang termasuk di kawasan Rawang dengan pembangunan yang begitu pesat dan telah ada permintaan yang begitu tinggi di kalangan penduduk untuk meminta dewan orang ramai yang baru didirikan. Saya sendiri semalam baru balik daripada satu majlis sambutan Deepavali di Taman Gading Permai Rawang yang mana lebih kurang terdapat 100 lebih unit rumah di situ dan didapati telah ada tapak dewan tetapi tiada dana ataupun peruntukan untuk membangunkan dewan dan penduduk sendiri telah menyatakan hasrat saya..mereka kepada saya supaya minta satu dewan didirikan supaya lebih banyak aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan penduduk ataupun komuniti yang berbagai kaum dapat dijalankan. Jadi saya mohon pihak Kerajaan boleh memberi keutamaan sebab selain saya anggap dalam peruntukan bajet ini, peruntukan untuk pembangunan ekonomi tetapi pembangunan untuk sosial ataupun komuniti tempatan seperti ini juga perlu ditekankan. Sekian terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER** : Hulu Kelang

**YB TUAN DR. HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Hulu Kelang ingin mengambil bahagian membahaskan usul anggaran Peruntukan Pembangunan 2011. Merujuk kepada muka surat 102 dan 103 vot PO1 Menteri Besar dan SUK dengan kod projek butiran 10070 sosial di mana peruntukan sebanyak RM47,465,000 telah diberikan untuk membangunkan program-program pembangunan insan, pembangunan pendidikan, pembangunan wanita, belia dan sukan serta perumahan dan hartanah. Bagi pembangunan insan, satu peruntukan yang besar sebanyak RM6 juta telah diberikan kepada SPIES. Hulu Kelang mengalu-alukan peruntukan ini dalam konteks pembangunan insan tapi kita kena ada satu KPI yang jelas, 'output' yang menghasilkan perubahan yang boleh mengukuhkan pentadbiran Kerajaan Negeri di seluruh peringkat. Di mana fokus kepada peruntukan RM6 juta ini saya syorkan untuk diberikan satu tumpuan yang prihatin, yang teliti terhadap pembangunan, sistem komunikasi, penyaluran maklumat, penyaluran khidmat kepada masyarakat di peringkat kampung-kampung melalui pembentukan dan pembangunan setiap dan seluruh JKKK seluruh kampung di seluruh daerah. Dan untuk itu, satu program yang khusus perlu dibangunkan kepada mereka, diberi latihan agar mereka menjadi mata dan telinga dan agensi utama di peringkat akar umbi menyalurkan maklumat tentang pembangunan program-program, pelaksanaan serta maklum balas dari bawah ke atas, dari atas ke bawah di seluruh peringkat di kampung. Demikian juga satu program pembangunan insan yang teliti dan teratur perlu dilaksanakan bagi menjadikan khidmat di peringkat PBT berjalan baik. Jadi saya mencadangkan bahawa satu modul yang teratur, teliti dirangka dan dikendalikan bagi menangani latihan pembangunan insan seluruh Ahli Majlis, di seluruh PBT, 12 PBT di seluruh negeri Selangor. Jadi, dengan itu kita ada fokus, kita ada satu sistem penyampaian maklumat pembinaan insan yang ada ukuran 'outputnya', di peringkat kampung-kampung, di peringkat PBT. Dan Hulu Kelang juga ingin menyentuh tentang pembangunan pendidikan di mana peruntukan bagi bantuan sekolah agama, sekolah Cina, sekolah Tamil sebanyak RM16 juta diperuntukkan. Ini merupakan komitmen yang menunjukkan

kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor komited kepada pembangunan antara kaum dan pembangunan antara agama di seluruh Negeri Selangor, ini merupakan kelulusan dasar dan amalan yang dilaksanakan. Cuma ulasan saya khususnya dalam pengiktirafan Kerajaan Negeri khususnya EXCO Pendidikan terhadap sekolah agama rakyat di mana pusat-pusat tahfiz, sekolah-sekolah yang digerakkan oleh rakyat telah diiktiraf sebagai sekolah agama rakyat. Saya mencadangkan satu kerjasama yang lebih mantap di peringkat Kerajaan Negeri melalui EXCO Pendidikan dengan ADUN-ADUN dilaksanakan di mana butiran-butiran dan sokongan yang telah disalurkan oleh ADUN di seluruh peringkat kepada EXCO Kerajaan Negeri dalam bidang ini hendaklah ada perantaraan yang berterusan contohnya apabila sokongan itu mendapat kelulusan peruntukan dimaklumkan kepada kami untuk kami ada *'follow up'* dan kita rasa, mengucap terima kasih EXCO Pendidikan Kerajaan Negeri yang telah menyalurkan bantuan tetapi sebagai ADUN kita hanya tahu bukan melalui Kerajaan tetapi ucapan terima kasih melalui SMS daripada sekolah yang menerima. Jadi kita pun kata Alhamdulillah, itu sahajalah. Dan peruntukan RM1 juta telah diberikan kepada memperkasakan wanita. Saya difahamkan bahawa istilah yang lebih digemari adalah bukan program memperkasakan wanita tapi program memberdayakan wanita. Jadi mungkin istilah ini perlu dipopularkan lebih daripada memperkasakan, memberdayakan wanita. Bukan memberdayakan, memberdayakan wanita..

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Yang Berhormat, minta mencelah..minta penjelasan.

**TIMBALAN SPEAKER** : Silakan, Kg Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Adakah Yang Berhormat Hulu Kelang bersetuju saya bahawa perkataan 'perkasa' ini perlulah digunakan dengan hati-hati oleh sebab itu, kita menggunakan perkataan seperti memberdayakan dan bukan memperkasakan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Ya setuju, betul. Walaupun saya bukan ahli bahasa. Cuma Hulu Kelang mencadangkan peruntukan RM1 juta memang kecil memandangkan program wanita itu merangkumi dan meluas cumanya kalau ada dijadualkan program-program ikut PBT, ikut daerah, ikut DUN jadi impaknya sebagaimana program-program seperti Skim Mesra Usia Emas, TAWAS, program tuisyen rakyat dilaksanakan melalui DUN, kesannya walaupun kecil, peruntukannya walaupun mungkin RM40 ribu, RM50 ribu tetapi impak komunikasi ADUN, wakil rakyat, dengan rakyat itu lebih berkesan jadi saya mengesyorkan agar peruntukan RM1 juta bagi program pemberdayaan wanita ini disusun atur menurut DUN dan Hulu Kelang juga menyokong peruntukan sebanyak RM8.1 juta bagi pembangunan belia, kita menyokong penuh peruntukan RM4 juta bagi membangunkan sukan khususnya SUKMA dan SUKSES kerana ia memberi satu tanggapan yang positif terhadap Kerajaan Negeri Selangor oleh para belia. Dan saya menarik perhatian di sini ada peruntukan menaik taraf menginfrastruktur sukan sebanyak RM800 ribu bagi tahun 2011. Saya difahamkan, cara lisan, bahawa peruntukan yang serupa telah diberikan pada tahun ini sebanyak RM1 juta. Tapi konsepnya tidak ada taklimat yang khusus diberikan kepada ADUN. ADUN boleh memohon pada Pejabat Daerah di atas tajuk menambah baik pulih, menaik taraf kemudahan sukan belia. Tetapi kita cuba bawalah. Jadi, kalau ada betul-betul saya mencadangkan peruntukan RM800 ribu ini disusun atur menurut daerah ataupun menurut DUN agar bukan lagi berdasarkan *'first come first serve basis'* ada DUN yang dah dapat sebab dia dapat maklumat. Dia *'apply'* dan Pejabat Daerah tahu maklumat tu dapat. Dia *'improve'*, dia baik pulih futsal *'court'*, gelanggang sukan dan sebagainya. Dan akhir sekali Puan Timbalan Speaker, saya menyentuh peruntukan perumahan dan hartanah sebanyak RM3.465 juta di mana memang peruntukan ini benar-benar mengiktiraf usaha-usaha yang dilakukan oleh khususnya pihak EXCO Perumahan. Terima kasih dan saya hargai usaha yang telah ditumpukan oleh rakyat, oleh Kerajaan bagi meringankan beban rakyat khususnya penyelenggaraan baik pulih lif rumah kos rendah, projek perumahan rakyat dan baik pulih rumah awam kos rendah walaupun masalah lif

itu terlalu melonjak tinggi tetapi peruntukan RM2 juta itu mungkin boleh meringankan beban rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan rumah berstrata. Dan cadangan Hulu Kelang adalah peruntukan baik pulih rumah awam kos rendah RM300 ribu, projek perumahan rakyat RM1.65 juta, penyelenggaraan dan baik pulih lif rumah kos rendah RM2 juta ini sekali lagi disusun menurut 'priority', keutamaan, ikut DUN, ikut PBT agar semua dapat merasa. Jadi kesannya positif kerana dia menyebabkan sentuhan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan ini. Terima kasih Puan Timbalan Speaker.

**YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Timbalan Puan Speaker

**TIMBALAN SPEAKER** : Daripada pembangkang tak ada?

**YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Bangi

**TIMBALAN SPEAKER** : Bangi lah kalau begitu

**YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Bangi berdiri untuk sama membahaskan tentang anggaran peruntukan pembangunan 2011 di bawah P1 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri merujuk kepada butiran 10030 07 berhubung dengan Kompleks Taman Seni Islam Selangor. Mungkin bidang ini satu yang agak asing...

**YB PUAN SPEAKER** : Muka surat berapa ya Yang Berhormat?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Ya.

**YB TIMBALAN PUAN SPEAKER** : Muka surat berapa?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Muka surat 98. Bidang ini agak asing dan kurang disentuh tetapi sebenarnya saya melihat kita di Negeri Selangor mempunyai sebuah Kompleks Seni Islam yang baik dan besar dekat dengan Masjid Negara tetapi nampaknya fungsinya tidak begitu ketara dan tidak ada apa ini kegiatan yang menonjol yang benda ini sepatutnya berlaku bersesuaian dengan Kompleks Seni Islam yang agak hebat dan cantik itu, seolah-olah dia sebagai saya guna lagi Gajah Putihlah. Saya pernah hadir dua kali, rasanya satu tentang khat, seni khat Islam, satu lagi tentang Muzik Suraya yang datang tetapi oleh kerana kontroversi kerana dianggap benda ini penyanyi-penyanyi perempuan ini walaupun lagunya indah dianggap benda ini tidak begitu manis kerana dianggap suara perempuan aurat jadi tidak berapa mendapat sambutan. Walau macam mana, saya nak sentuh bangunan yang telah didirikan ini saya ingat dah lebih 1 dekad tidak memberi pulangan yang sepatutnya digunakan. Saya fikir ini oleh kerana kekurangan mereka yang pakar dari segi pendekatan, dari segi menggunakan ruang dan mengisi kegiatan-kegiatan yang sepatutnya berlaku di Kompleks Seni Islam. Kalau kita lihat umpamanya di Indonesia Taman Ismail Marzuki umpamanya tidak seindah itu tetapi bergiat dengan kegiatan seni, barang kali kerana dikaitkan dengan Kompleks Seni Islam orang menjadi agak takut nak dekati atau nak mengisi takut tak tepat dengan Seni Islam. Tapi saya lihat kekurangan ini kerana ketiadaan kepakaran, ketiadaan tokoh yang menguasai bidang berkenaan sebab itu dia terbiar begitu sahaja. Saya mengharapkan pihak Kerajaan Negeri memberi perhatian terhadap Kompleks Seni yang berhampiran dengan masjid ini supaya imejnya memancar di Negeri Selangor tidak kurang daripada kegiatan keagamaan, pengajian-pengajian akademik. Ini satu bidang yang seni yang agak benda ini dan sudah wujud dia punya bangunan dan dia berada di tempat yang strategik yang boleh kita memancarkan imej Islam di Negeri Selangor ini dengan umpamanya mewujudkan pentadbiran yang faham tentang

bidang seni dan dia boleh menjalan kegiatan, saya ingat sekurang-kurangnya dia boleh mengisi dari segi bidang akademik mengambil pelajar-pelajar lulusan terutamanya daripada Sekolah Agama atau bidang kreatif yang dihasilkan umpamanya oleh UiTM atau mana-mana universiti dalam bidang kreatif ya mendidik mereka dalam bidang-bidang seni seperti umpamanya kursus-kursus dalam bidang seni secara luas secara umumlah memahami apa dia seni, kemudian memperkembangkan umpamanya dalam bidang-bidang seni khat umpamanya. Seni khat ini satu bidang yang luas, banyak pecahan-pecahan khatnya misalan *nasah, suluf, diwani* dan berpuluh-puluh lagi yang boleh dipelajari dengan cara seni yang mendalam dan orang itu boleh hidup kalau dia memang menguasai bidang ini. Tulis umpamanya khat, ayat-ayat Al-Quran yang dijual itu pun saya ingat mahal-mahal itu satu-satu, ertinya boleh hidup dan tokoh-tokoh seni khat umpamanya dulu Ustaz Mohd Yusof terkenal mungkin sekarang sudah uzur. Dia seorang pembimbing yang apa ini bagus dalam bidang khat, saya pernah mengikuti tapi sekarang kita tidak dapat dengar lagi siapa seniman *khatab* yang terkenal di Negeri Selangor yang boleh membimbing kita. Tetapi tidak semesti orang Selangor, kalau kita tahu di luar daripada Selangor pakat kita boleh jemput umpamanya dari Kedah ke, dari Terengganu ke, dari Johor ke tempat-tempat yang terkenal dengan bidang-bidang khat. Kita boleh latih anak-anak negeri kita dalam bidang khat yang bukan sahaja mereka boleh hidup dari segi perusahaan khat tetapi juga memancarkan imej seni Islam yang bagus. Bahkan saya ingat dari segi ini kita boleh jemput seniman-seniman daripada luar negeri. Umpamanya hiasan-hiasan dalam masjid, dalam bangunan-bangunan yang berimejkan Islam. Kita ingat, saya ingat kita hendak menghiaskan masjid ini dulu kita import seniman-seniman yang seni bina itu daripada Iran, daripada Pakistan yang bekerja dulu. Hendak hias baiki seni bina Masjid Negara dan barangkali juga Masjid Negeri. Jadi realitinya kita miskin dari seniman-seniman dari segi seni bina kita mahu umpamanya kalau seniman kita ada satu *Taj Mahal* bukan nama *Taj Mahal* lah, *Taj Mahal* yang terkenal sebagai satu seni bina Islam yang terkenal di negeri kita ataupun ada lagi masjid-masjid yang lain yang boleh menandingi atau mengatasi masjid Negeri Selangor. Itu kita akuilah Masjid Salahuddin Sultan Abdul Aziz Shah itu adalah satu monumen yang sudah mempunyai imej yang kukuh dari segi seni bina Islam di Negeri Selangor tetapi kita tak tahu siapa dia seniman yang merangka seni bina Masjid Sultan Salahuddin patut kita war-war kan juga kalau anak tempatan supaya imejnya lebih terkenal selain daripada kita kenal masjid itu. Pokoknya kita mahu seniman-seniman yang ramai yang boleh menghasilkan seni bina tadi selain daripada seni khat. Selain daripada itu saya ingat pengajaran Al-Quran secara lagu. Kita perlu ramai pembaca-pembaca Al-Quran Taranum saya ada ikuti dulu dalam TV ada seorang guru yang mengajar taranum itu dalam masa beberapa saya ingat ada satu siri cantiklah dia mengajar satu kumpulan budak membaca lagu macam-macam indah ya tetapi terhenti mengapa tidak diteruskan? Kita orang macam ini kita boleh ambil panggilan letak di Taman Seni Islam itu mengajar tentang taranum. Kita boleh latihkan ramai pelajar-pelajar umpamanya dari tempat kita.. kita banyak apa ni dari sekolah-sekolah agama banyak pelajar-pelajar agama. Kita wajibkan pembacaan Al Quran. Dalam bidang ini kita boleh perluaskan. Panggil tok guru-tok guru taranum bukan seorang beberapa mana-mana kelompok yang ada yang boleh kita latihkan dan boleh ertinya yang boleh kita lahirkan benda ini tokoh-tokoh taranum, pembaca-pembaca yang lagu Al-Quran yang indah-indah. Negeri Selangor tidak begitu menonjol sangat tidak sangat menang dalam peraduan pertandingan Musabaqah Al-Quran. Kalau kita boleh latihkan ini barangkali kita boleh jadikan benda ini pusat bagi pengajaran taranum Al-Quran dan pembacaan Al-Quran yang baik dari segi tajwid dan sebagainya. Pokoknya ini boleh diisi tempat itu tidak boleh tertinggal begitu sahaja sunyi tidak bergerak apa rugi sahaja yang kita nampak. Begitu juga kursus-kursus memperkenalkan umpamanya seniman-seniman Islam dalam bidang puisi memang terkenal tokoh-tokoh penyair-penyair Islam dunia misalannya kita kata Iqbal. Iqbal ini bukan penyanyi Islam sahaja, dia diterima sebagai Penyair Dunia. Ertinya salah seorang seniman yang terkenal dalam bidang puisi pada peringkat dunia. Memang tokoh-tokoh sufi yang lain Hafiz umpamanya apa

dia ini berbagai-bagai-bagailah seniman penyair Islam terkenal di seluruh dunia salah satu daripada bidang kerohanian dalam bidang puisi yang tidak ada tandingannya di dunia ini tentang kehalusan kerana halusnyanya jiwa dari segi tasawuf dalam Islam itu sendiri. Dan juga hasil daripada sini juga terpancar dalam seni-seni bina seperti di India, Pakistan, Iran dan sebagainya tidak boleh ditandingi. Kita nak sebut umpamanya India walaupun dia berpuluh-puluh abad ertinya India itu sebagai satu tamadun tapi dengan lahir datangnya Islam lahirnya seniman-seniman Islam yang halus jiwanya walaupun dalam masa yang singkat tapi dia telah mencipta monumen-monumen yang terkenal di India seperti berbagai-bagai masjid hingga ke Taj Mahal maknanya walaupun masa ringkas tetapi tidak dapat ertinya seniman Islam dapat mengatasi seniman-seniman yang belum wujud sebelum daripada itu. Ini mencerminkan kehalusan, kecantikan, keindahan seni jiwa yang dapat dipancarkan di dalam bidang puisi dan juga di dalam bidang-bidang binaan sama ada di Iran, di Pakistan bahkan di Timur Tengah juga secara umumnya bahkan di tempat-tempat kita juga terpancar dari segi seni binanya. Jadi kita kena cari orang-orang seumpama ini bagi kursus pilih pelajar-pelajar yang mempunyai bakat-bakat boleh kita ada peraduan mungkin semacamnya melihat bakat yang ada pada mereka kita boleh latih mereka. Ini juga kita boleh tumpahkan seni-seni ini ke dalam seni-seni tempatan yang bercirikan Islam misalan dari segi corak, reka bentuk misalannya batik dari segi Islam umpamanya bahan-bahan apa-apa sahajalah pakaian dari segi seni bina seni Islam. Baru ini kita heboh Rosmah Mansor tak faham tentang seni pakaian Islam. Dia buat cara yang bercanggah jadi ini mencerminkan dia tak faham seni pakaian Islam. Jadi kita boleh juga ertinya melatih, saya ingat bidang ini amat luas, kita boleh latih pelajar-pelajar kita dalam seni bina seni pakaian dan mereka boleh membuka usaha untuk membuka perusahaan pakaian bercirikan Islam. Buat jubah sahaja boleh hidup bahkan skarf ataupun apa itu selendang yang dipakai Islam itu boleh dibuka satu perusahaan yang kita tengok benda ini pakaian yang diiklankan oleh isteri kepada penyanyi yang terkenal itu dengan benda lagi seorang perempuan... dengan perusahaan skarf yang seni bina skarf tak kena istilah itulah yang dipakai oleh perempuan itu penutup tudung..tudung. Dengan seni tudung Islam sahaja boleh kita berniaga dan *survive* bukan *survive* boleh maju jadi kursus-kursus yang lain mungkin boleh diperkembangkan seni visual dan berbagai-bagai bidang senilah boleh diperturunkan kepada hasil tempatan yang bersifat seni dan mereka ini boleh buka perusahaan-perusahaan seni yang boleh bukan sahaja memperkenalkan bidang ini tetapi memancarkan imej seni Islam di tempat kita, pokoknya saya hendak tekankan kita ada ruang tempat yang begitu cantik, indah dekat dengan Masjid Negeri tetapi kosong, saya lalu kosong kebetulan saya pergi dua kali sunyi saja agaknya terlampau seni sangat tidak ada apa kegiatan ya. Jadi saya nampak tiada pengisian tak ada, tak ada tokoh yang memahami bidang ini dan tak ada pemimpin sebab itu tinggal begitu sahaja. Kita boleh hidupkan dan kita harap pihak Kerajaan Negeri beri tumpuan supaya apa yang telah dibina ini tidak tinggal begitu sahaja dengan tidak diberi dan tidak dimanfaatkan. Sekian terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Puan Speaker ada tambahan sedikit kepada perbahasan tadi, boleh?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Kajang ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan usul anggaran pertukaran peruntukan pembangunan 2011. Kajang ini ingin membawa perhatian kepada muka surat 100 iaitu PK 5 Perpustakaan. Butiran 02 Perpustakaan Cawangan Kajang yang menerima peruntukan sebanyak 1.5 juta. Seperti yang disebut oleh Kajang pada sidang minggu lepas, Perpustakaan Cawangan Kajang

berada di tempat yang langsung tidak strategik dan sewanya setiap bulan 8 ribu ringgit dan Kajang tidak memahami sebenarnya dan tidak mengetahui apakah kegunaan 1.5 juta ini diperuntukkan untuk kegunaan apa? Dalam keadaan di mana tempat itu tidak sesuai pengunjunnya memang amat kurang dan tempatnya memang di atas restoran dan Kajang lebih bercadang tempat perpustakaan ini diadakan di satu tempat yang baru di mana lebih sesuai kalau peruntukan 1.5 juta ini memang untuk pembangunan yang baru memang kita ucapkan syabaslah untuk peruntukan ini. Tapi kita kluatir 1.5 juta ini diperuntukkan untuk kegunaan kerja-kerja rutin seperti biasa maka agak kluatir wang sebanyak ini akan digunakan tanpa berhasil nanti dan untuk butiran 06 iaitu pengkomputeran perpustakaan sebanyak RM 190,000 untuk Tahun 2011.

Kajang sebagai bekas Pengerusi PAC yang lepas telah meneliti masalah yang dihadapi oleh PPAS yang lepas. Memang masalah komputer ini memang merupakan masalah yang agak runcing dan kebanyakan komputer di perpustakaan-perpustakaan telah rosak dan tidak digunakan dengan baik kerana tidak ada apa-apa strategi atau rancangan untuk memajukan pembelajaran melalui komputer atau pun penggunaan komputer untuk aktiviti-aktiviti untuk pembaca dan waktu penemuan dengan Pengurus Besar PPAS ketika itu telah dicadangkan satu *blueprint* atau rancangan struktur untuk membangunkan perpustakaan kita dan pihak PAC lebih mencadangkan komputer hanya guna untuk pengurusan dan wujudkan sistem '*wi-fi*' di mana pengunjung-pengunjung boleh bawa komputer mereka masing-masing untuk menggunakan kemudahan '*wi-fi*' ini.

Puan Timbalan Speaker, Kajang juga ingin membawa perhatian kepada vot JPS iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran, muka surat 264, kod 10010 – Program Pengurusan Banjir. Butiran kepala 40 dan butiran 04 – Projek Tebatan Banjir Di Kampung Sungai Jerluk, Fasa II. Kos projek keseluruhannya menelan belanja RM4.5 juta dan peruntukan untuk lima (5) tahun iaitu 2011 hingga 2015 ialah sebanyak RM1.5 juta tapi pada tahun 2011 hanya secara simbolik RM10.00. Kajang mendapati projek tebatan ini, projek tebatan banjir di Sungai Jerluk memang satu projek sudah lepas Fasa I. Fasa I telah berjaya mengelakkan banjir di bandar Kajang dan sekitarnya. Dalam setahun dua ini, selepas kerja-kerja disiapkan daripada Fasa I memang sudah tidak ada banjir berlaku. Jadi Kajang ucap ribuan terima kasih kepada Kerajaan dan JPS. Justeru itu, Kajang meminta Kerajaan Negeri dapat teruskan dengan projek Fasa II kerana kita mendapati sepanjang bahagian Fasa II itu memang terletak di bandar Kajang, di tengah-tengah bandar Kajang di mana kita nampak infrastruktur dan juga *guard rail* dengan izin, di sepanjang bahagian Fasa II ini memang sudah tumbang dan juga kerosakan tebing-tebing sudah berlaku dan Kajang memang meminta Kerajaan memberi pertimbangan untuk teruskan dengan Fasa II secepat mungkin untuk mengelakkan sebarang kemalangan juga kehilangan nyawa dan juga harta benda di bandar Kajang.

Puan Timbalan Speaker, Kajang ingin juga membawa perhatian kepada iaitu Jabatan Pertanian. Sebelum Kajang meneliti dari segi peruntukan dan butirannya, Kajang ingin memberi pendapat, pandangan bahawa kita mendapati peruntukan dan juga strategi kita dalam pembangunan pertanian agak merupakan amalan rutin. Kalau kita rujuk pada bahagian bawah Menteri Besar dan SUK seperti yang di bawa oleh Bukit Antarabangsa tadi, kita kekurangan dari segi pelan struktur atau pun satu strategi untuk membangunkan sektor ini yang tadi disebutkan keusahawanan, yang ini adalah pertanian. Ya, kita lihat misalnya satu contoh di bawah PK 1, muka surat 170, P08 – Jabatan Pertanian, kod projek 1010 – Pembangunan Taman Agro Teknologi. Butiran 01 hingga 12, peruntukan sebanyak RM1,449,940.00. Peruntukan sebanyak ini diperuntukkan untuk Taman Agro Teknologi. Kajang tidak memahami sama ada terminologi Taman Agro Teknologi masih digunakan atau pun terma seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan, TKPM digunakan kerana didapati keseluruhan, kesemua butiran

01 hingga 12 memang termasuk dalam projek TKPM tapi masih kita gunakan nama Agro Teknologi. Adakah ini kerana kesilapan dari segi penggunaan terma, terminologi atau pun kita telah tukarkan, kita masih kekalkan nama Taman Agro Teknologi. Adakah kita ikut kemajuan semasa? Komen Kajang pada projek ini, Kajang sebagai mantan Pengerusi PAC bersama-sama dengan Jawatankuasa telah melawat ke beberapa TKPM di seluruh negeri Selangor dan juga boleh dikatakan rumusan yang dilawati ialah hampir semua TKPM adalah tidak berjaya dan tidak menepati objektif-objektif yang ditetapkan untuk dicapai dalam projek TKPM ini. Kita mendapati penghasilan makanan dan tanaman kontang yang memang merupakan objektif TKPM ini tidak tercapai, jauh sangat. Dan juga kita nak memastikan setiap pengusaha TKPM mendapat pendapatan sebanyak RM3,000.00 sebulan. Ini juga jauh tidak tercapai dan tanah-tanah yang amat luas diberikan dan tanah-tanah yang diperuntukkan ini juga merupakan tanah-tanah yang bermasalah. Ia merupakan tanah gambut, tanah bekas lombong yang memerlukan peruntukan yang amat banyak untuk memulihara. Sebagai satu contoh kita ambil, PAC melawat ke TKPM di Sungai Panjang di mana peruntukan dalam, yang kita beri adalah amat tinggi dalam peruntukannya sebanyak, Sungai Panjang kita peruntukkan sebanyak..... Minta maaf ya, sebentar. Sungai Panjang sebanyak RM80,000.00 yang jumlah yang dipohon adalah RM1.62 juta dan peruntukan untuk lima (5) tahun adalah RM450,000.00. PAC telah mendapati TKPM Sungai Panjang ini telah menelan belanja berjuta-juta untuk penebatan banjir kerana tempat itu adalah merupakan tempat hutan simpanan, dulu hutan simpanan hutan gambut, paya gambut dan tempat ini amat bermasalah dan sehingga hari ini masalah ini masih tidak dapat diatasi. Berjuta-juta ringgit sudah dicurahkan dan memang dalam rancangan berjuta ringgit daripada JPS akan diperuntukkan untuk tebatan banjir dan PAC telah bercadang untuk menamatkan projek di TKPM Sungai Panjang dan meminta Jabatan Pertanian untuk mengkaji dan memberi laporan dan juga pihak Kerajaan meneliti sama ada projek ini harus diteruskan. Tetapi kita dapati peruntukan yang banyak masih diteruskan, diperuntukkan untuk TKPM ini. Jadi kita meminta, Kajang meminta pihak Kerajaan meneliti secara keseluruhan dan memang sudah PAC meminta Jabatan Pertanian, Negeri Selangor untuk meninjau, *review* balik keseluruhan projek TKPM, adakah kita perlukan TKPM sebegini atau pun kita merombak semula, strategi semula keseluruhan TKPM dan kita adakan rancangan yang baru.

Dan sehubungan ini juga di muka surat 381, bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, PK 8 – Pembangunan PKPF bawah 10800, Butiran 810 hingga 812. Sejumlah RM1.25 juta diperuntukkan untuk TKPM ayam daging dan Kajang tidak mengetahui di mana letaknya TKPM ayam daging. Dan dalam laporan audit 2008 berkaitan dengan TKPM memang tidak wujudnya TKPM ayam daging. Pada muka surat 195 berkaitan dengan P08 – Jabatan Pertanian juga PK 6 – Pembangunan Pusat-pusat Teknologi Pertanian. Kod projek 10660 – Pembangunan Pusat-pusat Teknologi Pertanian, Butiran 02 – Pusat Flora Cheras dan juga Butiran-butiran 01 hingga 08. Sejumlah RM300,000.00 untuk projek di pembangunan Pusat Flora Cheras dan juga keseluruhan jumlah RM2.3 juta diperuntukkan untuk semua pusat-pusat teknologi pertanian atau pun dulunya merupakan Pejabat Pertanian Daerah.

Kajang telah meneliti keadaan Pusat Flora Cheras selepas menerima aduan-aduan rakyat dan juga pengusaha di dalam Pusat Flora Cheras dan mendapati pusat tersebut sememangnya dalam keadaan yang tidak memuaskan. Pusat Flora Cheras telah menyewakan kawasan pusat ini, tapak-tapak di satu-satu lot, di dalam pusat ini telah disewakan kepada pengusaha-pengusaha sebagai *nursery* dan *florist* untuk jualan setiap hari. Kajang merasa agak kurang pasti, peruntukan sebanyak RM300,000.00 ini untuk RM300,000.00 ini untuk Pusat Flora Cheras, apakah kegunaannya? Dan juga pusat-pusat pertanian daerah yang lain yang berjumlah RM2.3 juta, apakah kegunaannya? Apakah peranan? Apakah peranan pusat-pusat teknologi pertanian ini di dalam negeri Selangor? Adakah Kerajaan telah mengatur strategi yang baru untuk mentransformasikan pusat-pusat ini menjadi satu pusat yang lebih dapat

menepati semasa. Hasil di negeri Selangor di mana pertanian tidak merupakan satu sektor yang begitu penting dalam KDNK dan juga dari segi ekonominya. Mungkin pusat-pusat ini harus memainkan peranan, mentransformasikan pertanian konvensional kepada pertanian moden berdasarkan teknologi dan juga memberi latihan-latihan bukan sahaja pertanian tapi dari segi komersial dan juga menguruskan, merupakan pusat latihan dan juga pusat sumber untuk petani-petani yang ingin mentransformasikan perusahaannya.

**PUAN SPEAKER** : Yang Berhormat.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Ya.

**PUAN SPEAKER** : Jam sudah menunjukkan pukul 1.00. Jadi sesi perbahasan ditangguhkan sehingga.....Ahli-ahli Yang Berhormat, jam di dinding sudah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, sesi perbahasan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**



(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula. Dipersilakan Kajang, ya sambung Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih kepada Tuan Speaker, Kajang teruskan dengan perbahasan usul-usul yang berkaitan dengan anggaran peruntukan pembangunan 2011. Kajang ingin membawa perhatian juga pada P08 Jabatan Pertanian muka surat 179, PK10 Pembangunan Pertanian Bersepadu. Kod 10100 butiran 01 hingga 04. Peruntukan berjumlah RM700,000.00. Kajang berpendapat, pembangunan pertanian bersepadu yang berteraskan teknologi tinggi bio-teknologi, bio- perubatan atau dengan izin *bio-medical* merupakan trend baru yang amat berbeza dengan pertanian konvensional yang dipraktikkan di negeri Selangor kita ini, dan produk-produk daripada pertanian bersepadu ataupun berteraskan teknologi tinggi ini akan menghasilkan produk yang bernilai tinggi atau pun dengan izin "*value added, high value added product*". Kajang berpendapat kerajaan Selangor harus memberi tumpuan khusus dan lebih untuk membangunkan industri pertanian bersepadu ini. Kerajaan dapat khusus kan tapak-tapak dan juga kemudahan infrastruktur dan juga beri insentif seperti tapak-tapak yang kita nampak tadi iaitu yang PKPN. Kita ada 20 lebih tapak-tapak di seluruh negeri Selangor di setiap daerah.

Seciranya tapak-tapak sebegini yang tidak menghasilkan hasil yang cukup memuaskan ini, ditukarkan menjadi taman-taman yang berdasarkan teknologi tinggi dan juga menepati trend yang baru ini. Maka hasilnya akan bertambah dan pengusaha-pengusaha juga akan mendapat pendapatan yang cukup lumayan. Selain itu, latihan-latihan keusahawanan industri, pertanian bersepadu RMD untuk pengusaha baru dan petani pertanian, petani pertanian konvensional supaya mereka dapat mentransformasikan jenis pertanian konvensional kepada pertanian bersepadu ini. Sebagai satu contoh, Kajang berkesempatan bertemu dengan seorang pakar yang memberi latihan-latihan dan juga panduan iaitu Dr. Razali di bawah jabatan bawah Menteri Besar, Pejabat Menteri Besar, beliau tadi sedang memegang satu beg yang sebagai satu kultur di mana dia menghasilkan *linici*, kultur *linici*, sejenis fungus ataupun cendawan yang bernilai *bio-medical* dan inilah contohnya, contohnya bagaimana pertanian kita yang konvensional yang memerlukan tanah yang luas yang mana negeri Selangor tidak mampu ataupun secara nilai dari segi tanahnya memang tidak berbaloi. Kalau kita tukarkan pertanian bersepadu, maka hasilnya akan mendatangkan nilai yang lebih tinggi dan membuka pasaran yang baru.

Satu contoh lagi saya hendak kod kan iaitu satu syarikat di Kedah yang membuat penanaman linci dan beliau telah berjaya membuka pasaran yang besar dalam pelbagai bentuk produk hasil daripada linci dan juga Kajang juga dapati banyak juga pihak swasta yang mengusahakan ke arah bio-teknikal ini. Satu syarikat di Kota Damansara misalnya dia gunakan tepung jagung untuk menghasilkan kotak-kotak yang berasaskan tepung jagung untuk buat bekas-bekas ganti daripada bekas *polystyrene*. Maka ini bukan sahaja menghasilkan hasil yang baru dan juga ialah mesra alam. Begitu juga ada pengusaha-pengusaha yang sudah bertanya-bertanya hendak menanam ubi kayu, di mana ubi kayu ini tepungnya akan dijadikan *pallet* dan *pallet* ini akan dibuat diusahakan untuk membuat beg plastik iaitu (plastik yang boleh di *bio-degradable*). Jadi inilah sektor di mana pertanian kita boleh kita bagi tumpuan khusus dan memberi ganjaran dan insentif dan juga kemudahan daripada kerajaan untuk membantu membangunkan sektor ini. Oleh itu, Kajang ingin merujuk pada muka surat 181 PK12 Kod 10120, Perkhidmatan, pengembangan dan perundingan iaitu latihan dan RND dan perundangan juga, perundangan

maaf. Perundingan juga diberi kepada pengusaha-pengusaha yang baru ini dan sektor yang moden ini untuk membangunkan pertanian bersepadu yang baru ini, dan peruntukan sebanyak RM800,000.00 untuk perkhidmatan pengembangan dan perundingan adalah terlalu sikit kalau dibandingkan dengan kalau kita bagi pengkhususan dalam sektor ini. Begitu juga dengan penyelidikan dan perolehan dalam muka surat 185 PK16 peruntukan RM300,000.00 untuk teknologi batu tanaman perolehan penyelidikan, perolehan teknologi baru tanaman memang adalah terlalu sedikit.

Dari keseluruhan dalam sektor pertanian dan juga banyak sidang seperti yang dibawa di antarabangsa iaitu keusahawanan bahagian industri kita perlu membuat satu proses *re-engineering* dengan izin iaitu kita fikirkan secara berdasarkan konsolidasi integrasi dan bersepadu menstruktur semula agensi-agensi kerajaan dan juga jabatan-jabatan bukan mereka bertindak masing-masing, berasingan tepat tapi bersepadu. Dengan menjimatkan sumbernya, mengkonsolidasikan sumbernya untuk satu hala tuju yang baru iaitu kita perlukan adakan strategi kalau ikut perancangan ataupun *strategic planning* dalam korporat, kita harus letakkan hala tuju kemudian dengan strateginya dengan objektifnya kemudian sampai programnya baru kita akan mula tetapkan apakah struktur organisasi yang kita hendak mencapai objektif kita. Nampaknya kita ada struktur yang dibawa oleh kerajaan yang lama, praktik yang lama maka kita gunakan struktur ini dan amalkan seperti lama secara rutin kita bagi peruntukan kita tidak berstruktur semula ini akan menimbulkan masalah, banyak pembaziran dari segi sumber dan kewangan dan akhir sekali Kajang ingin membawa perhatian kepada bahagian bawah Menteri Besar iaitu vot muka surat 102, dan juga muka surat 98 khasnya. Khasnya muka surat 98, bawah P01 Menteri Besar dan SUK, PK3, Perbandaran. Seperti yang disebut oleh Bangi tadi berkaitan dengan Kompleks Taman Seni Islam Selangor. Kajang berkesempatan juga melawat Kompleks Taman Seni Islam Selangor, galeri Shah Alam dan juga beberapa tempat termasuk Teater Diraja dan mendapati pusat-pusat ini, pusat-pusat begini didirikan dan diselenggarakan dengan cara yang agak pasif.

Kita kurang mengambil inisiatif seperti yang disebutkan oleh Bangi tadi, inisiatif untuk merancang dan mengurus, kita hanya tunggu dan buat secara *rehearse* dan kita nampak baik galeri, pameran-pameran di kompleks seni dan juga tempat-tempat sebegini kita akan, ia akan merupakan satu pembaziran, ruang itu memang besar, cukup baik termasuk muzium cukup baik kesemuanya tetapi pengurusannya kita harus mengambil contoh sebagai satu contoh seperti muzium seni Islam di Kuala Lumpur yang memang agak maju dan agresif dalam aktiviti, program-program dia dan kita harus juga seboleh kita gunakan galeri swasta, galeri seni swasta satu contoh ialah *suka gakai* di jalan Bukit Bintang yang memang agresif mengaturkan program-program, pameran-pameran, aktiviti seni pusat swasta ini. Kita memang khuatir bahawa kesemua pusat-pusat yang di bawah kerajaan ini dia masih dalam *perception* persepsi lama iaitu kita mengendalikan secara pasif, tunggu pelawat datang, tengok pameran, lawat dan kita tidak secara proaktif mengajak seniman-seniman daripada luar negeri, daripada tempatan, konsultan-konsultan daripada tempatan untuk memajukan pusat-pusat kita ini. Sekian sahaja Tuan Speaker, Kajang menyokong usul No. 10 tahun 2010. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker, Sijangkang ingin mengambil terlibat juga dengan perbahasan anggaran peruntukan pembangunan 2010 atas beberapa isu yang saya kira, Sijangkang kira boleh diambil perhatian. Yang pertamanya pada muka surat 104, P01 Menteri Besar dan SUK. PK 8 Pusat latihan 10080, Pusat latihan terutamanya Pusat Latihan Belia Bukit Lagong. Terima kasih kepada kerajaan negeri yang

saya kira masih lagi meneruskan peruntukan bagi tahun 2011 ini terutamanya dalam pembangunan belia dan sukan negeri Selangor, cuma apa yang saya lihat di sini bahawa peruntukan bagi pusat latihan belia Bukit Lagong itu adalah sekadar untuk pengurusan tahunan yang mana saya kira pusat latihan Bukit Lagong ini juga sebagai aset kepada kerajaan negeri Selangor yang mana kita tahu bahawa belia ini adalah satu kumpulan yang menjadi aset cukup penting kepada kerajaan negeri Selangor daripada segi pembangunannya dan juga latihan modal insan itu saya kira perlu diambil berat terutamanya dalam membangunkan generasi di masa akan datang, dari sudut pembangunan insannya saya lihat pusat latihan belia Bukit Lagong ini sudah merupakan satu pusat yang cukup baik yang mana sudah ada prasarana, kemudahan asasnya itu sudah ada dewan makannya, dewan terbuka yang besar dan kemudian ada juga surau yang baik di situ dengan peralatan-peralatan lain kemudahan permainan termasuklah beberapa asas kemudahan yang saya kira cukup baik tandasnya dan bilik airnya begitu tetapi masih lagi ada mungkin ada satu bentuk kemudahan penempatan yang masih lagi setakat ini masih belum ada lagi.

Setakat ini Pusat Latihan Belia Bukit Lagong masih lagi menggunakan khemah-khemah begitu apabila diadakan program-program khusus untuk belia, dan saya sedia dimaklumkan juga bahawa khemah-khemah ini sudah rosak dan tidak boleh digunakan lagi. Dan saya mencadangkan Kerajaan Negeri mengambil kira supaya kemudahan-kemudahan asas termasuklah tempat tinggal begitu boleh dibina di situ dan akhirnya kita boleh jadikan pusat latihan ini benar-benar pusat latihan boleh membina belia-belia kita di masa akan datang yang akhirnya memberi impak yang baik juga kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Yang kedua muka surat 252 – Jabatan Kerja Raya Selangor PK 2 Projek Jalan Butiran 10200 400 Daerah Kuala Langat. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang saya kira peruntukan yang diberikan pada tahun depan agak besar lebih kurang sejumlah RM 14 juta sebegitu untuk menaik taraf jalan atau laluan B 58 Jalan Banting-Jugra, membina laluan alternatif daripada Klang ke Banting melalui Jambatan Kampung Sawah, membina jambatan Kampung Sawah dan menaik taraf jalan Telok Panglima Garang ke Pekan Banting. Cuma apa yang menarik perhatian saya di sini bahawa jumlahnya terlalu kecil dibandingkan jumlah peruntukan atau pun kos projek yang melibatkan tiga-tiga kos projek ini berjumlah RM 134,870,000.00 dan pada masa ini saya kira kemudahan atau pun jalan itu memang sudah ada cuma yang penting apabila membangunkannya pusat-pusat pendidikan termasuklah ILP, Politeknik Banting, Sekolah Menengah Sains di Jugra itu dan beberapa lagi institusi-institusi pendidikan di situ sudah tentunya naik taraf jalan ni sangat penting di daerah di Jugra di situ. Cuma mungkin peruntukan yang agak kecil di atas kemampuan kita tahun depan itu boleh saya kira dilihat dari segi perancangan penyelenggaraan atau perancangan kita membuatkan projek itu, kerana saya khawatir mungkin disebabkan oleh kewangan kita, kita tidak dapat memenuhi jumlah kos yang begitu besar akhirnya projek yang akan kita jalankan tidak memenuhi spesifikasi yang diharapkan. Kerana saya melihat sebagai contoh pembinaan jambatan yang menghubungkan di antara Telok Panglima Garang ke Kampung Sawah yang mana juga dimaklumkan di situ pada awalnya adalah anggarannya sekadar RM 29 juta sahaja kemudian telah dinaikkan sehingga RM 42.9 juta dan telah bertukar tangan beberapa orang kontraktor yang akhirnya kalau ikut jadual pada penghujung 2011 itu jambatan itu akan selesai dengan beberapa alasan yang saya kira kurang munasabah yang akhirnya melibatkan duit rakyat yang dibelanjakan begitu tinggi. Selain daripada itu juga di Daerah Kuala Langat Sijangkang juga ingin supaya diambil perhatian termasuk beberapa pindaan jalan yang perlu dinaiktarafkan terutamanya jalan-jalan alternatif yang menghubungkan antara Shah Alam ke Banting yang melalui Jalan Kebun, kemudian Jalan Merbok di Kebun Baru, Jalan Sekepi di Jenjarom yang ini mana sekarang buat masa ini menjadi laluan alternatif yang sangat sibuk dan saya kira satu jumlah peruntukan yang perlu diberikan bagi menaiktarafkan jalan tersebut.

Selain daripada itu sebagaimana yang Seri Muda maklumkan tempoh hari keutamaan perlu diberi kepada jalan yang menghubungkan kalau daripada Kuala Langat ini daripada Banting kemudian ke Jalan Kebun dan ke Puchong yang mana jalan ini sudah lama lebih kurang 30 tahun begitu sudah wujud jalan. Jalan Lombong kemudian ke Kampong Jaya Sepakat dan menghubungkan antara Jalan Sepakat ke Jalan Jurutera di Puchong yang mana disebabkan oleh pembangunan pembinaan Lebu Raya Elite akhirnya jalan ini dalam keadaan yang tidak begitu baik dan memberikan kesan yang tidak baik kepada masyarakat di kawasan itu.

Seterusnya muka surat 263, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor Vot P13 – Pengurusan Banjir 10010 - Program Pengurusan Banjir. Sijangkang melihat bahawa kawasan perkilangan atau pun perindustrian di Sijangkang yang dahulunya tahun 2008 terlibat dalam banjir yang agak begitu besar dan saya lihat pada musim tengkujuh air akan naik di kawasan-kawasan Kampong Jaya Sepakat, Kampong Lombong yakni kawasan-kawasan Tanjung Dua belas 2 Kuala Langat yang airnya juga melibatkan airnya yang naik ke kawasan Kebun Baru dan kawasan perindustrian di situ, yang saya lihat satu ketika dulu ada projek saya tak pasti sama ada projek itu masih lagi diteruskan atau pun tidak. Projek tebatan banjir, pembinaan kolam takungan yang saya kira pengambilan tanah terbiar juga telah dibuat kepada penduduk Kampong Jaya Sepakat yang pada hari ini juga kolam itu telah dikorek, pasir-pasir sudah dikeluarkan tetapi seolah-olah menjadi satu projek yang terbengkalai begitu. Jadi Sijangkang juga ingin mendapatkan maklumat yang terkini apakah telah berlaku kepada projek tersebut yang saya kira sekiranya projek itu diteruskan mungkin memberi sedikit sebanyak berlakunya masalah banjir walaupun mungkin projek *canal city* yang telah diwar-warkan suatu ketika dulu tidak dapat dijalankan.

Seterusnya muka surat 327 Jabatan Agama Negeri Selangor PK 1 – Sekolah-sekolah Agama. Butiran 1100. Sijangkang mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan pada hari ini yang telah memberikan kemudahan-kemudahan asas terutamanya kepada sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Selangor, sekolah-sekolah kategori A sekolah yang mana telah banyak sumbangan-sumbangan termasuklah kebersihan dan juga pengawal yang baru-baru ini yang saya kira telah memberi kesan yang cukup baik kerana banyak sekolah-sekolah agama rendah yang terlibat dalam kecurian sehingga banyak barang-barang atau aset-aset yang berharga hilang. Cuma Sijangkang ingin menekankan di sini supaya di beberapa sekolah yang telah diberikan khidmat Pengawal Keselamatan masih berlaku keperluan pondok-pondok pengawal yang di Sijangkang juga kita mendapat maklumat supaya diadakan pondok-pondok pengawal itu yang mana salah satu mungkin kriteria keperluan kepada Pengawal-pengawal Keselamatan yang akan dihantar dan sudah dihantar pun dan itu ada keperluannya di situ.

Seterusnya muka surat 375 Vot P17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor PK 2 - Pembangunan Komoditi Ternakan Unggas dan Bukan Ruminan. Tadi kita dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa peruntukan ada diberikan dalam program pembangunan komoditi ternakan unggas dan bukan ruminan, 02 - Pusat Pemiakbakaan Puyuh di Kuala Langat. Saya kira inilah satu inisiatif yang baik terutamanya untuk kita memberikan satu peluang pendapatan kepada rakyat di Negeri Selangor ini terutamanya di kawasan luar bandar. Sekiranya pusat ini dibina apakah program-program seterusnya yang memberi impak kepada rakyat di Negeri Selangor terutamanya di luar bandar yang masih kita lihat pada masa ini masih lagi di bawah paras garis kemiskinan terutamanya yang melibatkan orang-orang Asli khususnya di Daerah Kuala Langat di Sijangkang dan juga mereka-mereka yang tinggal di kampung. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Untuk Kajang jawapan yang ditimbulkan oleh Kajang tentang peruntukan RM1.5 juta untuk Perpustakaan Cawangan di Kajang. Saya nak sebutkan untuk Kajang di antara usaha yang kita lakukan ialah memandangkan sewa yang begitu mahal yang sekarang ini telah pun berjalan sekian lama sampai 8,000 ringgit sebulan maka inisiatif kita ialah untuk berpindah daripada situ dan membina satu atau pun membeli satu bangunan khas untuk perpustakaan. Sebab itu, ini bukan untuk *repair* atau pun operasi yang sudah ada. Kita memang mahu berpindah daripada yang ada sekarang ini. Yang kedua....

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, minta penjelasan ke mana dipindah kalau tak ada rancangan untuk pindah dan tempatnya dan peruntukannya sudah dikeluarkan maka tak seharusnya begitu. *You cannot put the cut a head of the horse*. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Terima kasih Kajang kerana keprihatinan. Sebenarnya satu premis itu telah dikenal pasti dan BQ telah pun dibuat dan selepas itu dimohonkan permohonan seperti itu kerana BQ sudah pun dibuat. Maknanya dah ada tempat, malangnya sebelum peruntukan itu diluluskan telah pun dibeli orang lain, jadi kita terpaksa mencari tempat yang baru. Ini yang terkini.

**TUAN SPEAKER** : Bagi saya kalau duit dulu lagi baik kalau tak duit kena cari orang yang beli.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Ok.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Mungkin Tuan Speaker, Kajang ada satu cadangan tapak beberapa pihak yang perlu memberikan kerjasama mungkin untuk pertimbangan YB Selat Klang iaitu buat masa sekarang di Kajang ada satu tapak di mana medan satey tepi sungai dekat dengan Taman Rekreasi. Dan di situ agak kekurangan dari segi kelengkapan, kemudahan dan juga perniagaan di situ juga tidak begitu memuaskan dan tapak itu lebih sesuai untuk dijadikan satu bangunan contohnya 3 tingkat. Saya telah cadangkan dengan Pegawai yang *in charge* dengan Perpustakaan, bahawa tingkat atas boleh dijadikan Perpustakaan, Tingkat 2 boleh dijadikan pusat sumber dan juga program-program termasuk pusat rekreasi, termasuk dewan untuk persembahan dan tingkat bawah boleh jadi tempat pameran kraf tangan dan sebagainya. Ini perlu kerjasama antara pihak negeri dan PBT setempat. Jadi kita mungkin usahakan pihak ADUN Kajang akan membantu segala apa yang boleh untuk menjayakan projek ini. Sekian terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Terima kasih Kajang. Kita akan *follow-up* dengan izin apa yang telah dicadangkan oleh Kajang itu. Yang kedua, apa yang disebutkan oleh Kajang ialah pengkomputeran perpustakaan. Memang sebelum ini masalah yang kita lihat di mana-mana GLC termasuk di perpustakaan ini, pembelian dan mungkin kontrak-kontrak yang dilakukan yang menelan belanja yang lebih tinggi dari apa yang sepatutnya telah kita berhentikan dan komputer ini, yang dibeli itu setengahnya tidak boleh dipakai. Inilah masalahnya yang berlaku dan saya rasa Kajang sendiri telah maklum perkara ini. Jadi kita telah berhentikan. Perkara-perkara yang membazir ini kita telah berhentikan dan kita dengan Batu Tiga melalui Pusat Sumber Cyber rakyatnya melakukan *smart partnership* dengan izin dengan perpustakaan. Jadi Perpustakaan tak beli komputer dah. Kita JV dengan Batu Tiga sebagai orang yang mengendali tentang ICT ini dan apa yang disebutkan oleh Hulu Klang kita ambil maklum. Insya-Allah tentang pembangunan modal insan yang lebih terfokus untuk fasa kedua ini, insya-Allah kita akan memfokuskan kepada JKK, Ahli Majlis begitu juga dengan

penjawat awam di mana kita memang mahu melihat *out put* yang terbaik. Insya-Allah. Terima kasih.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, menjawab soalan Bukit Antarabangsa mengenai pembangunan IKS. Kita menyedari bahawa sumber ekonomi pada ari ini telah bergerak daripada pertanian kepada industri, industri kepada informasi dan seterusnya kepada *knowledge*. Memang program-program yang lalu IKS di agak *tradisional* tetapi mulai tahun ini pembangunan usahawan telah menuju kepada pembangunan *open rue*, pembangunan usahawan IT, *knowledge entrepreneur* dan juga perkhidmatan terpilih. Itu usaha dibuat untuk bersama INPENS. Bagaimana pun juga pelajar-pelajar graduan INPENS untuk masuki bidang ini. Memang 2 juta tidak mencukupi, tetapi untuk program-program usahawan di peringkat makro dia dikendalikan oleh Skim Sel. Bagi mereka yang mempunyai daya saing dan daya maju kerajaan negeri punya hubungan baik dengan Agro Bank, SMDEC atau PUNB yang mana mereka mempunyai dana yang besar bagi memastikan program-program ini dijalankan dengan baik. Rawang bertanyakan soal balai-balai JKKK yang ada sesetengah balai JKKK yang di mana Pengerusi JKKK nya agak cekap telah menjadikan balai-balai ini sebagai pusat komersial. Tetapi ada juga balai JKKK yang kecil dan sempit tidak boleh dijadikan pusat-pusat komersial.

Kemudian berkaitan dengan pertanian yang dibangkitkan oleh Kajang, tidak semua program-program Pejabat-pejabat di bawah TKPM gagal, ada yang berjaya seperti di kawasan Kuala Langat atau pun Sepang. Tetapi memang ada masalah seperti di kawasan Sungai Panjang. Memang Sungai Panjang bermasalah sampai hari ini tak datang dalam Dewan, sebab itu TKPM kawasan dia bermasalah, kawasan tenggelam dan kos untuk bangunkan sangat tinggi. Saya juga mencadangkan supaya TKPM ini ditutup sahaja, tidak ekonomik untuk menjaga TKPM yang kawasan berpaya. Dan dulu kawasan ini kawasan bermasalah sebab itu sukar untuk dimajukan semula. Tetapi ada TKPM-TKPM yang berjaya seperti yang saya sebut tadi. Kemudian projek untuk RM1.25 juta ayam berdaging ini, kawasan TKPM yang ada sempit sekarang ini. Satu, ini ialah kawasan baru di Sungai Nilam untuk melahirkan lima (5) inkubator. Kita maklum bahawa pertanian ini bukan hanya untuk sumber pendapat, untuk memastikan bahawa sumber protein untuk negeri ini mencukupi.

RM300,000.00 untuk pusat flora di Cheras. Saya pergi ke pusat flora dan saya dapati memang keadaannya agak daif, mudah-mudahan RM300,000.00 ini digunakan untuk *upgrade* kemudahan-kemudahan asas yang ada di kawasan tersebut, sebab pusat ini sebahagiannya agak terbiar.

Kemudian, tadi Kajang ada sebut fasal cendawan, itu adalah oleh-oleh daripada Pejabat EXCO Pertanian, boleh minta. Itu antara contoh di mana program-program pertanian di Negeri Selangor ialah program-program di mana menggunakan kawasan yang lebih kecil untuk mendapatkan hasil yang tinggi. Satu teknik fertigasi digunakan untuk menghasilkan buah-buahan ataupun cili untuk cendawan juga, kawasannya kecil, sekitar 12 x 20 kalau diusahakan boleh menghasilkan pendapat 1,500 ke atas. Memang fokus pertanian di Negeri Selangor ialah pertanian moden. Berkaitan dengan .....

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, minta penjelasan. Walaupun EXCO telah Yang Berhormat telah menyebutkan pertanian moden dan pertanian moden ini mungkin hanya *upgrade* dari segi sedikit teknologi tambahan. Adakah kita harus pertimbangkan misalnya kita tanam cili katakan, kita lebih berfikirkan bahawa kita akan dapat *extract* maksimum daripada cili untuk perubatan *bio-medic*. Kalau kita tanam misalnya kelapa. Kelapa kalau hasil dia daripada kelapa sabut dia boleh gunakan untuk satu *biotech* yang tinggi yang untuk pelbagai peralatan,

dan kulit cangkerang ataupun tempurung dia boleh guna untuk apa ni.. aktiviti karbon dan minyaknya bukan untuk minyak kelapa lagi kita guna untuk *verging coconut oil* misalnya. Dari segi nilai, dari segi pasarannya memang meningkat berpuluh ganda, jadi adakah kita harus pertimbangkan pertanian dalam dari segi perkembangan sebegini, terima kasih.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Kajang, usaha-usaha sedemikian telah pun dijalankan. Kalau kita ke Sabak Bernam, usaha-usaha untuk menghasilkan kelapa dara sudah aktif dijalankan dan hasil daripada minyak kelapa dara digunakan untuk perubatan dan saya jangkakan tidak cukup kelapa di Sabak Bernam dan projek ini telah pun di jalan. Yang lain-lain juga begitu dan pertanian ini dia tidak boleh tinggal di dalam pengeluaran sahaja. Pertanian mesti dikaitkan dengan *processing*, penggunaan teknologi dan pemasaran. Oleh sebab itu tumpuan saya di Negeri Selangor setiap kali projek-projek pertanian memastikan bahawa apakah aktiviti hiliran daripada projek-projek tersebut. Umpamanya menjadikan *food processing* yang boleh di simpan dalam masa yang lama. Jadi kalau ini boleh berlaku, saya kira pertanian di Selangor akan terus maju.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bagikan jawapan kepada Kompleks Taman Seni Islam sebagaimana yang ditimbulkan oleh Kajang dan juga Bangi yang menyentuh agak panjang lebar tentang itu, terutama sekali sebagaimana yang diketahui bahawa Kompleks Taman Seni Islam Selangor di Seksyen 10 Shah Alam telah dibina dan dimiliki oleh PKNS tetapi diuruskan oleh Yayasan Restu. Ia digunakan sebagai pusat khas bagi mengembang dan mempromosi tulisan khat serta menjadi hab penulisan Al-Quran Resam Uthmani versi Malaysia. Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri telah mengkaji perkara ini dan mencadangkan supaya kompleks ini diletakkan di bawah JAIS atau MAIS dan selepas itu dapat diurus secara bersama dengan agensi-agensinya yang ada kaitan secara langsung seperti JAIS, MAIS juga kepada Yayasan Restu yang menguruskan sekarang ini. Barangkali boleh diperkembangkan kepada pelancongan dan saya kemungkinan akan berunding dengan EXCO Pelancongan Bukit Lanjan untuk memikirkan bagaimana caranya kita mengangkat martabat Kompleks Taman Seni Islam sebagaimana yang telah disentuh berada dalam keadaan yang kurang bermaya itu. Tetapi mengikut cadangan-cadangan yang diberikan oleh Kajang tadi ternyata bahawa prospek atau pun potensinya sangat besar kalau kita bicarakan tentang *Islamic Art* ini bukan sahaja merangkumi tentang seni dalam pengertian yang paling sempit tetapi sudah tentulah dalam kita lihat dalam tamadun, dalam perbendaharaan, kegemilangan tamadun Islam yang jelas dapat dilihat seperti *Islamic Architecture* misalnya, kita sudah lihat di Afrika Utara di *Spain*, dan kita melihat *Al-Hamra* misalnya di Granada, *Great Mosque* atau pun Masjid Besar di Godoba dan begitu juga Taj Mahal yang dibina oleh Shah Jahan adalah merupakan perkara-perkara yang agaknya disentuh tadi oleh Kajang. Dan ini sesungguhnya boleh menambahbaikkan lagi elemen satu atau pun juga kandungan-kandungan yang dapat dipersembahkan dalam Kompleks Taman Islam itu. Begitu juga kalau kita lihat daripada *architecture* nya yang *version architecture* yang boleh dilihat balik murishnya, turkeynya, mambluknya, moghul dan juga saya canoe Islamic daripada pengaruh-pengaruh orang yang cina yang terdapat begitu kaya dengan tradisi-tradisi *architecture*. Apa yang dicadangkan oleh Kajang tidak lain dan tidak bukan jangan pusat kompleks itu tinggal begitu sahaja, sayang dia kata kalau hanya sebagai khat untuk melahirkan versi-versi Al-Quran begitu sahaja memang baik tetapi kalau dapat dipanjangkan, diperluaskan fungsinya merangkumi kehendak-kehendak seni yang sebenarnya dalam Islam begitu luas, begitu holistik sifatnya maka Kajang menyatakan, ini akan memberikan satu *value added* kepada apa yang kita ada di Negeri Selangor ini. Bahkan sebagaimana yang saudara-saudara tahu dalam suasana di Masjid Negeri di situ, kompleks JAIS dan MAIS di situ dan Kompleks Mahkamah pun yang cantik di situ dengan landskapnya yang begitu indah, dengan pemandangan di sekeliling

dengan tasik di situ, agaknya kalau misalnya dibangunkan oleh sebagaimana impian daripada Kajang, barangkali Shah Alam ini akan menarik

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker boleh tanya..

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Sekejap-sekejap saya habiskan ayat ini sahaja.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Okey

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : menjadikan satu budaya tarik dan bukan sahaja akan menarik pelancong-pelancong dalam negeri kita ini bahkan pelancong-pelancong dari luar negeri dan sebenarnya kita mempunyai kapasiti, mempunyai *capability* untuk melakukannya dan kalau kita dapat mengadakan *network* ataupun jalinan kerja dengan Muzium Islam yang terdapat di Kuala Lumpur di sana barangkali banyak perkara-perkara yang boleh kita fikirkan yang mana boleh jadi *neigh* yang kelebihan kepada kita untuk mengangkat martabat kompleks itu sendiri tetapi pada masa yang sama yang lebih penting daripada itu untuk mengetengahkan kerana sebahagian hasil-hasil sama ada *Islamic Art* dalam bentuk-bentuk seperti kaligrafinya sebagai landskap taman-taman, keindahan taman-tamannya sudah berlalu begitu sahaja. Kalau nak tengok taman yang indah memang ke Iran kita, nak tengok taman-taman masjid yang indah ke Turki kita tetapi berapa ramai yang mempunyai kemampuan untuk ke Turki dan ke Iran. Tetapi kalau kita ada *miniatures* dekat sini barangkali itu dapat memberikan sedikit kata orang jolokan-jolokan untuk mengetahui keistimewaan seni dalam Islam itu. ye Kajang, Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Bangi nak tahu tentang pentadbiran Yayasan Restu tu siapa yang mengetuai dan siapa yang membiayai dari segi ialah operasi perjalanan Yayasan Restu.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih. Yayasan Restu ni sebuah yayasan milik Yayasan dimiliki oleh satu Lembaga yayasan begitu dan mereka menyewa tempat itu yang dimiliki oleh PKNS dan kita lihat mereka juga telah mengadakan pameran-pameran tetapi dalam keadaan yang agak *limited* begitu, yang terhad tetapi kalau misalnya *state* ataupun negeri dapat mengambil bahagian bersama-sama sudah tentulah jalannya dapat diperluaskan, jalannya dapat dipanjangkan daripada dia dikendalikan oleh sebuah yayasan begitu. Walau apa pun saya fikir Yayasan Restu ni dengan penghasilan-penghasilan yang telah dibuatnya menampakkan satu keupayaan yang sangat tinggi sebenarnya. Di Malaysia ini, kalau kita nak rujuk kepada khat biasanya orang akan pergi ke Yayasan Restu. Kalau tuan-tuan tengok nak lukis logo-logo, kain-kain rentang yang ada tulisan-tulisan jawi yang mempunyai mutu yang tinggi biasanya di Malaysia ini dirujuk kepada Yayasan Restu dan saya sudah melihat tiga (3) kali saya dah pergi Yayasan Restu ni, saya tengok anak-anak muda yang dilatih umur belasan tahun dan awal-awal dua puluhan, tiga puluhan telah dilatih kemahiran-kemahiran yang sedemikian. Kalau tidak tulisan-tulisan khat ini dimiliki oleh orang-orang tua ilmunya dan bila orang tua-tua ini meninggal biasanya tidak diwariskan kepada pewaris-pewaris yang terkemudian untuk mewarisi kesenian dan kelebihan kesenian itu. sila Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, terima kasih. Adakah pihak Kompleks Islam ini pertimbangkan bakal kepakaran seperti bagi yang berilmiah dan juga pakar-pakar yang duduk boleh duduk dalam Lembaga supaya pengurusan di situ dan kurator di kompleks itu dapat menjalankan dengan baik.



**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih. Memang sudah menjadi dasar kita. Kita nak mencedok ilmu dan kemahiran ini bukan sahaja terhad dalam lingkungan kita, bahkan Dato' Menteri Besar kita pun selalu menekankan. Yang saya tengok kalau ada cadangan-cadangan tentang ilmu, tentang kemahiran bolehlah pergi ke mana-mana pun hatta kita pergi ke mana-mana pun dunia ini. Kalau dapat misalnya output daripada apa yang kita lakukan itu dapat disemai, dapat disuburkan di bumi Selangor ini. Tidak menjadi masalah sebenarnya. Tetapi tentang kepakaran setakat ini, oleh kerana dia dijalankan oleh Yayasan Restu secara berasingan daripada kita dan saya tak tahu sama ada pemantauan dibuat oleh mana-mana pihak tentang apa yang mereka lakukan atau laporan-laporan mereka berikan kepada kita setiap enam bulan, setiap setahun dan sebagainya, saya tak tahu *arrangement*, tetapi tidak kepada saya mungkin saya bukan EXCO yang bertanggungjawab tentang hal itu ye tetapi apa pun saya merasakan kena ada satu Lembaga Kepakaran begitu ye, pertubuhan yang ada kepakaran begitu untuk kita lihat supaya benda ini tidak hanya mati di situ, mati kata Kajang tadi kerana tidak ada kepakaran, mati kerana tidak ada mereka yang mahir, mati kerana kemahiran itu tidak diteruskan oleh orang-orang yang akan menggantikannya

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker,

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Sila

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Bangi bimbang, takut apa ni, Yayasan Restu ini mempunyai perjanjian macam perjanjian air juga kita terikat. Nanti dia ada perjanjian 15 tahun kita tak boleh nak buat apa, nak ubah dan sebagainya. Ada dekat kadang-kadang macam tu kalau boleh kita nak tolong bukan nak

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Saya rasa dia tak ada tarifah  
Kita nak tolong bukan apa,

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Dia tak ada tarif nak naik 37%, tak ada, saya rasa. Tapi apa pun, yang pentingnya saya bila ditimbulkan oleh Kajang juga sebenarnya terbuka minda juga bila mendengar dan ini menjadi satu kewajipan bagi kita bahkan kalau saudara-saudara lihat di bumi India sendiri tentang tradisi, tentang seni Islam ini sangat diketengahkan di negeri China pun kita lihat *pottery* daripada penghasilan-penghasilan daripada bahan-bahan daripada tanah-tanah liat dan sebagainya saya dapati daripada Negeri China sangat kaya tentang Islam tradisinya. Bahkan kalau kita pergi ke Melaka kita lihat bahawa *architecture* mengenai masjid, masjid-masjid negeri Melaka beberapa masjid yang lain dah, dan kita ada cadangan dan Menteri Besar dah mengingatkan saya sebenarnya, bila lagi kita nak bina sebuah masjid yang menggambarkan *architecture* nya menggambarkan *Chinese in natural foam* itu dari segi *architecture* nya. Yang ini saya rasa kemungkinan kita akan susul dan saya tak tahu kita dah luluskan berapa masjid dalam tahun depan ni, mungkin dalam beberapa tahun ini kemungkinan kita akan tentukan mana-mana masjid yang sesuai untuk menggambarkan tradisi, budaya apa ni, seni yang begitu hebat yang mesti kita warisi. Jadi soal kepakaran itu saya akan pastikan selepas ini, saya akan merunding saya akan ambil inisiatif untuk melihat perkara ini dan menentukan sebagaimana cadangan Kajang tadi bahawa ada orang-orang yang pakar-pakar bersama dengan kita untuk melihat supaya benih-benih yang sudah ditanam akan terus subur berbuah, berputik, berbuah dan akhirnya anak-anak kita dapat menikmati buah-buah yang ranum tersebut. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker. Pertamanya saya berterima kasih kepada rakan-rakan, Ahli Dewan dari Bukit Antarabangsa, dari Rawang, Ulu Klang, Bangi, dari Kajang

dan dari Sijangkang yang mengingatkan kita tentang penggunaan dana, *priorities* dan juga arah tuju ke mana dana ini disalurkan. Untuk Industri Kecil dan Sederhana saya terima saranan daripada Bukit Antarabangsa untuk cuba mengubah hala tuju pembangunan usahawan yang dahulunya merupakan hanya tertumpu pada pertanian tetapi mesti diolah untuk memasukkan konsep teknologi maklumat dan cara-cara pemasaran Internet dan usaha-usaha yang membawa Selangor ke satu arah pembangunan usahawan yang lebih menyeluruh dan mengambil kira sebagai sebuah negeri bandar. Jadi, ini kita ambil kira walaupun pada saya dana yang dikeluarkan adalah untuk hanya pemangkin sebab ia tidak mencukupi walaupun dengan RM2 juta saya tahu TEKUN sendiri menggunakan lebih daripada RM1000 juta. Oleh sebab itulah kita hendak membangunkan usahawan dan kalau dapat kita gunakan peruntukan pembayar-pembayar cukai dari Kerajaan Persekutuan supaya dapat dipertingkatkan.

Saya pernah menyediakan konsep PUNB, Permodalan Usahawan Nasional Berhad dan saya percaya kita tidak boleh hanya tertumpu pada pertanian tetapi kalau kita tengok bajet ini ia mengambil kira pertanian dan kawasan luar bandar. Mengenai Rawang, saya dapati penggunaan dewan tetapi terdapat kekurangan dana untuk menyediakan banyak dewan. Oleh sebab itulah salah satu skim yang hendak kita lakukan setiap pembangunan yang dibuat oleh pemaju-pemaju melebihi 100 ekar, kita boleh minta supaya mereka juga menyediakan bukan tapak tanah sahaja tetapi mendirikan dan mereka boleh diambil kira pemotongan premium dan beberapa potongan. Hasilnya, mereka boleh menyediakan prasarana ataupun tempat-tempat *Kindergarten* dan taman dan seterusnya untuk kepentingan masyarakat yang duduk di situ, yang akhirnya memberikan hasil tambah ataupun nilai tambah tanah tersebut.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, nak minta sedikit penjelasan mengenai yang polisi ataupun skim yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Ijok tadi yang mana pembangunan melebihi 100 ekar kan, diwajibkan oleh pihak pemaju untuk membina dewan. Bilakah ini akan berkuat kuasa ataupun sudah berkuat kuasa?.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Pernah dilakukan oleh pemaju Bukit Jelutong. Mereka pernah lakukan. Bukit Jelutong sudah mendirikan dewan, mendirikan masjid, surau yang kemudian dijadikan masjid, juga mendirikan sekolah dan dengan cara mengambil kira potongan premium dan seterusnya. Maknanya, sekarang kita adakan beberapa polisi. Saya sudah mula berbincang dengan pemaju-pemaju untuk menggalakkan usaha tersebut untuk pemaju yang besar seperti Setia Alam dan Kumpulan Sime Darby, Kumpulan IOI, mereka boleh. Tetapi daripada segi *business* pun baik sebab hasilnya pembeli berminat untuk membeli dan hasilnya mereka yang duduk di sana berasa tempat itu sangat sesuai. Umpamanya di Bukit Jelutong, saya boleh katakan tiada satu pembeli awal yang rugi tetapi tidak dapat keuntungan melebihi 50%. Saya boleh katakan begitu. Itu sebagai contoh. Maknanya kita menggunakan dana kita hanya sebagai *catalyst*, pemangkin dan saya rasa untuk Bangi, untuk masjid negeri ia dibuat oleh arkitek kita sendiri, arkitek Dato' Baharudin Kasim. Beliau arkitek sendiri berasal dari Jeram.

Oleh sebab itu saya percaya kita boleh lakukan. Ya, ini kita boleh lakukan untuk mempertingkatkan seni dan saya sendiri ada meminta Kerajaan Negeri dan MAIS untuk mengiklankan ada tawaran biasiswa untuk *post-graduate* untuk mempertingkatkan *degree*, sekurang-kurangnya *Masters* dalam seni bina dan seni *design*, ataupun seni reka yang boleh kita hantar ke negeri-negeri di Morocco dan di beberapa negeri lain untuk memahami dan mengkaji mengenai *Islamic art*. Kita sudah tawarkan dan saya juga pernah berbincang dengan kerajaan Morocco untuk menempatkan penuntut kita supaya mereka dapat belajar teknik pembinaan masjid yang terbesar di Morocco dekat Casablanca. Kedua, kita juga membuka peluang untuk pelajar-pelajar kita pergi melihat bagaimana seni bina yang boleh dilakukan di Iran dan di Uzbekistan

kerana dua-dua tempat itu mempunyai sejarah yang lama dalam seni bina dan seni *design* ataupun ukiran dan seterusnya. Caranya pun berbeza.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, boleh saya ganggu. Bangi melihat ertinya Taman Seni Islam ni bukan setakat bangunan yang ada di dalam kompleks yang terhad tu. Kalau kita tengok Shah Alam ni ertinya daripada masjidnya dari segi apa ni MAIS, JAIS dan beberapa bangunan yang naik itu semuanya adalah mencerminkan seni bina Islam, barangkali kita boleh luaskan konsep apa ni taman Islam, taman apa ni taman di sini ni sebagai taman seni Islam dengan secara luas, sebab dia sudah harmoni dalam satu lingkungan yang agak luas yang saya fikir ini pun salah satu ciri yang istimewa ada di Shah Alam. Benda tu ada tapi kita tidak sedar dan tidak eksploitasi dan menonjolkan dia kepada dunia luar, bahkan masjid itu sebenarnya satu yang amat indah sebenarnya kalau kita tengok dia punya tiang-tiang tu yang semuanya mencerminkan sifat tawaduk dan khusyuk kalau kita tengok tiang-tiang tu semua tunduk-tunduk, tapak tangan macam orang berdoa, ertinya kalau kita keliling pun keliling yang kita nampak dia ertinya tiada hentinya, ini sifat tuhan Awallul Akhir, kalo kita tengok sama saja keliling di anak gatiknya mula tidak yang ini akhirnya pun tidak jadi banyak seni, saya seperti kagumlah pada pereka yang awal tadi Dato' Shamsudin ke apa nama, mungkin ia itu Dato' Baharudin, ertinya segala ciri seni tampak lah, seni bina yang ada di masjid tu sebenarnya satu seni bina yang tinggi dan agung cuma barangkali tidak ada siapa yang mahu menulis setakat ni yang menghebahkan membahaskan dia dari segi falsafah supaya dia menjadi satu seni bina *architecture* yang masyhur di negeri Selangor khususnya di Shah Alam dan barangkali sekarang sedang naik seni-seni bina kalau kita tengok dari surau kita keluar kadang-kadang saya termenung indahnyanya dengan dia punya dom-dom yang cantik yang tersusun rapi dengan apa menara kubah dan sebagainya dan juga ertinya, cuma dekat kita ini saja roman apa dia ni dari segi binaan agak terpengaruh dari seni bina roman, sebelah sana semuanya ciri keislaman tetapi ertinya barangkali boleh kita rangka dari segi mengubah barangkali kita sesuaikan dengan masyarakat *multi racer* kita di sini yang kita pelbagai tetapi di situ mencerminkan satu kelompok masyarakat Malaysia yang Muslim ramai yang mencerminkan sifat itu barangkali juga tempat lain tapi itu ertinya kita boleh rangka dan kita bina satu rangka pendekatan seni dan juga falsafah Islam di negeri Selangor ni. Tetapi barangkali ada orang yang tak suka bila kita tegakkan imej tapi realitinya begitu, ertinya kita berterima kasih kepada kita tak tahu siapa yang mencipta lagi apa yang benda ni apa dia JAIS, MAIS dan berbagai-bagai saya fikir ini perlu kita tulis dan kita abadikan tokoh-tokoh ni jangan tenggelam kita tak tahu kita tengok saja hasil tetapi kita tak tahu siapa di belakangnya, dan inilah kita boleh tegakkan seniman-seniman tempatan yang telah berjaya menghasilkan hasil-hasil seni bina yang besar yang tinggi nilainya, cuma kita boleh tambah lagi keliling tu kalau kita katakan ertinya berbagai-bagai ciri seni bina lagi yang ada di keliling dan kita tambah lagi supaya benar-benar menjadi suatu taman seni Islam yang unggul di tempat kita. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih, saya ingat Shah Alam, saya diberitahu, diilhamkan supaya menjadi pusat pembangunan Islam. Sebab itulah beberapa sekatan ada dibuat supaya membolehkan pembangunan itu dibuat secara begitu walaupun masih dalam proses pembangunan. Kita hendak teruskan usahanya. Saya juga ada sedikit minat tentang perkara ini dan saya ada mengundang seorang arkitek yang terkenal, iaitu Profesor Al-Wakil. Beliau sudah beberapa kali memenangi *Agahan Award for Architecture and Planning*. Oleh itu saya minta beliau memberikan beberapa pandangan bagaimana pembangunan Shah Alam dan juga reka bentuk *planning* Shah Alam ini boleh menuju ke arah satu bandar yang mempunyai *feature* yang boleh diingati sebagai satu bandar. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga mempunyai minat untuk mengingatkan kita bahawa salah satu daripada keindahan Shah Alam ini adalah tamannya yang itu baginda menyatakan bahawa keindahan *architecture Islam* adalah "*The blending between the buildings and the landscaping*" yang kalau kita pernah

pergi ke Al- Hamra', maknanya "The blending of the landscaping dengan feature of the building. Itulah yang membawa keunikan Islamic Architecture.

Kemudian Sijangkang, saya rasa pembangunan Belia dan Sukan ini perlu kita teruskan dan kita telah melantik Pengarah Belia dan juga terus menjadi Pengarah Sukan dan terus menjadi Pengarah Belia dan kita akan tugaskan untuk menentukan penggunaan kompleks-kompleks yang kita lakukan dan peruntukan yang kita buat untuk dalam bajet ini. Biasanya kita rasakan tidak banyak peruntukan dibuat ataupun kita lupa untuk membuat peruntukan untuk *maintenance* jadi hasilnya kalau kita tidak lakukan dia akan lebih sukar untuk dijaga kemudiannya. Itu sebab walaupun nampak kita bagi RM500,000.00 itu bukan satu angka yang cukup untuk membina bangunan tetapi untuk menentukan *maintenance* ataupun jagaan itu dilakukan. Jadi kita harap kita akan Dewan akan dapat memantau tentang kegunaan-kegunaan ini. Dan sudah tentulah prioritinya ini sudah tentulah kita kena jaga saya tahu prioriti yang utama yang kita tugaskan itu untuk menentukan prasarana maknanya jalan-jalan dan juga parit-parit mesti diberikan keutamaan sebab itu penggunaan yang paling banyak oleh masyarakat. Jadi kedua, pembinaan-pembinaan tetapi belanjawan negeri tidak dapat fokus kepada pembinaan-pembinaan hospital ataupun sekolah kerana ini adalah di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

"Bahawa menurut sub-seksyen 4 (3) dan seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM 600 juta yang dinyatakan dalam anggaran peruntukan pembangunan 2011 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut sub-seksyen 4 (1) Akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan.

Jadual:

P.01	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - RM225 juta
P.04	Perbendaharaan Projek Am - RM15 juta
P.05	Perbendaharaan – RM1 juta
P.08	Jabatan Pertanian - RM15 juta
P.10	Jabatan Perhutanan - RM5,500,000.00
P.12	Jabatan Kerja Raya - RM153,100,000.00
P.13	Jabatan Pengairan dan Saliran - RM45 juta
P.14	Jabatan Agama Islam - RM110,600,000.00
P.16	Jabatan Perancang Bandar dan Desa - RM2,500,000.00
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar – RM6,553,000.00
P.27	Jabatan Kehakiman Syariah – RM12,500,000.00
P.29	Perbendaharaan (Perbelanjaan Am atau Luar Jangka) – RM8,247,000.00

Jumlah RM600 juta.

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

- ii) **Usul No. 11 tahun 2010**  
**Usul Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul No.11 Tahun 2010 Usul Cadangan Pindaan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mohon untuk membawa satu usul sebagai berikut:

“Bahawasanya Menurut Perenggan Dua Peraturan Tetap 69 Bagi Dewan Negeri Selangor Membuat Ketetapan, Meminda Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti Draf Cadangan Di Kertas Bil.31 Tahun 2010”.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul telah pun disokong menurut perenggan dua Peraturan Tetap 69 usul ini tidak perlu dibahaskan lagi dan dikemukakan masalah kepada mesyuarat untuk diputuskan sehingga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan menyediakan penyata berhubung cadangan pindaan tersebut kepada Dewan. Oleh itu usul ini diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan untuk dikaji dan dibincangkan.

Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya menurut Perenggan Dua Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor Membuat Ketetapan Meminda Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti Draf Cadangan di Kertas Mesyuarat Bil. 31 Tahun 2010. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul dipersetujui.

**ii) Usul No. 12 Tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul seterusnya Usul No. 12 Tahun 2010 Usul Di Bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh YB Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon untuk membawa usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap kecuaiian pengurusan KDEB. KSHB, dalam membuat keputusan untuk membangunkan tanah seluas 9.554 ekar milik KDEB, KSHB, di HS(D), 18264 PT No. 32547 Mukim Dengkil, Daerah Sepang kepada pihak ketiga dengan hanya menerima bayaran sebanyak RM 4,154,849.40 tanpa mengambil kira peruntukan jumlah premium yang akan ditanggung oleh KSHB dan dengan hanya mendapat pulangan sebanyak RM37,026.40 atau RM 3,875.81seekar di tanah berlokasi amat strategik. Bahawa dengan ini Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membenteng hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini menyentuh satu pembangunan tanah seluas 9.554 ekar milik anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor Kumpulan Darul Ehsan Bhd dan Kumpulan Hartanah Sdn. Bhd. Di tanah yang dinyatakan sebagai HS(D) 18264 PT No.

32547 Mukim Dengkil, Daerah Sepang yang dimajukan oleh Temasik Sehati Sdn. Bhd. Usul ini bertujuan agar Kerajaan Negeri Selangor menjalankan siasatan kerana pada asasnya terdapat satu keputusan satu langkah penswastaaan pembangunan tanah yang disebutkan di atas yang telah merugikan syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Usul ini adalah berdasarkan rasa tanggungjawab terhadap hak rakyat dan bagi kemajuan dan masa depan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor khususnya Kumpulan Darul Ehsan Bhd. dan Kumpulan Hartanah Selangor Bhd. Menurut faktor-faktor, dokumen-dokumen yang ada pada pihak Hulu Kelang, pada 23 November 2005, pihak KSHB telah menandatangani satu MOU dengan izin dengan Tetuan Temasik Sehati Sdn. Bhd. Bagi membangunkan tanah tersebut melalui "*Power of Attorney* " yang akan dikeluarkan kepada syarikat berkenaan. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Y. Bhg. Dato' Haji Abdul Karim Munisar dan Kol. (B) Mohd. Ariffin bin Che Mat Din bagi pihak KSHB dan Izzar Omar dan Azhar Ahmad bagi pihak Temasik Sehati Sdn. Bhd. Melalui perjanjian ini, pihak Temasik Sehati akan diberi kuasa sepenuhnya untuk memajukan tanah tersebut dan telah dijanjikan dengan kadar pulangan sebanyak 87% daripada nilai pembangunan kasar. Pihak KSHB pula akan menerima bakinya sebanyak 13%. Pada 8 Februari 2006, pihak KSHB telah mengeluarkan satu "*Power of Attorney* " kepada Temasik Sehati dan pada 8 Februari 2006 kedua-dua pihak telah menandatangani satu perjanjian pembangunan "*Development Agreement*" bagi memuktamadkan MOU pada 23 November 2005 termasuk perkiraan pembahagian hasil pendapatan seperti yang dinyatakan seperti jadual di bawah iaitu jumlah nilai pembangunan kasar RM31,960,380.00 jumlah dilayakkan kepada Temasik Sehati pada kadar 87% pada nilai pembangunan kasar iaitu RM27,805,530.60 Jumlah kasar yang dilayakkan kepada KSHB adalah 13% iaitu RM 4,154,849.40. Daripada aktiviti tersebut penemuan Hulu Kelang mendapati aktiviti di atas pertamanya didapati bahawa premium tanah tersebut belum dijelaskan kepada Kerajaan Negeri Selangor oleh pihak KDEB, KSHB semasa menandatangani kedua-dua perjanjian MOU pada 23 November 2005 dan "*Development Agreement*" pada 8 Februari 2006.

Kedua, pihak Pengurusan secara sedar mengetahui bahawa jumlah premium yang akan dikenakan pada syarikat dijangka tinggi berdasarkan kepada nilai semasa pada waktu itu yang telah dibuat oleh Jabatan Penilaian Harta dengan mengambil kira perbandingan harga nilai tanah-tanah di kawasan Cyberjaya.

Ketiga, namun begitu pihak Pengurusan telah sanggup dan bersetuju untuk menanggung pembayaran premium dengan beberapa perjanjian di dalam MOU perkara 6 (viii) muka surat 3 bertarikh 23 November 2005 yang menegaskan bahawa pihak KSHB bersetuju untuk menanggung dan membayar cukai tanah. Perkara k "*Payment of Out Rentt*" muka surat 9 dalam "*Development Agreement*" bertarikh 8 Februari 2006 yang juga menegaskan bahawa pihak KSHB akan menanggung dan membayar seluruh cukai tanah. Perkara 5 KSHB "*obligations* sub perkara 5(f) dalam perjanjian sama juga menegaskan bahawa KSHB bersetuju untuk menanggung dan membayar semua cukai tanah. Jadi perjanjian yang diadakan ini adalah perjanjian yang berat sebelah.

Keempat, pada 4 Jun 2008, Pejabat Daerah dan Tanah Sepang telah mengeluarkan satu notis bayaran melalui Borang 5A bagi menuntut bayaran premium ke atas tanah tersebut sebanyak RM 4,117,820.00 yang perlu dijelaskan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh penerimaan notis tersebut. Semua perjanjian dan aktiviti berlaku pada zaman pemerintahan Barisan Nasional tapi notis bayar cukai tanah oleh kerana pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat yang telus telah menyebabkan Pejabat Daerah Tanah Sepang mengeluarkan notis pembayaran cukai bernilai RM4.117 juta pada 4 Jun 2008. Difahamkan bayaran premium tersebut masih belum dijelaskan oleh pihak KSHB sehingga kini.

Tuan Speaker, perkara yang kelima, penemuan Hulu Kelang juga setelah mengambil kira jumlah premium yang perlu dibayar berbanding pulangan aliran wang tunai yang akan di perolehi oleh KSHB maka didapati projek ini tidak langsung memadai malah boleh dianggap sebagai rugi besar kerana tanah yang seluas 9.55 ekar di lokasi yang amat strategik dan berpotensi tinggi hanya membawa pulangan sebanyak RM37,029.94 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tujuh Ribu, Dua Puluh Sembilan Dan Sen Sembilan Puluh Empat) atau 0.1% dari jumlah nilai pembangunan kasar seperti yang ditunjukkan di bawah Jadual yang akan saya bacakan iaitu nilai pembangunan kasar 31,960,380.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Ribu, Tiga Ratus Lapan Puluh) tolak pendapatan kepada TEMASIK SEHATI Sdn. Bhd. sebanyak 87% iaitu RM27,805,530.60 sen (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tujuh Juta, Lapan Ratus Lima Ribu, Lima Ratus Tiga Puluh dan Sen Enam Puluh). Baki 13% dilayakkan sebagai pulangan pendapatan kepada KHSB RM4,154,849.40 (Ringgit Malaysia: Empat Juta Satu Ratus Lima Puluh Empat Ribu, Lapan Ratus Empat Puluh Sembilan dan Sen Empat Puluh) dan tolak bayaran premium yang ditanggung oleh dan perlu dibayar oleh KHSB RM4,117,820.00 (Ringgit Malaysia: Empat Juta, Satu Ratus Tujuh Belas Ribu, Lapan Ratus Dua Puluh) nilai pendapat bersih kepada KHSB 0.1% iaitu RM37,029.40 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tujuh Ribu, Dua Puluh Sembilan Dan Sen Empat Puluh)

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang dimulikan, boleh dibuat beberapa kesimpulan di sini bahawa:

- (1) Dalam perkara ini pihak pengurusan bolehlah dikatakan sebagai telah berlaku cuai atau tidak berhati-hati dalam membuat keputusan untuk membangunkan tanah tersebut melalui pihak ketiga dengan hanya menerima bayaran RM4.154 juta tanpa mengambil kira peruntukan jumlah premium yang ditanggung oleh syarikat kelak.
- (2) Diandaikan pasukan pengurusan syarikat tidak cekap atau lemah untuk mentadbir syarikat dengan penuh bertanggungjawab kerana tanah yang sebegitu strategik lokasinya hanya meraih pulangan sebanyak RM37,029.40 atau pada kadar RM3,875.81 seekar.
- (3) Pasukan pengurusan tidak teliti atau tidak melaksanakan kajian yang tepat dan betul sebelum berhasrat untuk menswastakan pembangunan tanah tersebut kepada Temasik Sehati. Apakah mungkin ia terlepas pandang terhadap kos premium tanah yang perlu diperuntukkan pulangan pelaburan dan kerja-kerja penilaian tanah dan sebagainya yang belum sebelum memutuskan tanah tersebut di bangunkan.

Tuan Speaker, satu perkara lagi, Hulu Klang juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan, apakah kedudukan Presiden Eksekutif KDEB yang dimaklumkan bahawa Dato' Menteri Besar telah memberi satu surat pada bulan Oktober bahawa beliau mulai bulan Oktober adalah seorang Ahli Lembaga Pengarah KDEB sahaja. Jawatan Presiden KDEB tidak jelas, tetapi pada ketika ini beliau masih menggunakan kemudahan seperti pejabat dan lain-lain kemudahan yang diberikan kepada Presiden KDEB. Hulu Klang berharap Menteri Besar yang melantik beliau hanya sebagai Pengerusi KPS dan KHSB sahaja membuat penjelasan kepada Dewan ini. Hulu Klang juga akan terus menyokong segala usaha dari pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan keupayaan kepimpinan dan pengurusan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor termasuk KDEB dan KHSB serta berdiri teguh dalam melaksanakan keadilan, membanteras rasuah, salah guna kuasa dan amalan urus tadbir yang tidak telus. Dengan itu, bahawa dengan Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Meru

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Meru ingin mengambil bahagian dalam membahaskan usul yang dikemukakan oleh

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, yang ini kena sokong dulu.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : ha.. sokong,

**TUAN SPEAKER** : menyokong ya.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Ya, menyokong,

**TUAN SPEAKER** : Ucapan menyokong

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : ya ucapan menyokong Insha-Allah, yang dikemukakan oleh Y.B. Ulu Klang. Isu amanah bukanlah isu yang remeh, yang boleh dikesampingkan begitu sahaja oleh mana-mana insan sama ada ianya Wakil Rakyat ataupun penjawat awam, seorang Menteri atau Perdana Menteri sekalipun. Ulama memberitahu kita bahawa sekiranya sedekah itu diasaskan kepada perasaan kasihan, memberi pinjaman itu diasaskan kepada kepercayaan untuk membayar balik maka amanah itu diasaskan sepenuhnya kepada agama. Di dalam konteks ini Nabi Muhammad S.A.W. telah bersabda (*Bahasa Arab*) "*Ladima Lima Lanta'ala*" dengan izin yang bermaksud: tidak ada agama bagi mereka yang tidak menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai manusia yang beradab, berhemah dan bertanggungjawab, lebih-lebih lagi insan yang diberikan Allah peluang untuk menjawat jawatan tertentu dan diberikan amanah seharusnya kita mengambil iktibar dari berbagai perkara yang berlaku di sekeliling kita sama ada yang sudah lepas ataupun sudah pun berlaku sebagai panduan untuk membimbing kita untuk terus mengamalkan yang makruf dan mencegah kemungkaran. Yang mana yang baik sepatutnya kita contohi, kita sokong dan sama-sama berusaha membantu untuk melaksanakannya dan yang mana buruk kita harus tinggalkan malah mesti diperangi supaya tidak mudah berulang lagi. Di dalam konteks ini Allah S.W.T. mengingatkan manusia dengan jelas di dalam Surah Al-Maidah Surah yang ke5 ayat ke2 dengan izin; *Bismillahirrahmanirrahim. (Bahasa Arab) Wata'alul Walbirri Wattaqwa Walata'awadhu Wata'alaik Fil Udhwan Wattaqullah Innallaha Syadidul 'Iqad*' yang bermaksud: *dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam mengerjakan kebajikan dan takwa dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Berat seksanya.* Allah S.W.T. menganugerahkan manusia otak yang mampu berfikir, mata yang mampu melihat, telinga yang mampu mendengar dan hati yang mampu menilai dan membezakan apa sahaja usaha-usaha yang baik dan berkebaikan dari kerja-kerja yang kotor dan hina. Di dalam Surah yang ke 90 untuk menjimatkan masa saya baca terus maknanya; *adakah manusia mengira tindak-tanduk ini tidak diperhatikan, bukankah kami Allah telah menjadikan kepada manusia itu dua biji mata, lidah dan dua bibir dan kami dedahkan kepada kamu dua jalan iaitu jalan yang akan membawa kamu kebaikan dan jalan yang menghancurkan kamu kepada kebinasaan.* Meru menyeru agar kita semua kembali ke pangkal jalan dengan mengiktiraf kebajikan itu kebajikan dan mengenal pasti keburukan itu adalah keburukan. Allah juga berfirman dalam Surah Al-'Akraf: (*Bahasa Arab*), bermaksud:



*Dan sesungguhnya kami jadikan isi neraka jahanam itu kebanyakan dari jin dan manusia, mereka itu punya hati tetapi tidak dipergunakan untuk memahami tanda-tanda kebesaran Allah dan mereka mempunyai dua biji mata tetapi tidak digunakan untuk melihat kebenaran dan kekuasaan Allah dan mereka mempunyai dua telinga tetapi tidak digunakan untuk mendengar kebenaran dan ayat-ayat Allah. Mereka itu umpama binatang ternakan malah lebih sesat lagi daripada binatang ternakan. Mereka itulah orang-orang yang lalai.* Apabila Ulu Klang menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap kecuaiannya pengurusan KDEB, KHSB dalam membuat keputusan untuk membangunkan tanah di mukim Dengkil daerah Sepang, Meru merasakan perkara ini amat serius dan patut diambil berat memandangkan inilah adalah antara penyebab besar mengapa rakyat di Selangor ini menolak UMNO dan Barisan Nasional. Apabila mereka lupa daratan ketika diberi kekuasaan dan jawatan dan menyalah urus pentadbiran negeri Selangor ini serta mencemarinya dengan rasuah dan mengayakan kroni-kroni mereka sahaja yang menyebabkan rakyat bangun dan menterjemahkan kemarahan mereka melalui peti-peti undi di pilihan raya umum yang lalu. Meru dari segi, dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Ulu Klang supaya diwujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan Negeri bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tunku juga ingin berdiri dan mengambil bahagian dalam perbahasan ini seperti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Hulu Kelang. Y.B. Hulu Kelang mempunyai lebih banyak maklumat dengan taran saksi ini tetapi ucapan saya adalah lebih menjurus ke arah apakah harga yang sepatutnya diperolehi oleh KDEB atau KHSB dalam transaksi ini. Tuan Speaker, walaupun saya tidak mempunyai butiran selanjutnya tentang transaksi ini tetapi saya menggunakan cara *lament* iaitu saya menggunakan apa yang ada di dalam laman web berkenaan dengan penjualan hartanah seperti *Air Properties* saya buat satu petanda ingat. Dan saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa perbandingannya amat ketara, apa yang saya dapati ialah terdapat perbezaan harga jualan antara tanah yang dijual oleh ataupun diusahakan secara kepada pihak ketiga oleh KHSB dengan sebidang tanah lagi yang dimiliki oleh orang atau pun pihak swasta. Saya katakan tanah ini sebagai tanah A daripada apa yang saya perolehi terdapat sebidang tanah A di kawasan yang sama iaitu di mukim Dengkil daerah Sepang seluas 30.4 ekar dengan harga jualan yang diambil dari *Air Property* adalah sejumlah sebanyak 19 juta ringgit, 19 juta enam ratus ringgit, maafkan saya. Di mana harga sekaki adalah sebanyak RM14.80 kaki persegi dan ini berbanding dengan tanah yang dijual ataupun diusahakan secara bersama dengan pihak ketiga (3) oleh KHSB. Tanah ini adalah seluas 90.5 ekar dan harga jualannya ialah RM4.51 juta, maka harga jualan kaki persegi adalah hanya RM9.98 sekaki persegi. Jadi terdapat perbezaan lebih kurang RM5.00 sekaki persegi dan kalau kita *back calculated*, kita mengira semula maka jumlah perbezaan harga jualan ialah lebih kurang RM6juta, RM2 juta, RM2 juta. Lima (5) darab dengan 416,000 kaki persegi maka jumlah harganya adalah RM6 juta dan ditolak RM6 juta ini dengan harga jualannya RM4.15 juta maka perbezaan harganya adalah RM2 juta. Dan kalaulah apa yang saya katakan ini betul maknanya Kerajaan Negeri ataupun GLC Kerajaan Negeri ini mengalami satu kerugian sebanyak lebih kurang RM2 juta tetapi ini adalah satu pengiraan secara *lament* sahaja

**TUAN SPEAKER** : Tetapi Yang Berhormat mungkin ni silap, sebab ini adalah bayaran sebagai *joint venture* bukan jualan tanah

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya, ya

**TUAN SPEAKER** : Jadi harga tanah tu mungkin tidak tepat, kalau kiraan Yang Berhormat.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Maksud saya, sepatutnya harga jualan ataupun nilai ataupun bayaran yang diterima oleh KHSB perlulah lebih tinggi daripada harga jualan itu, ini adalah maksud saya. Kalaulah harga jualan boleh sampai ke RM6 juta maka tidak ada *basics* ataupun asas untuk kita mengusahakan bidang tanah ini dengan menerima bayaran sebanyak RM4.15 juta sahaja. Oleh itu saya meminta supaya Kerajaan tidak memandang remeh terhadap aduan yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Sememangnya saya ingin membuat satu seruan bahawa tanah merupakan aset yang paling penting untuk Kerajaan Negeri. Di Kerajaan Negeri kita tidak ada apa-apa aset melainkan tanah ataupun cukai pintu, itu untuk PBT. Dan kita tidak boleh sekalipun membiarkan harga, harta rakyat disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan diri sendiri dan biarlah Kerajaan Negeri perlu menyasiat dan mengesahkan kesahihan aduan-aduan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Y.B. Ulu Klang kerana telah membangkitkan Usul ini dan Usul ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa Pakatan Rakyat menentang sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa, kronisme dan nepotisme dan kita tidak sekalipun berundur walaupun kes-kes yang didakwa di dalam Dewan yang mulia ini melibatkan pegawai ataupun pegawai syarikat Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Pakatan Rakyat. Jadi saya mempunyai beberapa persoalan ataupun cadangan kepada Kerajaan Negeri misalnya yang saya ingin bertanya:

- (1) Adakah Jabatan Audit Negara telah mengaudit transaksi ini.
- (2) Siapakah yang telah membuat keputusan untuk membangunkan tanah ini dengan pulangan yang lebih rendah daripada harga pasaran.
- (3) Saya sedia maklum bahawa Yang Berhormat dari Ulu Klang dalam menyatakan sedikit sebanyak tadi, saya minta Kerajaan Negeri untuk mengesahkannya dan jikalau apa yang dituntut ataupun dibawa oleh Usul ini adalah benar, maka saya ingin bertanya apakah rasionalnya di sebalik keputusan ini.
- (4) Saya khuatir jikalau kawasan ini terletak berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kerana jika ia saya rasakan saya meminta, maka saya meminta satu siasatan dijalankan terhadap potensi tanah ini serta jangkaan pulangan minimum yang politik perolehi oleh Kerajaan Negeri jika tanah ini dibangunkan oleh kita sendiri. Dan sekiranya terdapat elemen-elemen penyalahgunaan kuasa maka saya ingin bertanya dan saya juga ingin meminta Kerajaan Negeri memikirkan apakah tindakan atau kuasa undang-undang yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab.

Jadi Tuan Speaker, inilah apa yang saya huraikan dalam ucapan saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pihak Kerajaan ada penerangan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Hulu Kelang yang membuat cadangan dan rakan-rakan daripada Meru dan Kampung Tunku yang memberikan kenyataan dan saranan. Maka, untuk menambahkan lagi analisis, saya meminta nota-nota tentang mengapa kita pilih Syarikat Temasik Sehati Sdn. Bhd, sebagai *joint-venture partner*. Pada dasarnya kalau kita hendak nak memilih rakan kongsi, sekurang-kurangnya kita mesti ada data mengenai rakan kongsi. Kalau tidak ada kita tidak tahu kerana kita hendak berkongsi kerja. Maknanya, dia ada mempunyai pengalaman ataupun dia mempunyai kepakaran dan bagaimana cara kita berkongsi.

Oleh itu, untuk makluman Dewan, Syarikat Temasik Sehati Sdn. Bhd dimiliki oleh tiga pemilik saham, iaitu En. Mohd Asrul bin Abdul Jalil, En. Izhar bin Omar, Mr. Lai Heng Seng, kesemuanya rakyat Malaysia, dan memiliki saham tersebut. Tetapi kalau biasanya kita buat analisis, yang biasa saya lakukan semasa saya bekerja di syarikat pelaburan, saya analisis kepakaran mereka ini. Tetapi kalau kita tengok I/C dia, dia lahir pada tahun 1976 maknanya masa dia menandatangani itu, belum berumur 30 tahun. Apa yang jelas kepakarannya, adakah? Kepakaran orang berumur 30 tahun melebihi kepakaran syarikat hartanah. Ha.. itu macam mana dia boleh berkongsi dengan melihat kepakaran dan kebolehan dan syarikat ini mempunyai modal yang dibayar hanya 199 ribu ringgit. Maknanya tidak lebih daripada 200 ribu ringgit, untuk membuat pembangunan *gross development value* yang dikatakan melebihi 27 juta. Jadi itu pun kita boleh belajar daripada pengalaman ini, dan yang sebenarnya *gross development value* adalah satu cara yang baru dibuat oleh Kerajaan Negeri, dan dahulu tidak ada dibuat. Tetapi *gross development value* ini apabila kita mengambil kira *gross development value* kita juga mengambil kira harga tanah dan premium yang kena dibayar. Kalau tidak buat kita beli tanah kalau tidak ambil premium, maka masa perjanjian itu, maknanya Kumpulan Hartanah memberi diskaun sebab dia sudah tolak kos tersebut. Oleh itu, inilah beberapa maklumat yang boleh kita beritahu dewan.

Perkara kedua yang ingin saya jelaskan iaitu Kumpulan Hartanah Selangor Bhd, adalah satu syarikat yang disenaraikan di pasaran saham. Oleh itu, kenyataan kita ini boleh memberikan bukan sahaja memberikan maklumat kepada Selangor tetapi juga memberi kesan kepada pemilik-pemilik saham yang bukan dimiliki oleh KDEB. Maknanya, *the minority share holder*, implikasinya adalah besar, *minority holders*. Bererti, Lembaga Pengarah yang dilantik untuk menjaga syarikat ini termasuk yang dipanggil *independent directors* kena menjawab soalan ini. Iaitu, bukan Syarikat Sdn. Bhd, tetapi is *Public listed company*, implikasinya adalah *very sensitive*., Bagaimanapun, saya hendak ingatkan ini, sebab ini perkara perlu dinyatakan dalam Dewan ini dan sudah tentulah banyak penjelasan yang perlu dikemukakan dan syarikat ini saya hendak beritahu pemilikan.

KDEB memiliki hampir 52% dalam Kumpulan Perangsang, dan Kumpulan Perangsang adalah syarikat yang diurus niaga dalam pasaran saham. Ia bererti, 49% adalah milik pemilik-pemilik saham yang banyak. Kumpulan Perangsang memiliki 51% dalam Kumpulan hartanah. Maknanya, Kumpulan Perangsang memiliki 49% syer. Jadi *in-theory the effective syer holding of KDEB* yang 100% milikan Kerajaan Negeri bukan 50% tetapi sampai ke 30% sebab daripada 50%, 100% sampai ke Kumpulan Perangsang ia sudah *relate* 51 sampai 51 turun ke bawah ia sudah milik 51 X 51. Maknanya, 25 ke 30% sahaja. *Effective share holding of the stake* itu pun penting untuk pengetahuan.

Ketiga, perkara ini saya terima kalau kita bersetuju untuk mengadakan siasatan sebab MBI ada menubuhkan satu kumpulan audit yang boleh turun mengaudit perkara ini. Oleh sebab mereka ini adalah kumpulan profesional dan mereka boleh membuat laporan terus kepada Dewan untuk 2 atau 3 tujuan.

- i) Untuk memberi/menjelaskan keadaan-keadaan tersebut;
- ii) Untuk membetulkan jika ada perkara seperti *fraud* atau hal yang berkaitan;
- iii) Untuk menentukan bahawa tugas pemantauan ini mula berlaku. Saya tiada apa-apa masalah.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Minta penjelasan tentang kedudukan terkini Presiden Eksekutif KDEB.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Oh, belum. Nanti. Saya belum jelaskan ha..ha..nanti saya belum jelaskan. Yang ini saya teruskan kedua, saya ada catat.. mana yang tadi, yang lagi satu.. oh.. yang tiga-tiga apa tu.. Jabatan yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku juga ada 3 soalan kan, 3 soalan. Kampung Tunku, ada 3 soalan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : 5 soalan sebenarnya.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tidak, soalan yang kena jawab.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Soalan pertama, tentang audit yang kedua tentang pembuat keputusan, dan rasionalnya dan yang ketiga tentang lokasinya dan jangkaan pulangan maksimum, satu lagi ialah apakah? Tindakan ataupun kuasa yang boleh diambil oleh kerajaan Negeri Selangor.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Baiklah, Itu saya hendak terangkan. Saya sudah membuat keputusan. MBI sendiri sudah membuat keputusan sebab tidak *renew*, tidak memberikan lagi *renew the service*, tidak boleh lagi bertugas sebagai eksekutif dalam Kumpulan-Kumpulan Darul Ehsan Bhd. Maknanya, tanggungjawab dia oleh sebab untuk memberi masa, jadi kita benarkan dia menjadi Pengarah, maknanya jadi Pengarah KDEB juga jadi Pengarah Kumpulan Perangsang dan menjadi Pengarah Kumpulan Hartanah. Maknanya, tiga-tiga itu oleh sebab sekarang dalam proses untuk mengenal pasti Ketua Eksekutif yang baharu. Oleh itu, kita ada meminta supaya eksekutif *the financial director* yang juga hendak bersara tapi kita mengambil masa untuk Lembaga Pengarah- *The Independent Board* untuk memilih seorang yang baharu. Sekarang dalam proses pemilihan. Jadi ini sudah dibuat keputusan.

Maka, semua kemudahan tidak diberikan sebagai seorang CEO, tidak ada lagi kepada Ketua Eksekutif yang dahulu. Tidak lagi. Walaupun sebagai usaha membenarkan masa kita beri satu bulan atau dua bulan untuk mengemas sebab dia sudah bersara. Oleh itu kita beri masa untuk selesaikan... jadi kita beri masa serupa juga macam pertukaran Menteri Besar kita beri masa untuk tinggal di rumah untuk beralih. Jadi itu kita beri masa. Kita tidak membuat 24 jam notis. Tidak. Kita beri masa yang munasabah supaya dapat pertukaran itu berlaku dengan lancar. Maknanya, soalnya adakah efektif? *yes, its efektif*, ada tak? dia berada dalam syarikat, memang ada, sebab dia sebagai Pengarah juga boleh berada dalam syarikat dan mengapa? Dia masih duduk dalam biliknya. Kita ada beri masa dan ruang untuk itu, tetapi apabila Ketua Eksekutif yang baharu datang maknanya pada masa yang sesuai dia kena mengosongkan bilik-bilik dia untuk *hand over* tugas yang sekarang dia berikan kepada *financial director* untuk lakukan...

Jawapan bagi soalan yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku hanya boleh dijawab apabila kajian dibuat. Kalau tidak memang tidak bolehlah saya sendiri nak menjawabnya. Maknanya, apabila kajian dibuat dan prosesnya saya rasa saya kurang pasti bila *the audit report* ataupun *the special report concerns* ....Kalau hendak menunggu sampai Dewan berjumpa adalah 2, 3 bulan tetapi saya berpendapat *report* ini boleh disiapkan dalam masa 1 bulan. Oleh itu, satu cara adalah *report* ini dihantar kepada *Public Accounts Committee* untuk diselidik dan dapat membuat beberapa kesimpulan daripada kajian tersebut. Kalau hendak tunggu perbincangan untuk Dewan umpamanya dalam masa 3 atau 5 bulan maka masa itu terbuang sahaja. Walau bagaimanapun, kita hendak membuat keputusan dengan segera.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi

'Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap kecuaiian pengurusan KDEB, KHSB dalam membuat keputusan untuk membangunkan tanah seluas 9.554 ekar milik KDEB, KHSB di HS(D) 18264 PT No. 32547 Mukim Dengkil Daerah Sepang kepada pihak ketiga dengan hanya menerima bayaran sebanyak RM4,154,849.40 sen tanpa mengambil kira peruntukan jumlah premium yang akan ditanggung oleh KHSB dan dengan hanya mendapat pulangan sebanyak RM37,026.40 sen atau RM3,875.81 sen seekar di tanah berlokasi amat strategik. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke sidang Dewan Negeri.'

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

**iv) Usul No. 13 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul seterusnya usul No.13 Tahun 2010. Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat meneruskan usul ini saya meminta Yang Amat terhormat untuk membawa satu usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi sebagai berikut:

'Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga semua urusan mesyuarat diselesaikan pada hari ini.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui. Dipersilakan Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mohon untuk membawa usul, satu usul yang berbunyi seperti berikut :

'Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap satu perintah Mahkamah yang melarang diteruskan operasi kuari di kawasan tanah hak milik Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, KHSB di Bandar Baru Selayang tetapi kerja-kerja kuari masih aktif dijalankan secara haram.

Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri .’

Usul ini Tuan Speaker, menyentuh satu operasi kuari di Bandar Baru Selayang tanah milik SAP Holdings Sdn. Berhad, sebuah anak syarikat Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, KHSB dan KDEB sebagai badan induk kepada KHSB. Hulu Kelang melawat ke tapak lokasi pada 3 November dan mendapati operasi sangat aktif bahkan Hulu Kelang dihalang daripada memasuki kawasan tersebut. Catatan carian persendirian merekodkan pemilikan dan alamat tanah sebagai milik Shah Alam Properties Sdn. Bhd., beralamat di No.28 – 32, Jalan 3/5, Bandar Baru Selayang, Batu Caves, 68100 Selangor. Tanah tersebut adalah jenis dan No. milik HS(D) 20034 dengan lot No. PT 26549 dalam Mukim Batu, Daerah Gombak di dalam Bandar Baru Selayang yang luasnya adalah 235.76 ekar dengan taraf pegangan pajakan 99 tahun. Tarikh berdaftar 26 Januari 1991 dan tarikh luput pajakan 25 Jun 2090. Cukai tanah sebanyak RM1,897,690.00 pada 8 Disember 2005. Setakat ini tidak jelas status pembayaran cukai tanah ini. Terdapat beberapa kaveat persendirian di atas tanah. Antaranya:

- Cergas Tegas Sdn. Bhd. bertarikh 14 Jun 1999
- AEH Capital Sdn. Bhd. bertarikh 24 Jun 1999
- SAP Holdings Berhad bertarikh 6 September 2002
- Star Everest Sdn. Berhad bertarikh 21 Jun 2004
- Yap Yoke Wah bertarikh 22 April 2005

Tanah ini pada asalnya akan dimajukan oleh SAP dengan usaha sama Cergas Tegas Sdn. Bhd. pada tahun 1990an. Perintah Mahkamah telah dikeluarkan pada tahun 2006 menghalang sebarang pembangunan di atas tanah tersebut. Surat yang dikeluarkan oleh pihak Kumpulan Darul Ehsan Berhad bertarikh 28 Mac 2006 kepada Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menyatakan surat wakil kuasa seterusnya ditarik balik kepada Tetuan Cergas Tegas Sdn. Bhd. yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi pada tarikh 18 Januari 2006.

Surat menyatakan bahawa pembatalan di atas adalah berdasarkan antara lain kegagalan Cergas Tegas Sdn. Bhd. membayar jumlah hutang kepada pemegang gadaian iaitu AmBank Malaysia Berhad yang mengakibatkan SAP disaman dan bank tersebut memulakan tindakan untuk menjual tanah tersebut di atas satu lelongan awam di mana SAP terpaksa mengambil tindakan untuk menjaga kepentingannya di atas tanah tersebut. Dan pada 13 Disember 2005, sepucuk surat telah dikeluarkan oleh Kamar Penasihat Undang-undang, Kerajaan Negeri Selangor kepada Pegawai Daerah Gombak. Antara lain menyatakan

‘Pihak Kamar setelah meneliti latar belakang tentang isu pemberian permit kepada Teguh Kaya Sdn. Bhd. Untuk mengeluarkan dan penjualan pasir batuan daripada tanah milik SAP Holdings Sdn. Bhd. yang dikemukakan oleh pihak KHSB berpandangan pihak tuan wajar membatalkan permit tersebut dengan mengambil kira terdapat isu pemalsuan surat kebenaran daripada KHSB kepada Teguh Kaya Sdn. Bhd. Bertarikh 20 Julai 2005 dan 2 Ogos 2005 seperti mana yang telah pihak KHSB jelaskan di dalam surat mereka yang berkenaan’

Tuan Speaker, menurut pemerhatian purata, mereka yang berhampiran di situ dan pemerhatian saya akan kesibukan operasi lalu lintas lori yang membawa muatan sekitar 300 buah lori sehari. Setiap satu lori 35 tan dikatakan mengangkut bahan-bahan batuan keluar dari lokasi tersebut setiap hari. Jika dianggarkan sebuah lori dengan muatan batuan harga purata RM800.00 selori dikalikan dengan 300, ini bermakna RM240,000.00 jualan batuan dari kuari tersebut setiap hari. Jika dikira setahun, 30 hari setiap bulan maka dengan andaian RM240,000.00 perniagaan

batuan dari kuari tersebut bermakna RM7.2 sebulan yang bermakna RM86.4 juta setahun. Ini adalah satu kiraan yang rawak tetapi boleh memberi panduan kepada Dewan yang mulia ini tentang berapa besar hasil rakyat dan hasil Kerajaan Negeri yang dirampas, yang dirompak sedemikian sahaja tanpa pemantauan yang kuat dari pihak penguat kuasa berkenaan. Ini adalah satu perniagaan jika tidak dilaksanakan mengikut peraturan sudah pasti mengabaikan bayaran-bayaran royalti dan cukai kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ada juga maklumat menyatakan lori-lori tersebut membawa pasir campur dan harga pasaran bagi pasir campur bagi setiap lori adalah 35 tan. Bagi setiap lori 35 tan adalah RM400.00 selori. Jika maklumat ini benar, mengandaikan kiraan di atas maka setiap hari perniagaan pasir campur daripada kuari tersebut adalah bernilai RM120,000.00 setiap hari yang bermakna RM3.6 juta sebulan yang bermakna RM43.2 juta setiap tahun.

Tuan Speaker, jika maklumat bahawa operasi sama ada pengambilan batuan ataupun pasir campur ini adalah benar, maka setelah beroperasi bertahun-tahun sudah pasti ia kini membawa kepada perniagaan bernilai ratusan juga ringgit tanpa memberi faedah royalti mahupun cukai kepada kedua-dua pihak Kerajaan, Pihak Berkuasa Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan itu, Hulu Klang mendesak dan merayu agar Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke sidang Dewan Negeri. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ia

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Saya menyokong Puan Speaker. Apa yang telah dibentangkan tadi memberi gambaran bahawa Kerajaan Negeri tidak dapat apa juga keuntungan dari hubungan ini di mana nampaknya operasi kontraktor ataupun yang mengambil pasir itu mendapat keuntungan yang luar biasa. Sudah ada larangan dari Mahkamah, masih dilakukan. Apa yang kita panggil dengan izin menghina Mahkamah ataupun .... *court*. Soalnya yang timbul apakah peranan KHSB dalam segala-gala yang berlaku sini? Kerana nampak sangat dah kalau berjuta-juta dah masuk, tidak ada keuntungan kepada Kerajaan Negeri. Ini amat merugikan. Dan juga soalan yang patut disiasat dengan lebih mendalam adakah satu persubahatan ataupun konspirasi dengan izin di mana merugikan Kerajaan Negeri? Maka itu juga kerana perkara larangan dari Mahkamah ini memang biasa dalam pengalaman Kota Damansara masa dulu-dulu bahawa walaupun ada larangan Mahkamah, kerja masih dilakukan tidak dapat bergerak. Ini menunjukkan ada kuasa operator dan juga dengan ada pertolongan dari kroni-kroni mereka hingga mereka dapat melakukan dengan sewenang-wenangnya. Maka itu juga Kota Damansara menyokong Usul No.13.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, Ahli-ahli yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Tiada perbahasan?

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

'Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap satu perintah Mahkamah yang melarang diteruskan operasi kuari di kawasan tanah milik Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, KHSB di Bandar Baru Selayang tetapi kerja-kerja kuari masih aktif dijalankan secara haram. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke sidang Dewan Negeri' Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya.

**DEWAN** : Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**v. Usul No. 14 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul seterusnya. Usul No. 14 Tahun 2010. Usul di bawah peraturan tetap 27 (3) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI B SUNGIB** : Puan Timbalan Speaker, Terima kasih dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap manipulasi penjualan sejumlah 9 unit rumah teres milik SAP Holdings Berhad di Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor dengan mengelaskan penjualan unit-unit tersebut sebagai pembelian pukal dengan harga potongan sebanyak 50.90% yang menyebabkan syarikat kehilangan hasil penjualan sebanyak 617,000 ringgit. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri. Puan Timbalan Speaker, usul ini menyentuh satu penjualan secara pukal. 9 unit rumah teres dua tingkat di fasa RT3C dua unit rumah teres satu tingkat di fasa RT2A, dan satu unit kedai di fasa RT2B milik SAP Holdings Berhad di Taman Melawati Jaya Kuala Selangor. Hulu Kelang melawat ke tapak lokasi pada 3 November untuk menyiasat perkembangan tempat tersebut dan usul ini bertujuan agar kerajaan negeri menjalankan siasatan kerana pada asasnya terdapat satu keputusan penjualan harta-harta berkenaan yang Hulu Kelang sifatkan sebagai satu manipulasi pengurusan yang telah merugikan syarikat. Usul ini meminta kerajaan negeri membuat siasatan terhadap pihak pengurusan syarikat melalui Puan Shirley Chew, Pengurus Besar Bahagian Pemasaran dan Jualan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad yang telah membuat penjualan sejumlah 9 unit rumah teres dua tingkat, dua unit rumah teres satu tingkat dan satu unit kedai milik SAP Holdings Berhad di Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor. Penjualan ini dilakukan dengan mengelaskan penjualan harta-harta tersebut sebagai pembelian pukal bagi mewajarkan unit-unit berkenaan dijual kepada lima orang pembeli individu dengan separuh harga atau pun potongan harga sebanyak 50.90% berbanding harga asal seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah. Dalam jadual yang saya pegang ini senarai harga jualan yang ditawarkan kepada lima pembeli individu di projek Taman Melawati Jaya berbanding dengan harga asal adalah sangat mencurigakan kerana harga asal adalah 910,120.00 dengan potongan 460,120.00 ringgit iaitu potongan 50.5% bagi rumah teres dua tingkat. Sedangkan rumah teres satu tingkat harga asal adalah 171,914.00 dengan potongan 91,914.00 iaitu peratus potongan harga sebanyak 53.46% dan sedangkan rumah kedai satu tingkat harga asal adalah 130,000.00 dengan potongan 65,000.00 yang bermakna peratus potongan lima puluh peratus. Jumlah ketiga-tiga rumah teres satu tingkat, rumah teres dua tingkat dan rumah kedai satu tingkat sepatutnya harga asal adalah 1,212,000,034 tetapi setelah diberikan amaun potongan yang besar iaitu 617,000.00 hingga menjadikan peratus potongan sebanyak 50.90%. Puan Timbalan Speaker, dah Ahli-ahli Dewan. Jadual di atas telah menunjukkan bahawa potongan harga untuk 12 unit rumah dan kedai ditawarkan kepada lima orang pembeli individu berkenaan ialah pada kadar purata 50.90%. Ini jelas menunjukkan syarikat telah hilang hasil jualan sebanyak



617,000.00. Kemungkinan berlaku manipulasi dalam kaedah penjualan harta-harta tersebut di atas adalah atas alasan-alasan:

1. Penjualan pukal adalah umpama beli satu dapat satu percuma. Ada kemungkinan pihak pengurusan cuba melindungi tawaran beli satu percuma satu tersebut beli satu dapat satu percuma dengan menggambarkan sebagai pembelian pukal sebanyak 12 unit untuk mewajarkan unit-unit tersebut dijual dengan potongan harga sebanyak 50.90% berbanding pada harga asal. Pada hakikatnya ia hanya dijual lima orang pembeli individu sahaja. Dalam konteks tersebut sudah tentu setiap pembeli berkenaan mampu untuk membeli dua unit rumah atau kedai setiap seorang dengan hanya perlu membayar dengan satu harga. Dalam lain perkataan mereka hanya perlu menjelaskan separuh bayaran untuk setiap unit yang dibeli.
2. Tiada kelulusan Lembaga Pengarah untuk penjualan unit pukal. Setahu Hulu Kelang kepada dokumen-dokumen yang ada pada Hulu Kelang tiada bukti atau sokongan yang menunjukkan bahawa penjualan pada harga pukal tersebut telah di bentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Kumpulan Hartanah Selangor Berhad. Kelulusan Lembaga Pengarah mengenai perkara ini penting kerana syarikat telah menawarkan satu pakej harga jualan yang amat istimewa kepada lima orang pembeli individu berkenaan. Tindakan tersebut bukan sahaja merubah dasar dan strategi jualan syarikat tetapi akan mengubah nilai hartanah projek-projek berkenaan. Tindakan ini turut memberi implikasi negatif terhadap untung rugi dan aliran tunai syarikat.

Puan Timbalan Speaker. Pada masa penjualan dibuat syarikat mempunyai 158 orang kakitangan di pelbagai peringkat jawatan. Pada masa ini juga syarikat ingin menawarkan, pada masa tersebut juga syarikat ingin menawarkan skim pemberhentian sukarela dengan izin VHS kepada kakitangan kerana masalah aliran tunai. Namun dalam keadaan tersebut syarikat masih mampu untuk melakukan satu pakej jualan potongan 50.90%. Syarikat sewajarnya menawarkan pakej tersebut kepada warga kerjanya terlebih dahulu memandangkan harga tawaran itu amat istimewa. Ini akan membolehkan kakitangan yang berpendapatan kecil mampu untuk memiliki rumah-rumah tersebut. Hulu Kelang telah membuat lawatan ke lokasi dan mendapati lokasi tersebut amat berpotensi dan berdaya maju. Hulu Kelang akan terus menyokong segala usaha dari pihak kerajaan negeri untuk meningkatkan keupayaan dan kepimpinan pengurusan anak-anak syarikat kerajaan Negeri Selangor termasuk SAP Holdings serta akan terus berdiri teguh melaksanakan keadilan membanteras rasuah, salah guna kuasa dan amalan urus tadbir yang tidak telus. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke sidang Dewan negeri. Terima kasih.

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Puan Timbalan Speaker, Kg. Tunku juga berdiri untuk menyokong usul yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang ini. Puan Timbalan Speaker, seperti apa yang saya pernah bahas dalam usul yang sebelum ini, saya juga menggunakan pendekatan yang sama. Iaitu saya cuba membuat semakan secara kasar daripada laman web yang sama dan saya telah mendapati bahawa harga jualan seunit rumah teres satu tingkat di kawasan yang sama iaitu di Taman Melawati Jaya di Kuala Selangor ini ialah lebih kurang 130,000.00. Jadi, persoalan yang kita tanya di sini ialah adakah harga jualan ini mencerminkan harga pasaran. Saya telah membuat satu pengiraan di mana saya telah menggunakan harga 130,000.00 ini sebagai satu harga dasar dan saya gunakan harga dasar ini dikenakan potongan sebanyak 50.9% selepas potongan ini harga jualan baru ialah 64,000.00. Ini bermakna

potongan harga yang dikenakan untuk setiap satu unit rumah teres setingkat ialah 66,170.00. Jikalau angka 66,170.00 ini didarab dengan sembilan maka jumlah potongan harga yang dikenakan adalah hampir 600,000.00 ringgit dan kita bandingkan angka ini dengan angka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang iaitu 670,000.00 maka kita akan mendapati bahawa perbezaannya adalah tidak jauh antara kedua-dua angka ini. Ini bermakna harga yang kita lihat dan harga dasar yang kita lihat iaitu 130,000.00 itu merupakan satu harga yang agak munasabah. Jadi, saya telah, saya tidak pergi ke kawasan itu, saya tidak melawat pun tetapi saya terima kasih kerana Hulu Kelang telah mengambil inisiatif untuk membuat lawatan itu. Walau pun begitu saya juga ingin mengesahkan bahawa tempat itu bukan sahaja strategik, tempat ini sebenarnya adalah berhampiran dengan Bandar Kuala Selangor, dan jaraknya di antara, jarak di antara Taman Melawati Jaya dengan gedung pasar raya TESCO Kuala Selangor adalah hanya dua kilometer sahaja. Kalaulah jaraknya begitu dekat strategik begitu, tempatnya begitu strategik saya tidak melihat rasionalnya untuk menjual rumah ini dengan potongan harga yang begitu tinggi. Dan saya juga di sini membuat satu pengesahan kepada kerajaan seperti apa yang saya telah buat, apa yang telah mengesyorkan tadi iaitu:

- 1) Adakah Transaksi ini telah diaudit
- 2) Siapakah yang memutuskan untuk memberi diskaun atau potongan harga yang begitu tinggi. Apakah rasionalnya di sebalik keputusan ini, dan
- 3) Saya juga ingin tahu jikalau bolehkah kita mengesan mengenal pasti siapakah pembeli-pembeli rumah ini. Supaya kita tahu siapakah yang manfaat dari potongan harga yang begitu drastik, dan jikalau ada terdapat elemen penyalahgunaan kuasa saya juga ingin bertanya adakah kerajaan akan mengambil apa-apa tindakan dan inilah apa yang saya ingin bertanya dan saya berasa persoalan saya ini juga boleh digunakanlah sebagai satu panduan untuk kerajaan negeri menjalankan siasatan. Begitulah sahaja Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya menyokong usul ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Tiada perbahasan. Pihak kerajaan ada ingin membuat apa-apa penjelasan atau ulasan. Teruskan.. *Okey*.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap manipulasi penjualan sejumlah 9 unit rumah teres milik SAP Holdings Berhad di Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor dengan mengelaskan penjualan unit-unit tersebut sebagai pembelian pukal dengan harga potongan sebanyak 50.9% yang menyebabkan syarikat kehilangan hasil penjualan sebanyak RM 617,000.00. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke sidang Dewan Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya.

**DEWAN :** Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**vi. Usul No. 15 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul No. 15 Tahun 2010. Usul di bawah Peraturan Tetap 27 (3) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Puan Timbalan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap keputusan Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk mengecilkan operasi dan menutup beberapa anak syarikat bermasalah dan menamatkan perkhidmatan kakitangan yang sudah lama berkhidmat dalam Kumpulan PKPS. Kesan daripada keputusan ini telah menimbulkan kesulitan besar terhadap kakitangan yang kehilangan pekerjaan bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor untuk menyediakan laporan lengkap untuk dibentangkan ke Dewan Negeri tentang asas-asas tindakan serta program-program yang dijalankan bagi menjustifikasikan keputusan mengecilkan operasi Kumpulan PKPS. Puan Timbalan Speaker. Pada asas dan dasarnya Hulu Kelang menyokong sebarang usaha pihak kerajaan melalui anak-anak syarikatnya untuk bertindak teratur dan kemas dalam meningkatkan hasil pendapatan negeri dan mengurangkan bebanan dan kerugian. Namun apa yang diberikan rasa prihatin oleh Hulu Kelang adalah tentang aspek kebajikan dan apabila sudah datang aduan maka Hulu Klang menarik perhatian Dewan agar perkara ini beri perhatian sewajarnya oleh Kerajaan Negeri. Penyata Kewangan PKPS tahun berakhir 31.12.2009 merakamkan pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari sebanyak RM77,058,151 bagi 2009 dan RM76,875,861 bagi tahun 2008. Di mana dengan kepentingan Ekuiti saya meletakkan 100% bagi tahun 2008, 2009, terdapat 12 syarikat subsidiari dan tidak aktif sebagai mana yang dipaparkan Penyata Kewangan Kumpulan PKPS iaitu :

- i) Ladang Buah-buahan Selangor Sdn. Bhd.
- ii) Wawasan Oil Palm Industries Sdn. Bhd.
- iii) Semisa Sdn. Bhd.
- iv) C & G Plastics Sdn. Bhd.
- v) PKPS Livestock Industries Sdn. Bhd.
- vi) PKPS Feedmill Sdn. Bhd.
- vii) Selangor Tropical Fruit Industries Sdn. Bhd.
- viii) PKPS Trading Sdn. Bhd.
- ix) PKPS Pineapple Industries Sdn. Bhd.
- x) Editas Properties Sdn. Bhd.
- xi) Jelutong Jati Sdn. Bhd.
- xii) Semur Sdn. Bhd.

Manakala kepentingan Ekuiti 70% bagi tahun 2008 dan 2009 terdapat sebuah syarikat subsidiari yang tidak aktif iaitu Bay Town Sdn. Bhd.

Puan Timbalan Speaker sebarang tindakan yang hendak diambil PKPS terhadap 13 belas subsidiari yang tidak aktif pada 2008, dan tahun 2009 ini, hendaklah dilaksanakan secara realistik bukan dari segi kewangan dan untuk rugi semata-mata.

Penyata Kewangan yang sama dengan Aset Semasa yang terdapat pada tahun 2009 belum terima dagangan berjumlah RM72,806,698 termasuk RM61,410,192 daripada Penghutang jualan tanah seperti berikut:

1. Syarikat Suzaba Development Sdn. Bhd. RM3 juta
2. Baymathli Sdn. Bhd. RM1.35 juta
3. Syarikat Handal Pintar Sdn. Bhd. Berbaki RM344
4. Syarikat Ikramin Sdn. Bhd. sebanyak RM679,000
5. Lush Development Sdn. Bhd. RM24.369 juta
6. Tujuan Murni Bhd. RM21 juta
7. Wajar Inti Sdn. Bhd. RM557,000
8. Delta Mestika Sdn. Bhd. RM4.49 juta
9. Evolusi Bahagia Sdn. Bhd. RM4.28 juta
10. GM Build Sdn. Bhd. RM1.677 juta

Jadi memandangkan hampir kesemua syarikat di atas tidak membuat sebarang bayaran sejak tahun 2008, maka menjadi keutamaan bagi kumpulan PKPS mengambil langkah-langkah tegas bagi mendapatkan bayaran hasil jualan tanah pada syarikat-syarikat tersebut. Dimaklumkan bahawa di antara syarikat yang ditutup dan diberhentikan kakitangan dalam Kumpulan PKPS adalah seperti berikut:

1. SPL (Syarikat Pengurusan Ladang Sdn. Bhd.) di mana sekitar 10 orang kakitangan diberhentikan.
2. PKPS Landskapes Sdn. Bhd. Di mana sekitar 10 orang kakitangan diberhentikan.
3. MAIS Food Sdn. Bhd. Di mana sekitar 10 kakitangan diberhentikan.
4. SelangorTropical Fruit Garden Sdn. Bhd. Di mana sekitar 10 kakitangan diberhentikan.
5. Premium Agro Product Sdn. Bhd. Di mana 10 kakitangan diberhentikan
6. premium Sanitised Product Sdn. Bhd. Di mana 10 kakitangan diberhentikan.

Tuan Timbalan Speaker, SPL Sdn. Bhd. telah beroperasi kira-kira 20 tahun. Operasinya dikatakan telah terlalu merudum. Dengan 10 kakitangan sekiranya *disynergykan* kakitangan SPL telah 20 tahun beroperasi. 1 *turn around* mungkin boleh dicapai. MAIS Food Sdn. Bhd. pun telah beroperasi telah membekal makanan kepada 300 Keluarga miskin setiap bulan. Ia juga pernah berperanan membantu mengedarkan makanan ringan produk IKS. Industri kecil dan sederhana. Dengan Strategi *turn around* dan bukannya *retrenchment* MAIS Food Sdn. Bhd. mungkin masih berdaya maju.

Selangor Tropical Fruit Sdn. Bhd., Garden Sdn. Bhd. dengan ladang belimbing, nangka, dan kopi seluas ribuan hektar, juga sepatutnya diusahakan terlebih dahulu daripada terus ditutup. Hari ini ladang-ladang buah-buahan tersebut terbiar sahaja menurut maklumat yang sampai kepada Hulu Kelang 3 hari yang lalu. Operasi PKPS adalah besar kerana terdapat subsidiari di bawahnya. Kenapa subsidiari-subsidiari ini diwujudkan tentu ada sebab-sebab tersendiri pada asalnya. Kerana terdapat subsidiari inilah menjadikan operasi di Ibu Pejabat juga membesar. Besar operasi PKPS yang kritikalnya melibatkan kakitangan kerana ia melibatkan pekerjaan, sumber mata pencarian dan kerjaya.

Dengan itu menjadi harapan kakitangan agar Kerajaan Pakatan Rakyat memainkan peranan untuk membolehkan operasi dan melaksanakan *turn around* terlebih dahulu terhadap sekurang-kurangnya keenam-enam syarikat di atas dan bukan secara tergesa-gesa menutup operasi dan seterusnya memberhentikan pekerja. Tambahan pula kini Kumpulan ini kumpulan PKPS

mendapatkan perkhidmatan *consultant* yang berpengalaman dalam bidang ladang menjadi Pengurus Besar Kumpulan PKPS.

Maka sewajarnya daripada pengharapan dan persepsi kakitangan usaha-usaha awal perniagaan perlu diberikan tumpuan dan bukannya operasi memberhentikan pekerja yang menjadi keutamaan. Dengan ini Hulu Kelang memohon tindakan tegas Kerajaan dalam menyiasat kegiatan ini tanpa masuk campur dalam urusan syarikat, Hulu eKlang meminta agar Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk menyediakan laporan lengkap untuk membentangkan di Dewan Negeri tentang asas-asas tindakan serta program-program yang dijalankan bagi menjustifikasikan keputusan pengecilan operasi Kumpulan PKPS kerana dari tanggapan dan pandangan kakitangan selama ini inilah keadaan yang mereka anggap paling teruk dilayan oleh Pihak Kerajaan Negeri.

Sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab saya ingin menarik perhatian agar Pihak Kerajaan memberi perhatian yang sewajarnya dalam kes ini. Terima kasih.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Puan Timbalan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini telah pun di bentang dan disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Tiada Perbahasan. Silakan Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Puan Timbalan Speaker, Kajang ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Hulu Klang, berkaitan dengan pemecatan kakitangan PKPS. Kajang mendapati PKPS merupakan salah satu Perbadanan yang terlalu besar dan juga anak-anak syarikatnya dan juga pengurusan yang agak bermasalah. Ini adalah penemuan daripada PAC Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam. Apabila meneliti pengurusan dan juga projek-projek bawah PKPS.

Proses mengasingkan kakitangan ataupun dari segi belanja pengurusan merupakan salah satu cara untuk mengatur semula ataupun menstrukturkan semula sesuatu syarikat. Dalam keadaan ini Kajang memang prihatin dan bertimbang rasa atas kakitangan yang dipecat atau dihentikan kerja oleh PKPS atau anak-anak syarikatnya. Akan tetapi Kajang juga ingin menarik perhatian kepada Pengurusan dan Perancangan di peringkat PKPS dan setakat sekarang nampak masih terlalu banyak projek-projek PKPS dan anak-anak Syarikat tidak di kendali dengan baik. Seperti yang dibawa ke dalam Persidangan ini juga. Iaitu *fruit valley* dan juga Taman Herba dan penternakan ikan, ladang-ladang getah, ladang kepala sawit, kesemuanya nampaknya tidak mendatangkan hasil memuaskan untuk Kerajaan Negeri.

Jadi Kajang berpendapat di bawah pimpinan Y.A.B dan juga pimpinan PKPS yang baru suatu penstrukturkan semula perlu dilakukan dan sebelum itu, mesti dirancang semula suatu post-mortem. Ataupun satu *review*. Peranan PKPS dan juga buat inventori ke atas semua harta dan pegangan di bawah PKPS. Dan kesemua ini dilakukan baharulah tindakan diambil. Juga tindakan tatatertib mesti diambil ke atas mereka yang telah menyeleweng ataupun pernah melakukan kesalahan yang menyebabkan kerugian yang besar yang ditanggung oleh Kerajaan dan PKPS. Itu sahaja. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, ada lagi yang ingin dibahaskan. Saya menjemput Kerajaan untuk mengulas.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih kepada Hulu Klang, juga rakan-rakan dari Kajang kerana membuat usul mengenai PKPS. PKPS sudah membuat kajian dan kita hendak

bentangkan di Dewan supaya dapat menerangkan kepada Ahli-Ahli Dewan mengapa keputusan ini tidak dibuat. Satu keputusan yang dibuat oleh PKPS adalah sesetengah daripada syarikat-syarikat yang ditutup itu adalah *joint venture* ataupun usaha sama.

Kedua, salah satu daripada perkara yang penting adalah sama ada usaha sama itu memberi manfaat kepada PKPS ataupun memberi manfaat kepada orang yang jadi *partner*. Pada awalnya PKPS memberi tawaran supaya mereka yang jadi *partner* itu mengambil syarikat ini supaya syarikat ini dapat dijaga sepenuhnya oleh orang diambil sebagai rakan kongsi dan PKPS sanggup melakukan perkara tersebut. Nampaknya, *partner* tidak berminat perkara itu dan oleh sebab itulah beberapa keputusan dibuat.

Kita tahu bahawa masalah yang dihadapi oleh PKPS adalah terlalu banyak operasi yang kebanyakannya tidak dibuat kiraan mengikut sebagai satu unit komersial tetapi sebagai satu unit kebajikan. Jadi kita hendak kurangkan kebajikan. Kalau kebajikan kita berikan hasil daripada keuntungan. Bukan kebajikan kita tidak beri dan merugikan syarikat. Maknanya, kita boleh mengukur keupayaan syarikat melalui keuntungan. Kita boleh mengukur keupayaan syarikat untuk membuat kebajikan hasil dividen dan keuntungan yang dibuat. Itu mesti kita asingkan. Kalau tidak, kalau terlalu banyak kebajikan kita rugi. Makin lama makin rugi. Akibatnya, ini menunjukkan kita terpaksa menghentikan pegawai-pegawai kerana syarikat itu tidak sanggup lagi meneruskan usahanya dan saya diberitahu mereka ada memantau mereka yang ditawarkan *Voluntary Corporation* skim perkhidmatan syarikat mereka dibayar mengikut gaji yang mereka terima dan berapa tahun mereka berada di sana dan selain itu kesemua kakitangan sudah ditamatkan perkhidmatan dan mendapat pekerjaan lain baik di pihak swasta mahupun di anak-anak lain milikan syarikat PKPS. Selain mereka dapat duit mereka juga diberi tawaran untuk bekerja dalam syarikat PKPS yang ada. Jadi ini pun kita hendak terangkan secara terperinci supaya jangan kita buat kenyataan tak betul tetapi mereka sudah siap ini dan banyak usaha sama sebagai contoh. Satu daripada contoh yang paling besar sekali saya rasa sebagai Pengerusi PKPS adalah penjualan tanah di Sarawak.

Kita ingin mencari tanah ladang yang besar supaya dapat menentukan pendapatan yang sebaik-baiknya. Tetapi pada 2007 PKPS sudah menjualkan tanah lebih daripada 3,000 ekar di Miri dengan harga mengikut kiraan harga kelapa sawit pada harga tidak lebih daripada 1,200 satu tan. Oleh itu, berapa usaha kita untuk meminta supaya perjanjian itu tidak diteruskan kerana apalah gunanya untuk syarikat sudah dapat tanah hendak jual dengan harga yang agak rendah. Untuk pengetahuan Dewan harga satu tan kelapa sawit yang ada sekarang adalah lebih RM2,500 satu tan. Maknya, kalau kita boleh jual itu dengan harga RM100 juta kita sepatutnya boleh menjual RM150 juta sekurang-kurangnya dan ini hendak diterangkan oleh PKPS kepada Ahli Dewan supaya mengetahui keadaannya sebab pulangan yang besar itu sudah hilang daripada PKPS. Oleh sebab itu PKPS terpaksa menanggung syarikat-syarikat kecil yang tidak beruntung, maka bagaimana cara mereka nak menyelesaikan perkara tersebut.

Kedua, seperti yang dibangkitkan oleh Kajang adalah sekarang baru ada PKPS senaraikan harta tetapi sesetengah daripada harta tersebut disewakan oleh PKPS kepada mereka yang menyewa dengan harga yang ada kalanya tidak cukup untuk membayar cukai tanah iaitu harga sewaan. Maka, ini pun kita boleh bentangkan untuk menyelesaikan masalah PKPS yang ada sekarang.

Saya hendak tunjukkan ada dua perkara. Satu, adalah PKPS Lands Scaping Services Sdn. Bhd. 51 peratus dimiliki oleh PKPS, 35 peratus dimiliki Unitear Landscap Sdn. Bhd. , SPL Sdn. Bhd. 14 peratus. PKPS menawarkan kepada mereka ambil alih saham PKPS yang 51 peratus supaya mereka dapat menjalankan kerja tersebut tetapi tidak mahu dan aktiviti syarikat,

prestasi kewangan syarikat mengalami kerugian, dan dikumpulkan sebanyak RM3 juta. RM3 juta kalau tiap-tiap tahun kita rugi RM1 juta, RM1 juta, maka modal syarikat tidak ada. Maka, bagaimana kita hendak menyelesaikannya dan sudah tentu pekerja-pekerja hanya memandangkan kepada PKPS walaupun PKPS hanya memiliki 51 peratus daripada milik saham tersebut. Kalau untung pun RM100, PKPS hanya dapat RM51 sebab RM49 diberikan kepada kumpulan tersebut sedangkan semua masalah diberikan kepada PKPS. Saya berpendapat, perkara ini, bagus juga dibangkitkan di Dewan ini supaya laporan yang lengkap disediakan supaya kita dapat memahami tanggungjawab perbadanan-perbadanan, untuk membangunkan perbadanan-perbadanan tersebut dan sumbangannya kepada negeri. Ada kalanya dua-dua tugas itu tidak dijelaskan, ada kalanya disuruh membangun, tetapi disuruh tolong buat kebajikan. Dapat rugi salah, tak buat kebajikan pun salah.

Oleh itu kita kena jelas kalau maknanya dia hendak buat *business* dia buat *business* dan tengok kriteria *business*. Lepas itu dia mesti buat untung dan kalau untung maknanya dia dapat untung 100 peratus daripada keuntungan itu boleh kita agihkan kepada sesiapa. Maknanya, apabila dia buat *business* dia buat tidak perlu mengira kebajikan tetapi apabila dia dapat untung gunakan keuntungan itu untuk kebajikan 100 peratus. Jadi pengurusan lebih senang daripada segi pengukur keupayaan kalau tidak pengurusan didapati menyalahgunakan peluang tersebut. Oleh itu, dia boleh beri kontrak atas nama kebajikan dan jika tidak dapat menjalankan *business* itu dengan cara yang terbaik dan ada kemungkinan salah guna kuasa dan rasuah boleh berlaku jika kita tidak melakukan perkara itu dengan cara yang betul. Oleh itu saya terima tentang cadangan ini supaya pengurusan PKPS dapat memberikan penjelasan dan juga membuat kajian yang jelas kepada Dewan. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih diucapkan kepada pihak kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi “Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap keputusan Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk mengecilkan operasi dengan menutup beberapa anak syarikat bermasalah dan menamatkan perkhidmatan kakitangan yang sudah lama berkhidmat dalam kumpulan PKPS. Kesan daripada keputusan ini telah menimbulkan kesulitan besar terhadap kakitangan yang kehilangan pekerjaan. Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan laporan lengkap untuk dibentangkan ke Dewan Negeri tentang asas-asas tindakan serta program-program yang dijalankan. Bagi menjustifikasikan keputusan mengecilkan operasi Kumpulan PKPS. Ahli –ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila ka “YA”, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “TIDAK”. Usul ini dipersetujui.

**vii Usul No. 16 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang**

**SETIAUSAHADEWAN** : Usul No. 16 Tahun 2010, usul di bawah Peraturan Tetap 27 (3) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Ahli-ahli Dewan yang saya muliakan. Saya mohon untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap laporan teguran Ketua Audit Negara tahun 2008 ke atas PKNS Infra Berhad mendapati tiga kelemahan melibatkan pemberian elaun tandatangan cek, perancangan seperti yang tidak mendapat pengesahan Lembaga Pengarah dan kerugian anak syarikat Excelon Sdn. Bhd. selepas 9 tahun beroperasi. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia menggesa Kerajaan Negeri Selangor :

- i) mengarahkan amalan memberi elaun tandatangan cek kepada pengerusi dan pengarah syarikat dihentikan serta merta dan penerima elaun tersebut yang masih memegang jawatan memulangkan kembali seluruh jumlah yang diterima kepada syarikat;
- ii) mengarahkan Lembaga Syarikat membuat semakan terhadap perancangan strategi syarikat;
- iii) membuat penelitian keputusan segera untuk menutup Excelon Sdn. Bhd. bagi mengurangkan tanggungan dan kerugian syarikat.

Puan Timbalan Speaker, laporan Ketua Audit Negara 2008 terhadap pengurusan PKNS Infra Berhad melibatkan prestasi aktiviti tahun 2006 dan 2008 dalam muka surat 248 menyatakan:

“Pada pendapat Audit pematuhan undang-undang dan peraturan dilaksanakan dengan memuaskan kecuali tiada kelulusan daripada Lembaga Pengarah PKNS. Dalam muka surat 251 laporan yang sama dinyatakan, pada pendapat Audit pengurusan perbelanjaan manfaat Lembaga Pengarah tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan selaras dengan peraturan yang ditetapkan dan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia”.

Dengan itu Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai agensi badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, JPK ABAS telah memanggil PKNS Infra Berhad, PIB yang telah mengadakan satu pendengaran tertutup pada 5 Mei 2010. Pendengaran tertutup tersebut telah turut dihadiri oleh Pengarah Audit, Jabatan Audit Negeri Selangor, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri Selangor. Tuan Mohd Zain Sarman, Pengurus Besar PIB telah membentangkan laporan PKNS Infra Berhad ulasan penemuan Audit yang dikemas kini pada 30 April 2010 berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara 2008. PIB telah mengemukakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi ulasan pihak Audit bagi mengatasi kelemahan-kelemahan di atas. Selain daripada syor, langkah-langkah penambahbaikan oleh pihak pengurusan PIB, pendengaran JPK ABBAS memberi perhatian terhadap tiga perkara yang perlu diambil tindakan segera iaitu:

- i) menghentikan amalan memberi elaun tandatangan cek kepada pengarah;
- ii) membuat semakan segera terhadap perancangan strategik syarikat;
- iii) membuat penelitian dan keputusan segera terhadap operasi Excelon Sdn. Bhd.

Bagi elaun tandatangan cek PIB, Jawatankuasa ABBAS menarik perhatian terhadap laporan Ketua Audit muka surat 250-251 yang menyatakan:

“bagi tahun 2006 hingga 2008, manfaat yang diterima oleh Lembaga Pengarah PIB berjumlah RM269,633.00 meliputi yuran pengarah, elaun mesyuarat dan elaun tandatangan cek PIB. Semakan Audit juga mendapati elaun mesyuarat dan elaun tandatangan bagi tahun 2006 hingga 2008 berjumlah RM112,800.00 telah diambil kira sebagai belanja perjalanan dan bukan sebagai manfaat sebagai Lembaga pengarah. Pengurus Kewangan PIB memaklumkan bahawa



yuran tahunan Lembaga Pengarah diluluskan dalam Mesyuarat Agung PIB dan telah menjadi amalan tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PKNS. Ini disebabkan PIB tidak menyedari mengenai peraturan yang ditetapkan”.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, daripada jumlah RM112,800.00 elaun mesyuarat dan elaun tandatangan, sejumlah RM74,800.00 adalah elaun tandatangan cek yang bermakna purata lebih kurang lebih daripada RM6,000.00 setiap bulan dibayar kepada Pengarah Syarikat bagi mendapat khidmat mereka untuk menandatangani cek PIB. Apa yang menarik amalan ini seolah-olah menjadi budaya dalam anak-anak syarikat PKNS. Sebagai contoh lain dalam laporan Ketua Audit Negara 2009 berkenaan Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd (SIC) sebuah anak syarikat PKNS merekodkan amalan memberi elaun tandatangan sebagai manfaat Lembaga Pengarah dalam SIC, di mana Laporan itu dalam muka surat 145 menyebutkan, ‘pihak Audit mendapati perbelanjaan manfaat yang dibayar kepada Lembaga Pengarah SIC terdiri daripada yuran tahunan, yuran mesyuarat, elaun tandatangan dan elaun insentif tahunan yang keseluruhannya berjumlah RM 120,500.00 pada tahun 2008 dan pada tahun 2009 berjumlah RM89,500.00. Tiada pecahan elaun tandatangan cek dinyatakan dalam laporan tersebut. Puan Timbalan Speaker, laporan Audit Negara 2009 dalam muka surat 146 menyatakan, ‘Jawatankuasa EXCO juga tidak memantau bagi memastikan pembayaran, manfaat dan gaji kepada Ahli Lembaga Pengarah SIC mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PKNS dan selaras dengan Peraturan Kerajaan serta amalan terbaik tadbir urus korporat. Kesannya menurut Laporan Audit, kesannya integriti dan kebebasan dalam tadbir urus SIC adalah diragui. Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, amalan ini mestilah dihentikan. Dalam pendengaran JPK ABAS, Pengarah Audit Negeri Selangor dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri turut mengesyorkan amalan memberi elaun tandatangan cek ini diberhentikan. Hulu Kelang difahamkan bahawa amalan membayar elaun tandatangan cek kepada Ahli Lembaga Pengarah telah ditamatkan secara serta merta melalui satu keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat PIB pada 11 September 2009. Jika amalan ini telah dihentikan, Alhamdulillahlah, bagus dan Hulu Kelang mengucapkan tahniah. Dengan ini usul ini dibawa bagi membersihkan sebarang keraguan dan ketidaktelusan dalam amalan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Ini terutamanya semasa syarikat-syarikat ini diurus di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat selepas Mac 2008. Dengan itu usul ini pergi selangkah lagi dengan menyeru penerima elaun tandatangan cek PIB selepas tempoh Mac 2008 hingga keputusan dibuat pada 11 September 2009 yang masih memegang jawatan agar memulangkan kembali seluruh jumlah yang diterima kepada syarikat. Ini bagi menghindarkan ketidakberkatan sumber rezeki kepada mana-mana Pengarah Syarikat yang diamanahkan menjaga hak dan kepentingan rakyat dan demi menjaga ketelusan pentadbiran kepimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor. Puan Timbalan Speaker, Hulu Kelang juga difahamkan bahawa pihak PIB telah menyerahkan satu Perancangan Strategik bagi tahun 2009 hingga 2011 dan telah pun mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat pada 15 September 2010. Hulu Kelang ingin menarik perhatian Dewan bahawa sesebuah Perancangan Strategik Syarikat bukanlah hanya bersifat akademik ataupun setakat berperanan sebagai dokumen tebal, cantik semata-mata. Perancangan Strategik Syarikat mestilah mewujudkan strategi yang sepadan, dengan izin *match* antara persekitaran dalaman dan persekitaran luaran perniagaan syarikat. Kesepadanan ini hendaklah mengambil kira sinergi antara pelbagai subsidiari Kerajaan Negeri yang aktif beroperasi dalam membangunkan ekonomi Negeri Selangor. Dengan itu sesebuah Perancangan Strategik Syarikat tidak dilihat secara terpisah dan dalam satu isolasi tetapi sebaik-baiknya adalah satu *synergy* pengoperasian perniagaan syarikat mestilah terlebih dahulu boleh di satu *test*, satu ujian dengan izin di bawah MBI. Ini bermaksud apabila Lembaga Pengarah PKNS menyemak Perancangan Strategik Syarikat Excelon Sdn. Bhd atau PKNS Infra Bhd ia hendaklah dilihat sebagai satu harmoni dan *synergy* dengan piawaian dan *test* yang telah ditetapkan oleh MBI dengan izin. Satu *big picture* dengan izin terhadap strategi

operasi dan *synergy* syarikat-syarikat Kerajaan Negeri hendaklah dipaparkan secara *holistic* di bawah MBI. *Over lapping of root roles* dan *redundancies of business operations* dengan izin hendaklah dilihat sebagai teras utama pelakoran perancangan strategik sesuatu syarikat di bawah MBI. Dengan itu pra-syarat penting MBI sendiri hendaklah memilih satu *team* atau pasukan yang profesional dan *competent* untuk menyemak seluruh perancangan strategik yang dilakarkan dan digubal oleh setiap syarikat kerajaan. Dengan itu usul ini sekali gus mencadangkan MBI mewujudkan satu unit bagi berhubung cara interaktif dengan syarikat-syarikat dalam membangunkan Perancangan Strategik masing-masing dan memantau secara berterusan pelaksanaan Perancangan Strategik setiap syarikat Kerajaan Negeri. Puan Timbalan Speaker, difahamkan bahawa Exelon Sdn. Bhd telah mendapat keuntungan seperti berikut; tahun 2002, RM18,443.00, 2003 RM 94,418.00, 2004 RM 24,783.00, 2005 RM 17,230.00, 2006 RM 50,236.00, 2007 RM 44,162.00, 2008 RM 25,544.00 dan 2009 RM 30,057.00. Jumlah keuntungan terkumpul adalah RM 304,843.00. Puan Timbalan Speaker, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen Syarikat-syarikat kerajaan.

Pembayaran dividen sekurang-kurangnya sepuluh peratus setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan hendaklah dijadikan matlamat syarikat. Hulu Kelang ingin menarik perhatian Dewan bahawa Laporan Ketua Audit Negara 2009 muka surat 129-130 merekodkan PNSB ada membayar dividen kepada Kerajaan Negeri melalui MBI pada tahun 2008 semasa pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat, jumlah RM6.54 juta dengan bayaran RM 864,000.00 setiap tahun bermula tahun 1999 hingga 2007. Tahniah, Hulu Kelang ucapkan kepada Kerajaan Negeri di atas usaha mendapatkan PNSB membayar dividen pada tahun 2008 walaupun dividen yang diperuntukkan hanya 5% setahun dan bukannya 10% seperti mana pekeling garis panduan. Hulu Kelang juga mencadangkan agar langkah ini diguna pakai bagi Syarikat Excelon Sdn. Bhd yang mencatatkan keuntungan setiap tahun sejak 2002 hingga 2009 berjumlah RM 304,843.00. Walaupun jumlah ini kecil berbanding dengan seluruh aliran operasi Excelon Sdn. Bhd namun langkah ini memulakan satu gelombang agar semua syarikat Kerajaan Negeri mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 iaitu mensasarkan matlamat membayar sekurang-kurangnya 10% setahun dividen sebagai pulangan modal Kerajaan Negeri Selangor. Puan Timbalan Speaker usul ini pergi selangkah ke hadapan dalam menetapkan piawaian syarikat-syarikat Kerajaan Negeri iaitu mana-mana syarikat Kerajaan Negeri yang diwujudkan dengan bantuan dana Kerajaan Negeri ataupun oleh dana syarikat-syarikat Kerajaan Negeri tetapi tidak mampu beroperasi bagi membolehkan dia membayar dividen kepada Kerajaan Negeri hendaklah dianggap sebagai satu bebanan dan tanggungan yang tidak perlu. Dan dengan itu operasinya hendaklah dipertimbangkan untuk ditutup. Pendekatan ini wajar kerana Epsilon Sdn. Bhd sebelum ini hanya beroperasi sebagai satu jabatan atau bahagian di bawah PIB. Untuk itu, Hulu Kelang menggesa Kerajaan Negeri untuk membuat penelitian dan keputusan segera menutup Excelon Sdn, Bhd bagi mengurangkan tanggungan dan kerugian syarikat. Terima kasih.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Puan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Tiada perbahasan. Ahli-ahli Yang terhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi, 'Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 ke atas PKNS Infra Bhd mendapati tiga kelemahan melibatkan pemberian elaun tandatangan cek, Perancangan Strategik yang tidak mendapat pengesahan Lembaga Pengarah dan kerugian anak Syarikat Apsilon Sdn. Bhd selepas sembilan bulan beroperasi. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk satu, mengarahkan amalan memberi elaun

tandatangan cek kepada Pengerusi dan Pengarah syarikat dihentikan serta merta dan penerimaan elaun tersebut masih memegang jawatan memulangkan kembali seluruh jumlah yang diterima kepada syarikat. Dua, mengarahkan Lembaga Syarikat membuat semakan terhadap Perancangan Strategik syarikat, tiga, membuat penelitian dan keputusan segera untuk menutup Epsilon Sdn. Bhd bagi mengurangkan tanggungan dan kerugian syarikat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

**viii Usul No. 17 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul nombor 17 tahun 2010 Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon untuk membawa usul yang berbunyi seperti berikut; bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap keputusan Kerajaan Negeri menutup operasi Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) dan memindahkan pelajar bagi menamatkan kursus ke INPENS *International College* yang di segi jangka panjang tidak menguntungkan industri pendidikan di Selangor dan boleh mengabaikan tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri terhadap rakyat. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mempertimbangkan untuk membuka dan meneruskan operasi IKYS. Puan Timbalan Speaker, isu perpindahan IKYS ke INPENS *International College* telah dibawa ke pendengaran tertutup JPK ABAS pada 18 Ogos tahun ini dengan memanggil Encik Ilham Marzuki, Pengurus Besar Yayasan Selangor dan Datin Sabariah Ahmad, Timbalan Pengurus Besar Pendidikan, Yayasan Selangor. Pada tarikh yang sama sebelah petangnya Jawatankuasa telah memanggil 4 orang Pegawai Latihan Kemahiran IKYS dan Eksekutif Kanan IKYS, Puan Nor Azah bt. Asari. Usul ini Puan Timbalan Speaker perlu dilihat dalam konteks keputusan yang baru-baru ini menimbulkan masalah iaitu pihak pengurusan YS telah berkenaan membelanjakan RM300,000.00 untuk sambutan 40 tahun Yayasan Selangor. Usul ingin menarik perhatian Kerajaan berkenaan proses membuat keputusan sehingga Kerajaan memutuskan agar pelajar-pelajar YS menyelesaikan kursus mereka di INPENS *International College*. Sesudah semua selesai maka IKYS operasinya seluruhnya akan ditutup. Butiran catatan terhadap pendengaran tertutup Jawatankuasa ABAS terdapat dalam Kertas Mesyuarat Bil. 30/2010 sebagai Penyata Jawatankuasa ABAS. Di antara alasan yang penting yang dinyatakan oleh pihak Pengurusan ataupun pihak Kerajaan yang disampaikan oleh pihak pengurusan dalam Pendengaran Tertutup adalah alasan kenapa perpindahan diperlukan dan IKYS ditutup kerana dia menanggung kerugian sebanyak lebih kurang RM 60,000.00 sebulan. Namun keputusan ini perlu ditinjau dari segi urutan sejarahnya kerana pada tahun 2000, Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) adalah sebuah institut milik Yayasan Selangor yang mula beroperasi pada tahun 2000. IKYS pada mulanya dikenali sebagai Pusat Latihan Yayasan Selangor (PLYS) dan memulakan operasinya di lot-lot rumah kedai Taman Melawati, Kuala Selangor dan menelan perbelanjaan ubahsuai untuk lokasi tersebut sebanyak sembilan ratus tujuh ribu enam ratus ringgit. Peringkat keduanya pada tahun 2003, Pusat Latihan Yayasan Selangor telah berpindah ke bekas Balai Polis lama di Tanjung Keramat Kuala Selangor untuk meneruskan operasinya yang dikenali sebagai Pusat Latihan Yayasan Selangor (PLKYS) dengan kos ubahsuai menelan belanja satu juta empat ratus dua puluh tujuh ribu empat ratus tiga belas ringgit. Kemudian pada bulan Julai 2005, sekali lagi IKYS telah dipindahkan di

Kompleks Belia Usahawan Semarak, Kuala Selangor dijadikan Kampus Kemahiran Yayasan Selangor IKYS yang sekali lagi telah menelan belanja ubah suai sebanyak RM1,492,840. Kali keempat IKYS telah menerima dipindahkan ke satu tempat lain dengan kos yang sangat tinggi apabila perpindahan itu ditempatkan ke Kompleks Pertumbuhan Desa Padang Terap di Bandar Baru Padang Terap dengan keluasan 50 ekar dengan belanja ubah suai RM7.5 juta. Jadi dalam perspektif yang menyeluruh tanggungan-tanggungan besar kerugian-kerugian yang besar yang ditanggung oleh IKYS lebih merupakan kos perpindahan kos ubah suai bukan kos operasi. Itulah sebabnya Hulu Kelang menarik perhatian Dewan perihal proses dan kronologi membuat keputusan yang berakhir kepada kesudahannya IKYS akan ditutup. Puan Timbalan Speaker Hulu Kelang ingin menarik perhatian Dewan tentang satu minit mesyuarat yang bertajuk perbincangan berkaitan Pengambilan Alih Program serta Pelajar dan penyerapan kakitangan akademik IKYS ke INPENS Internasional Kolej yang diadakan pada 17 Jun 2010, 10.00 pagi tempat di INPENS International College. Di mana di dalam mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh Pengerusi INPENS International College dalam mesyuarat tersebut Tuan Pengurus Besar IKYS telah merujuk kepada mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor pada 7 Jun 2010 yang mana Y.A.B. Dato' Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim Menteri Besar Selangor telah memutuskan dan mengarahkan mengambil operasi pengambilan bagi semua program dan serta pelajar dan penyerapan kakitangan Akademi INPENS Internasional Kolej. Jadi mesyuarat tersebut adalah memaklumkan satu keputusan yang telah dikatakan dan dibuat oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor pada 7 Jun. Mesyuarat pada 17hb itu hanya menyampaikan keputusan yang telah dikatakan dan dibuat oleh pihak Menteri Besar sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor. Namun satu surat telah dikeluarkan oleh Yayasan Selangor yang telah ditandatangani oleh Pengurus Besarnya bertarikh 10 Jun 2010 kepada Y.B. Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi Menteri Pertahanan Malaysia, Kementerian Pertahanan perkara permohonan untuk membuka Kem Khidmat Negara di Bagan Terap Daerah Sabak Bernam Selangor Darul Ehsan. Hulu Kelang ingin mempersoalkan bagaimana pantas sekali keputusan itu dibuat adalah keputusan untuk menawarkan tapak IKYS kepada Program Latihan Khidmat Negara ini telah diputuskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor atau hanya menempatkan daripada pihak pengurusan Yayasan Selangor. Kerana satu lagi surat melalui *email* telah dikeluarkan oleh Pengurus Besar Yayasan Selangor kepada Nor Azah pada 1 Jun yang menyatakan (dengan izin) *YS can reconsider this appeal provided IKYS Management*, dengan izin

- Pertama - *drop the courses approved by ST which proved to be expensive and uneconomical*
- Kedua - *Pursue courses approved by MLVK / SKM only*
- Ketiga - *Convince YS that IKYS will not incur monthly cost overrun by preparing submitting a comprehensive cash flow. They can start with the cashflow for the month of June to December 2010.*

Ayat akhir daripada Pengurus Besar Yayasan Selangor kepada pihak pengurusan IKYS adalah *Otherwise I will bury IKYS. This is not a threat but a promise* yang bermakna jika tidak saya akan menguburkan IKYS ini bukan satu ancaman tapi satu janji. Kalau beginilah rentetan proses membuat keputusan saya sebagai Ahli Dewan Negeri Hulu Kelang amat ragu tentang ketepatan proses membuat keputusan untuk memindahkan pelajar-pelajar IKYS ke INPENS International College dan keputusan untuk menutup IKYS keseluruhannya. Dan dengan itu saya menyeru pihak Menteri Besar dan kerajaan untuk mengambil kira hasil-hasil pendengaran tertutup JK ABAS dapat dalam penyata yang telah diedarkan sebagai bahan mesyuarat dan

mengambil kira tentang perkembangan baru pihak pengurusan menyediakan RM300,000 untuk sambutan 40 tahun dan keputusan kerajaan memberi mengarahkan Timbalan Pengurus Besar Yayasan Selangor En. Saifulruddin bin Sulaiman untuk mengambil cuti. Semua ini kita perlu lihat dalam perspektif menjaga kepentingan rakyat, menjaga kepentingan belia-belia yang masih memerlukan pendidikan yang pandangan Hulu Kelang sewajarnya dan sepatutnya Yayasan Selangor *core business*nya adalah untuk memberi dan membekalkan pihak pendidikan dan latihan kepada anak-anak Selangor dikekalkan sebagai *core business* tersebut dengan mengambil kira aspek-aspek pusingan perniagaan. Dan satu lagi yang saya tarikh perhatian adalah tawaran pihak Yayasan Selangor untuk menjadikan Kompleks di Bagan Terap Daerah Sabak Bernam sebagai kem Program Latihan Khidmat Negara, kerana Hulu Kelang memahami bahawa pihak Kerajaan Negeri Selangor tidak menerima Program Biro Tatanegara atas dasar-dasar yang kita sedia maklum. Dan sefaham Hulu Kelang Pakatan Rakyat sendiri mempersoalkan kewajaran diadakan Program Latihan Khidmat Negara. Dan kita sebuah anak syarikat Negeri Selangor Yayasan Selangor menawarkan lokasi dan kompleks yang asalnya digunakan sebagai pusat pendidikan sebagai tempat dan kem latihan PLKN. Jadi Hulu Kelang ingin menarik perhatian sebelum kes ini meletup hingga tidak boleh dikawal Hulu Kelang mengharap pihak kerajaan dapat memberi penjelasan dalam perkara ini. Terima kasih.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Saya menyokong

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya menyokong, turut mengambil bahagian bahas usul yang dibawa oleh YB Hulu Kelang tentang IKYS, dan saya juga menarik satu perkara, saya ingin menarik perhatian, saya mengucapkan tahniah kepada Y.A.M. Menteri Besar kerana telah mengambil pendekatan yang berani apabila telah berlaku sesuatu masalah beliau pantas mengambil tindakan termasuk dalam isu terkini tentang Sambutan Ulang 40 Tahun Yayasan Selangor dan satu pegawai Pengurus telah diberi cuti sementara waktu untuk siasatan. Ini satu langkah yang bijak dan harus diberi pujian ini satu. Yang kedua saya nampak dalam perkara ini walaupun Yayasan ini sekarang mungkin pihak pembangkang, pihak pembangkang menggunakan isu ini untuk menyerang kerajaan negeri kononnya kita tidak tahu mengurus dan sebagainya tubuh berbagai-bagai kepincangan itu biasalah pihak pembangkang tetapi mereka nampak perkara ini kita harus renung ke belakang di mana sebelum ini Yayasan Negeri Selangor saya difahamkan Y.A.M. Dato' Menteri Besar bahawa dari tahun 2005 tidak pernah, tidak pernah diaudit akaun-akaun yayasan dan bangunan di Kuala Lumpur apa benda yang ada di Yayasan Negeri Selangor tidak dapat diurus dengan baik orang lain sudah naik harga tapi kita bagaimana 10 tahun begitu sahaja lebih 10 tahun tak tahu tak reti hendak naik harga dan ini kepincangan yang berlaku zaman Barisan Nasional zaman YB Sg. Panjang ini perkara yang cukup serius. Dan sekarang Y.A.M mengambil alih memang masalah ini cukup rumit berbagai-bagai masalah perlu diselesaikan bukan kita dapat selesaikan sehari dua, ini harus kita tegaskan di sini. Sehubungan dengan itu saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini dalam kita membuat satu pendekatan untuk menambah baik Yayasan Negeri Selangor ini terdapat satu aduan yang saya terima kalau benar aduan ini ada saya minta Y.A.M. Dato' Menteri Besar juga harus siasat, kalau boleh kita sekali, sekali gus selesaikan jangan bulan ini berlaku satu masalah, bulan depan satu lagi masalah, bulan depan lagi satu lagi masalah, maka tak habis-habis tentang yayasan selama ini. Maka dengan itu, saya terpanggil untuk mendedahkan untuk memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa seorang Timbalan Pengurus yang digantung yang disuruh berhenti kerja cuti sebulan ini beliau juga dalam waktu sebelum diupah diambil tawaran untuk berkhidmat sebagai Pengurus sebagai Timbalan Pengurus Besar, beliau telah dikenakan notis

kebankrapan, notis kebangrapan ini satu perkara bagi saya cukup serius orang seperti ini apabila kita *interview* mungkin kita terlepas pandang, terlepas pandang ini saya faham kita manusia manalah sempurna mungkin terlepas pandang dan orang seperti ini kita telah ambil dan beliau ada bukan saya buat tuduhan ada dalam laporan yang saya terima di Mahkamah Tinggi dalam Mahkamah Tinggi Malaya Shah Alam dalam Negeri Selangor kebangrapan Nom.29/6012/2009 orang yang bernama Mohd Saifuldin bin Sulaiman No.K/P: 790922145521 ini notis kebangrapan ini masalahnya. Jadi kalau orang yang sama yang melakukan masalah kita kena cek secara perinci supaya perkara ini kita selesaikan sekali kalau betul-betul ada masalah kita tukar kalau tiada masalah kita perlu kembali pulihkan. Ini satu pendekatan yang cukup berani yang diambil oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Oleh yang demikian, saya menyokong usul ini minta perhatian yang serius daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Sebelum saya tamatkan perbahasan saya ini saya juga ingin tafsir dan petua dari Puan Timbalan Speaker tentang Perkara 87 tentang apa pandangan sebenarnya tafsir apakah peranan sebenar Ahli Dewan Negeri yang manakah yang lebih penting hadir ke dewan menghadiri Mesyuarat Persidangan Dewan lebih penting ataupun menghadiri program di kawasan, lebih penting ini saya hendak petua taksiran daripada Puan Timbalan Speaker, ini satu ini kerana saya difahamkan Y.B Ketua Pembangkang Sg. Panjang yang tidak hadir ini kalau hari itu saya pergi melawat dia kena denggi betul hari itu, kena denggi 2 hari tapi dah keluar 3 hari yang lepas. Hari ini dia tak datang ke dewan bukan kerana denggi lagi, beliau pergi ke Sekinchan merasmikan Program Sarapan Pagi Bersama Murid-Murid Guru di SK Chokwan Sekinchan dan bagi sumbangan beg kepada sekolah tak apalah hendak bagi sumbangan kepada sekolah di Sekinchan saya alu-alukan tak ada masalah perbanyakan, tapi saya hendak minta petua daripada Puan Timbalan Speaker. Puan Timbalan Speaker mana lebih penting hadir di sidang Dewan lebih penting? Pergi ke kawasan lebih penting? Apa tugas sebenar Ahli Dewan Negeri. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, Yang Berhormat Sekinchan, sudah tentulah menghadiri ya, Ahli Yang Berhormat sekalian untuk menghadiri sidang di Dewan ini lebih penting sebab sidang Dewan ini hanya diadakan 3 kali setahun. Manakala berada di kawasan selain daripada waktu tersebut. Pihak Yang Berhormat boleh sebenarnya melawat kawasan dan saya melihat ya dari segi kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang sidang ini memang amat mengecewakan sehingga ada satu ketika kita terpaksa memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kembali masuk ke dalam Dewan. Jadi saya mohon kepada semua ya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama merasa bertanggungjawab, ya memberitahu kepada rakan-rakan Yang Berhormat supaya jangan meninggalkan Dewan tanpa ada alasan yang munasabah ataupun yang benar-benar tidak dapat dielakkan kerana ini tanggungjawab yang telah diserahkan kepada Yang Berhormat oleh rakyat yang telah memilih Yang Berhormat.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Puan Timbalan Speaker, boleh dapat sedikit penjelasan, dalam Dewan ini sekurang-kurangnya berapa Ahli Dewan Negeri berada di dalam Dewan ini baru sah. Saya kira-kira EXCO, satu, dua, tiga orang yang sebelah Kerajaan, satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan orang termasuk dua pembangkang di sini hanya jumlahnya 13. Jadi berapa jumlahnya sekurang-kurangnya untuk menjalankan sidang Dewan ni. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila rujuk kepada fasal 12 ya yang menceritakan tentang kuorum di dalam Dewan ini.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Jadi Puan Timbalan Speaker, sama ada cukup ke tidak?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Pelek boleh baca ya, kuorum bagi Dewan dan Jawatankuasa keseluruhan Dewan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada

1/3 Ahli-ahli Dewan dengan tidak termasuk Pengerusi. 1/3 adalah 18. Jadi kalau sekarang ini saya minta Setiausaha Dewan mengira lah bilangan kalau perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan.

Baik, Setiausaha Dewan telah mengira ada 15 orang sahaja jadi Dewan terpaksa ditangguhkan semula, sebentar untuk kita memanggil. Jadi kita memberi 2 minit untuk Ahli-ahli Dewan masuk ke dalam Dewan.

**(Dewan ditangguhkan sebentar)**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, Setiausaha Dewan telah mengira, jumlahnya sekarang adalah 19. Jadi kita boleh teruskan. Jadi perbahasan diteruskan jika ada yang ingin membahaskan Usul tersebut.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya, Puan Speaker, saya ingin memberi satu, ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini tetapi perbahasan saya adalah ringkas dan ini adalah berdasarkan kepada Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri, di mana pada beberapa muka surat contohnya seperti muka surat 45 dan 54 ada dinyatakan tentang pentauliahan kursus yang ditawarkan oleh INPENS dan juga IKYS. Sebenarnya saya sebagai salah seorang anggota di dalam JBK Abbas ini sebenarnya agak terkejut dengan penerangan yang diberikan kepada kami berkenaan dengan perbezaan antara...pentauliahan antara kursus yang ditawarkan oleh IKYS dengan kursus yang ditawarkan oleh INPENS. Saya menimbulkan ini, membangkitkan perkara ini adalah sebagai satu input kepada Kerajaan Negeri untuk menilai, menilai kembali keputusan ini dan saya ingin menarik perhatian ke muka surat 45, penyata ini di mana apa yang dinyatakan ialah walaupun kursus yang ditawarkan oleh INPENS dan juga IKYS pada permukaannya lebih kurang sama tetapi dari segi pentauliahan, dari segi macam mana kursus itu dijalankan ada perbezaan dia. Saya tidak dapat membahar secara langsung, secara terperinci tentang pentauliahan perbezaannya tetapi saya ingin membaca satu, ingin mengambil sebutan daripada penyata ini pada muka surat 45 dan saya baca yang saya baca surat pentauliahan tuan, pentauliahan itu sebenarnya macam INPENS sebenarnya mengikut lah mengikut syarat surat yang dikemukakan kepada pihak kami untuk Kursus Elektrik Suruhanjaya Tenaga, memberi kebenaran menjalankan kelas intensif untuk calon peperiksaan kekompetenan PW4 dan PJE1, PJE1 bermakna Penjaga Jentera Elektrik A Satu. Jadi di situ bermakna pelajar-pelajar kami yang mengikuti Kursus Pendawai Elektrik PW2 Suruhanjaya Tenaga tidak ada di INPENS dan Kursus menjalankan kelas intensif ini, yang di INPENS ini bermaknanya hanya difokuskan kepada yang nak menduduki peperiksaan. Paling mudah kita faham membuat kelas tuisyen untuk seperti membuat kelas tuisyen untuk periksa tetapi ini adalah di INPENS tetapi berbeza dengan IKYS. IKYS bermula dari mula sehingga habis, mendaftar, belajar, tamat, *grade* semuanya di IKYS. Jadi ini bezanya maknanya pusat bertauliah dengan kebenaran menjalankan kelas intensif. Jadi agak-agaknya ini merangkap, merumuskan apa sedikit sebanyak perbezaan dari segi pentauliahan dan juga kualiti kursus yang dijalankan di kedua-dua institusi ini. Jadi saya minta supaya bila keputusan ini dibuat Pihak Kerajaan bolehlah meneliti secara terperinci perbezaan dari segi pentauliahan antara kedua-dua kursus dan jikalau keputusan telah dibuat saya juga menyarankan kepada kerajaan supaya kursus yang ditawarkan di INPENS ini walaupun kedudukan INPENS sekarang ini lebih strategik dari segi kedudukan geografi, lebih kos efektif dan dikatakan juga dapat menampung bilangan pelajar yang lebih ramai. Saya juga ingin meminta supaya kerajaan menjadikan kursus-kursus yang ditawarkan oleh INPENS ini setaraf dengan apa yang ditawarkan oleh IKYS sebelum ini dan kita perlu menyiasat kalau memang ada perbezaan maka kita cuba mengurangkan perbezaan itu, kalau IKYS mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu maka kita perlu cuba melengkapkan

INPENS dengan kelebihan-kelebihan itu supaya anak-anak yang belajar di INPENS ini akan mendapat peluang pekerjaan yang lebih cerah dan ini juga merupakan suatu perkara yang telah dibangkitkan dalam pendengaran awam JBK ABBAS di mana ada juga ibu bapa yang bimbang kerana anak-anak yang *graduate* daripada IKYS dikatakan mempunyai peluang pekerjaan yang lebih cerah daripada *graduate* di INPENS. Ada juga khabar, apa ni pendapat bahawa taraf pendidikan di INPENS ini rendah sikit dan pelajar-pelajar INPENS mempunyai masalah-masalah dari segi moral dan segi akademik dan sebagainya. Saya rasa ini perlu diberi pandangan serius dan saya berharaplah kerajaan negeri boleh melakukan sesuatu supaya lubang-lubang yang ada ini kita tampalkan dan dijadikan INPENS ni sebuah kolej yang betul-betul bertaraf antarabangsa. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, saya menjemput pihak kerajaan jika ada apa-apa penjelasan dan ulasan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. saya sudah mendengar beberapa kenyataan dan cadangan yang dibuat tetapi kita juga hendak memanggil supaya kita dengar semula bukan sahaja daripada IKYS tetapi juga daripada INPENS sendiri di mana kah tahap INPENS dan bagaimana INPENS juga ditukar-tukar tempat dan lebih daripada 17 juta duit Kerajaan Selangor hasil daripada penempatan INPENS di Pulau Indah dan sekolah ataupun sekolah vokasional di Kuala Selangor itu dibiarkan sahaja tidak digunakan selama lebih 5 tahun. Walaupun IKYS duduk di Kuala Selangor juga beberapa tahun dengan pemindahan yang disebutkan oleh Hulu Kelang sebanyak tiap kali berpindah, tiap kali kos untuk *design* ataupun untuk membetulkan, itupun berlaku jadi kos untuk *renovation* juga berlaku. Jadi, itu satu, yang kita hendak dengar.

Kedua, INPENS kita sudah minta tenaga dan seterusnya kita juga minta persatuan pengilang-pengilang untuk pergi ke INPENS, untuk memberikan input bagaimana keluaran-keluaran INPENS boleh diterima oleh industri sebab jumlahnya besar dan peralatannya dan barang-barang yang diajar itu cukup lengkap. Berbeza dengan IKYS dan murid-muridnya atau *student* nya juga ditempatkan dalam asrama yang sesuai. Oleh itu, kita juga boleh bandingkan, kita menjemput, saya difahamkan, kita menjemput ibu bapa yang dahulu menyatakan IKYS adalah sangat sesuai tetapi ramai daripada mereka datang ke INPENS dan menyatakan tempatnya lebih baik daripada segi kemudahan dan peralatan yang ada di INPENS serta guru-guru tetap yang diajar sebab di IKYS difahamkan adalah guru-guru kontrak, bukan guru-guru tetap. Jadi, semua tu boleh diambil kira dan oleh sebab kita mengamalkan konsep keterbukaan dan ketelusan kita boleh panggil lagi dan tengok lagi.

Hulu Kelang juga membangkitkan hal Institut Perkhidmatan Negara yang sebenarnya sebelum ini Yayasan Selangor juga mendapat kontrak mengendalikan Institut Perkhidmatan Negara di Ampang Tengah dan pendapatannya antara 3 juta ke 5 juta setahun yang digunakan untuk menampung pelajar-pelajar di Yayasan Selangor. Sebab itu mereka juga melihat tempat-tempat yang dikatakan sesuai untuk dijalankan Institut Perkhidmatan Negara dan kalau pun tidak kita boleh gunakan tempat itu, tempat-tempat kegunaan yang lain. Kalau kita melawat kawasan yang sekarang di sungai, saya lupa namanya, kawasan yang IKYS ada, hah! Padang Terap. Padang Terap bukan tujuannya untuk pengajian, bukan. Padang Terap itu, untuk dijadikan satu kawasan bandaran yang tidak jadi. Tidak ada asrama, tidak ada tempat yang sesuai. Oleh sebab itu, kita hendak menjadikan tempat itu, tempat perindustrian kalau dapat supaya ada dewan ada semuanya di sana itu. Oleh sebab itu kita kalau nak menyiapkan sekolah vokasional sudah tentu kita memerlukan modal yang lebih besar daripada itu dan kena mendirikan asrama. Tetapi untuk sementara kita sudah ada di Kuala Selangor boleh jadi kita hendak membuat satu atau dua lagi sekolah vokasional yang sesuai untuk ditempatkan anak-



anak muda tetapi apabila kita buat, kita mesti buat dengan prasarana yang cukup kalau tidak kita dalam keadaan sementara. Kedua, kita juga mesti mendapat sokongan daripada industri. Kalau kita tidak dapat sokongan industri, sudah tentu esok pelajar-pelajar itu tidak dapat diserap terus ke dalam industri. Sokongan dalam industri bererti sesetengah syarikat boleh menempatkan mesin-mesin dan jentera-jentera mereka supaya dapat dipelajari oleh pelajar-pelajar tersebut. Dengan cara itu mereka boleh terus apabila lulus ataupun lepasan sekolah vokasional itu dapat boleh terus diterapkan dalam syarikat-syarikat tersebut. Ini bukan cara yang hanya dibuat di sini. Di Germany, cara itu adalah menjadi cara yang kebiasaan itu sebab kita kena buat dengan cara yang besar. Oleh itu, mesti ada *economic of skill*. Kalau hanya 200 maknanya *the economic are overhead*, tinggi tetapi kalau 1,500 ke 2,000 jadi maknanya kita dapat menggunakan prasarana dan menentukan pengurusan itu dibuat dengan secukupnya. Bagaimanapun, Puan Speaker, saya boleh menimbangkan dan memanggil Ahli-ahli ABBAS untuk mendengar penjelasan dari INPENS dan juga penjelasan daripada *Chambers of Commerce* dan daripada FMM, *Federation Manufactures Association* yang bertempat di Selangor untuk menentukan status dan tahap INPENS, berbanding dengan IKYS. Kita juga boleh mengambil kira beberapa kursus yang dibuat bersama antara IKYS dengan INPENS dijalankan. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap keputusan Kerajaan Negeri menutup operasi Institut Kemahiran Yayasan Selangor, IKYS dan memindahkan pelajar bagi menamatkan kursus ke INPENS Internasional Kolej yang di segi jangka panjang tidak menguntungkan industri di Selangor dan boleh mengabaikan tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri terhadap rakyat.

Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mempertimbangkan, membuka dan meneruskan semula operasi IKYS. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**ix Usul No. 18 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul No. 18 Tahun 2010, Usul di bawah peraturan tetap 27(3) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Puan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap penyelesaian tuntutan pembeli hartanah di Bandar Armada Putera, Pulau Indah bagi bayaran wang pampasan kerana pemaju iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor lewat menyerahkan rumah. Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk:-

1. Menubuhkan satu *Task Force* dengan peruntukan kewangan yang cukup untuk mengenal pasti pembeli yang membuat tuntutan serta menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh dan
2. Mengujudkan satu badan bebas bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Dewan Negeri.

Puan Timbalan Speaker, Usul ini bertujuan membawa ke pengetahuan Dewan yang mulia ini berkenaan nasib dan aduan beberapa orang rakyat yang menganggap mereka telah menjadi mangsa. Bagi mereka bukan mangsa kepada syarikat pemaju biasa tetapi mangsa kepada sebuah syarikat pemaju milik Kerajaan Negeri. Perkara ini adalah satu perkara yang mustahak dan penting diambil perhatian oleh Dewan, memandangkan jika ianya tidak diteliti dan diselesaikan dengan cara bijaksana dan jika dakwaan rakyat ini ada asasnya maka ia akan menjejaskan kredibiliti Kerajaan Negeri yang dipilih rakyat bagi memelihara amanah dan mempertahankan hak rakyat.

Dua orang rakyat Selangor yang bernama En. Ravindran a/l Sinnayya dan En. Lim Lark Sai pada 5 Ogos 2010 telah menghantar memorandum aduan kepada JBK ABAS yang berbunyi, "sejak 20 Julai 1997 hingga 3 Julai 2007 selama 10 tahun kami menunggu untuk mendapat rumah dan membayar sampai berpuluh ribu wang supaya tidak digelar bankrap oleh pihak bank dan di sepanjang masa kami dijanjikan pampasan oleh Brisdale Holdings sebuah anak syarikat Kumpulan Hartanah Selangor Berhad. Kami pula berhutang kepada saudara mara, kawan-kawan dan pula telah memajak segala harta dan masih berhutang kepada orang ramai. Kepercayaan yang kami menaruh kepada sebuah pemaju negeri telah dipermainkan dan mungkin diketawakan oleh ahli-ahli yang bergelar korporat. Ada kalanya kami bertanya-tanya, ada atau tidak keadilan pada rakyat biasa seperti kami yang dianiaya oleh pihak-pihak berkenaan. Setelah mengetahui masih ada pihak yang membela nasib rakyat wujud, kami berasa bersyukur. Kami dengan bersungguh-sungguh sujud pada pembela rakyat ini untuk memberi kami keadilan yang sepatutnya. Masih adakah keadilan di negeri ini?"

Ahli-ahli Yang Berhormat, demikianlah keluhan dua pengadu yang menganggap diri mereka sebagai mangsa pada sebuah syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Jawapan bagi Negeri Selangor, Insya-Allah sudah tentu masih ada keadilan yang mesti dibela bagi pihak rakyat. Kes nasib malang rakyat ini telah tersiar dalam STAR METRO pada 22 Jun 2001 dengan tajuk, dengan izin "*buyers unhappy over long delay of project*". Laporan akhbar tersebut menyebut bahawa kelewatan tersebut akan ditangani oleh pemaju iaitu Brisdale Holdings Berhad dengan mengadakan pertemuan secara individu dengan semua pembeli. STAR pada 31 Julai 2001 juga melaporkan sebagai, dengan izin "*Thirty properties buyers hand memorandum to Khir*", iaitu Sungai Panjang pada masa itu. Laporan akhbar tersebut menyebut bahawa pembeli telah diberi pada dasarnya tawaran pampasan terhadap kelewatan siap unit-unit rumah mereka. Selepas Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran kerajaan pada tahu 2008, kes ini telah diperjuangkan oleh Yang Berhormat Subang Jaya dan Yang Berhormat Kampung Tunku. STAR Metro pada 22 Mei 2008 telah melaporkan kes ini sebagai, "*company sold for RM50 thousand but state owns subsidiary is worth more than that, said Subang Jaya Assemblyman*." Yang Berhormat Subang Jaya mendedahkan bahawa Brisdale Holdings Berhad anak syarikat Kumpulan Hartanah Selangor Berhad telah dijual kepada GMB Construction Sdn. Bhd. dengan harga hanya sebanyak RM50 ribu sedangkan pada masa itu Brisdale Holdings Berhad memiliki 12 syarikat dan banyak lagi tanah serta hartanah di bawah miliknya.

Daripada pendengaran tertutup, JPK ABAS tarikh di mana Brisdale Holdings Berhad telah dijual kepada pihak ketiga iaitu Tetuan GMB Construction Sdn. Bhd. oleh SAP Holdings Bhd. di bawah skim *lock, stock and barrel* adalah pada 10 Ogos 2007 iaitu pada zaman pentadbiran kerajaan lama. Namun En. Ravindran a/l Sinnayya telah menerima surat dengan kepala surat Brisdale Holdings pada 1 Oktober 2007, Brisdale Holdings telah dijual pada 10 Ogos 2007 tetapi En. Ravindran a/l Sinayah telah menerima surat dengan kepala surat Brisdale Holdings pada 1 Oktober 2007 yang menawarkan dengan izin, "*revised ex gratia amount of RM83,333.33 as the full and final settlement of the alleged delayed delivery of vacant possession*." Alamat korporat

Brisdale Holdings pada masa itu, adalah Lot. 1, Aras 1A, Plaza Perangas, Persiaran Perbandaran, Peti Surat 7180, 40000 Shah Alam.

Tuan Timbalan Tuan Speaker, Puan Timbalan Speaker, kini kedua-dua Yang Berhormat Subang Jaya dan Kampung Tunku telah diberi amanah dalam Jawatankuasa JPK ABAS bersama-sama Hulu Kelang. Oleh itu wajar sekali Usul ini diberikan perhatian kerana menurut En. Ravindran dan En. Lim, terdapat ramai lagi mangsa yang telah, yang tidak diketahui bilangannya ada yang menyebut hingga 2,000 orang pembeli di luar sana yang menjadi mangsa. Kesemua mereka tidak percaya semua ini dilakukan oleh sebuah pemaju anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Dewan dengan ini mestilah mengambil maklum perihal nasib penderitaan mereka hingga kini dan tindakan segera hendaklah diambil bagi memulihkan semula kepercayaan rakyat terhadap pengurusan Kerajaan Negeri terhadap anak-anak syarikat miliknya di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat. Terima kasih.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Puan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk di bahaskan.

Tiada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap penyelesaian tuntutan pembeli hartanah di Bandar Armada Putera, Pulau Indah bagi bayaran wang pampasan kerana pemaju iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor lewat menyerahkan rumah. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk:-

1. Menubuhkan satu *task force* dengan peruntukan kewangan yang cukup untuk mengenal pasti pembeli yang membuat tuntutan serta menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh dan
2. Mengujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke sidang Dewan Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**x. Usul No. 19 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul No. 19 Tahun 2010. Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon untuk membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut, bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap penyelesaian tunggakan bil air Pangsapuri Taipan, Bandar Armada Putera, Pulau Indah, Klang sehingga Mac 2010 berjumlah RM815 ribu

yang diletakkan ke atas bahu penduduk ditangani segera. Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk:-

1. Menyarankan kepada Syabas agar membuat tuntutan bayaran tunggakan bil air daripada Jabatan Insolvensi Malaysia selaku pegawai penerima syarikat Brisdale Holdings Berhad iaitu pemaju bagi tempoh sebelum pemaju digulung dari Januari 2006 hingga Oktober 2008.
2. Mengesyorkan kepada Syabas jumlah bil yang dikemukakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor LPHS dengan jumlah bil yang dilupuskan adalah sebanyak RM186,425 dan dengan kaedah pelaksanaan yang disyorkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.
3. Menyarankan agar Syabas tidak membuat operasi pemotongan bekalan air yang hanya akan merumitkan kehidupan penduduk sehingga syor penyelesaian Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dilaksanakan dan
4. Membantu menyelesaikan masalah kebocoran sistem paip air dalaman di Pangsapuri berkenaan dengan suatu jumlah kewangan yang mencukupi bagi mengatasi masalah kebocoran air bagi jangka masa panjang.

Puan Timbalan Speaker, Usul ini bermula dengan aduan rasmi Yang Berhormat Ahli Parlimen Klang pada 30 Mac 2010 kepada JBK ABBAS. Memorandum juga telah diserahkan kepada JPK ABAS pada 7 April 2010 oleh Jawatankuasa Bertindak Pangsapuri Brisdale Blok A, B, C dan D. Dokumen-dokumen telah kita dapat, telah didapati oleh Jawatankuasa daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Klang pada 7 April. Dokumen juga telah kita dapat daripada Syabas pada 31 Mac 2010 dan jawapan daripada INPENS juga telah didapati oleh JBK ABBAS pada 3 Mei 2010. Berlaku berbagai-bagai tanggapan dan percanggahan. Tanggapan ini merebak kepada suatu pendengaran tertutup yang dikendalikan oleh ABBAS dengan memanggil Presiden INPENS, Ketua Unit Pembangunan Perniagaan SAP Urus Harta, Pengurus Besar Jabatan Pengambilan dan Pemulihan Bekalan Air Syabas. Kemudian apabila maklumat itu terdedah lagi menyatakan berlaku penjualan kepada Salient Wizard Sdn. Bhd. maka Lembaga Pengarahnya dipanggil dan juga dipanggil Lembaga Pengarah ADSB Services Sdn. Bhd. pada 29 April 2010. Sebagaimana yang terkandung dalam kertas mesyuarat Bil.30/2010.

Penyelesaian Usul ini bergantung banyak dengan siasatan yang menyangkut dengan penjualan Brisdale Holdings Sdn. Bhd. dan ada kaitannya dengan apa yang bakal dilakukan dengan pembentukan *Task Force* sebagaimana yang dinyatakan di dalam Usul No. 18. Oleh kerana cadangan yang telah dikemukakan telah dipertimbangkan dengan wajar oleh JBK ABBAS daripada cadangan Lembaga Perumahan untuk itu masalah jangka pendek hendaklah bil air dan masalah tertunggaknya bil air diselesaikan menurut cadangan yang telah dikemukakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Dengan itu Hulu Kelang mengusulkan agar Usul ini disokong.

**PUANTIMBALAN SPEAKER :** Siapa sokong?

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Saya sokong.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Puan Timbalan Speaker, Kg. Tunku juga ingin berdiri dan menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Hulu Kelang ini. Sememangnya isu yang berkenaan dengan tunggakan bil air di Pangsapuri Taipan, Bandar Armada Putera, Pulau

Indah, Klang berkaitan dengan Usul No. 18 Tahun 2010 yang kita telah bahas dan terima sebentar tadi.

Apa yang ingin saya bangkitkan di sini seluruh episod tentang tunggakan air ini merupakan satu peristiwa ataupun perkara yang sangat menyedihkan dan amat malang. Apa yang telah kita lihat ialah sikap yang tidak profesional dan tidak bertanggungjawab dalam membangunkan kawasan Pangsapuri Taipan, Bandar Armada Putera ini. Apabila kami di Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri menjalankan pendengaran awam terhadap isu ini dan apabila JBK ABBAS membuat lawatan ke tempat ini. Kami telah mendapati banyak masalah yang berlaku dan antaranya ialah terdapat banyak kekeliruan yang timbul. SAP Urus Harta merupakan *management agency* kepada rumah pangsa ini. Pada masa yang sama juga selepas itu ada terdapat juga dan berlaku juga pertukaran pengurusan syarikat-syarikat seperti Brisdale, seperti ADSB, seperti Celion Vized dan sebagainya. Banyak syarikat yang terlibat tapi rekod terhadap tukar tangan ataupun pembelian dan penjualan syarikat-syarikat ini tidak dapat dilakukan dengan baik dan ini telah menimbulkan siapa yang perlu bertanggungjawab terhadap kebocoran air yang berlaku di bawah tanah Bandar Armada Putera ini. Kebocoran air ini telah menyebabkan banyak masalah terutamanya tempat ini sebenarnya didirikan di atas satu tempat paya bakau dan tanah atau pun kekuatan tanah di kawasan itu memang amat dipersoalkan dan apabila terdapat kebocoran paip air maka ini telah menimbulkan, menjadikan keadaan di kawasan itu semakin sakit dan semakin tenat dan apa yang lebih menyedihkan lagi ialah sehingga sekarang tunggakan air telah mencecah ke RM800 ribu, siapa yang perlu bertanggungjawab? Adakah kita perlu menyalahkan kepada Syabas? Kerana Syabas sebenarnya perlu memaklumkan kebocoran air ini seberapa cepat yang mungkin kepada pemilik bangunan dan menjalankan kerja-kerja pembaikpulihan. Adakah kita perlu menyalahkan kepada agensi, *management agency*? Atau pun *management company* yang dilantik dan adakah kita perlu menyalahkan penduduk-penduduk yang duduk di sini kerana dikatakan mereka tidak membayar bil air. Saya rasa terdapat banyak persoalan dan semua ini sebenarnya boleh diselesaikan jikalau pemaju dan juga SAP Urus Harta iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor menjalankan tugas mereka dengan bertanggungjawab pada awal lagi kerana kegagalan syarikat-syarikat ini menjalankan tugas mereka sekarang ini penduduk pula yang perlu menanggung kerugian yang begitu besar dan saya amat prihatin dan bersimpati terhadap keadaan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Bandar Armada Putera ini dan saya minta satu penyelesaian secara holistik dapat dicapai untuk menyelesaikan masalah ini.

Apa yang sedikit menyulitkan kita ialah Syabas bukan sebuah syarikat Kerajaan Negeri dan mereka mempunyai hak mereka terhadap tunggakan air ini. Cuma sekarang kita perlu berunding dengan mereka, kita tidak tahu apa yang kita boleh lakukan sama ada tunggakan ini boleh dikurangkan ataupun kos ini boleh dikongsi bersama. Kita tidak tahu dan ini merupakan satu isu yang saya meminta perhatian daripada Menteri Besar untuk menyelesaikannya. Kita tidak hendak, imej anak syarikat Kerajaan negeri khususnya PKNS dan anak-anak syarikat PKNS ini terus, terus menjadi buah mulut orang ramai dan pembeli rumah bahawa *properties* yang dibangunkan oleh anak-anak syarikat PKNS ini semua mempunyai masalah. Kita tidak ingin ini berlaku dan kita mahu supaya anak-anak syarikat ini boleh pulih daripada ketenatan ini dan menjadi sebuah syarikat pemaju yang berprestij bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia antarabangsa. Jadi saya meminta supaya Dewan yang mulia ini meneliti persoalan-persoalan yang dibangkitkan di sini dan saya sebagai pencadang ingin menyokong Usul ini. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Puan Timbalan Speaker, Kajang ingin mengambil kesempatan ini membahaskan berkaitan dengan Pangsapuri Bandar Armada Putera yang menghadapi masalah tunggakan bil air untuk dibayar kepada Syabas dan juga masalah yang timbul akibat daripada itu. Kajang juga mendapati bukan sahaja Pangsapuri Taipan yang disebutkan dalam Usul ini yang menghadapi masalah yang sama dan terdapat juga pangsapuri-pangsapuri merata di negeri Selangor yang menghadapi masalah di mana pemaju telah menggulung tikar ataupun yang *management body* ataupun syarikat pengurusan pangsapuri tidak membayar kepada Syabas dan termasuk Tenaga Nasional Berhad di mana tunggakan-tunggakan ini memang tertanggung sehingga masalah apabila pangsapuri tersebut nak mengambil alih tubuhkan JMB ataupun MC untuk mengambil alih dan menghadapi tunggakan yang banyak hendak diselesaikan dan biasanya JMB dan MB memang seharusnya tidak harus mengambil tanggungjawab ini untuk menyelesaikan kerana ia merupakan satu perjanjian di mana Syabas ataupun TNB tandatangan dengan pihak pengurus. Pengurus pangsapuri tersebut dan ini merupakan satu perjanjian perniagaan. Jadi tanggungjawab pembayaran tunggakan ini harus, seharusnya dibayar oleh syarikat pengurusan dan kita dapati masalah ini memang terdapat di merata tempat pangsapuri khasnya pangsapuri kos rendah di mana penduduk juga tidak mampu membayar di mana *management* komuniti, MC tak dapat membayar maka ini tidak merupakan satu kes ya dan Usul ini tidak merupakan satu kes yang berkecuali. Kita berharap pihak Kerajaan dapat meneliti dan mencari penyelesaian untuk kes-kes sebegini di mana dapat kita menyelesaikan masalah secara menyeluruh. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya menjemput pihak Kerajaan untuk mengulas jika ada.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, tidak banyak tetapi saya hendak menerangkan kes ini. Ia suatu kes yang sangat kompleks sebabnya dalam Kumpulan Hartanah, dan Kumpulan Hartanah sudah menjual syarikat ini Brisdale Holdings ini kepada satu syarikat yang lain. Sekarang milikan Brisdale adalah syarikat yang lain dan strateginya pula selepas memiliki syarikat tersebut dia buat skim untuk mencairkannya. Maknanya, mencairkan Brisdale. Maknanya Brisdale sudah tidak ada di dalam. Esok apabila sudah apa pun tidtak ada dalam rekod. Oleh itu kita tidak boleh mengenakan tindakan. Namun, kita kena juga ambil tindakan kepada syarikat yang sudah dijual, iaitu syarikat yang dijual kepada... saya pun terlalu banyak syarikat..... haa... syarikat itu yang sekarang sudah dijual dan syarikat ini saya fikir kita juga mesti suruh datang untuk memberi penerangan umum sebab kalau tidak mereka sendiri tidak berasa bertanggungjawab terhadap pembeli-pembeli dalam tanggungan mereka. Jadi apabila kita ambil alih satu syarikat, tanggungan itu diteruskan kerana tanggungan itu sekarang tidak ditanggung oleh syarikat ini, dan itu yang perlu kita lakukan. Bagaimanapun, sebagai usaha sementara, Kerajaan Negeri boleh berbincang dengan Syabas untuk menyelesaikan hal pemotongan air tetapi perkara ini tidak selesai lagi sehingga pemilikan tanah dan penyiapan projek-projek terbengkalai itu dapat diselesaikan. Jadi, itulah. kita perlu terus menyelesaikan masalah ini tetapi ia bukan satu masalah yang senang dapat diselesaikan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi, "bahawa dewan ini menarik perhatian terhadap penyelesaian tunggakan bil air, pangsapuri Taipan, Bandar Amanda Putra Pulau Indah, Klang sehingga Mac 2010 berjumlah RM815,000 yang diletakkan ke atas bahu penduduk ditangani segera. Bahawa dengan ini dewan yang mulia ini menggesa kerajaan Negeri Selangor untuk:-

- 1) Menyarankan kepada Syabas agar membuat tuntutan bayaran tunggakan bil air daripada Jabatan Insolvency Malaysia selaku pegawai penerima Syarikat Brisdale

Holding Berhad bagi tempoh sebelum pemaju digulung dari Januari 2006 hingga Oktober 2008.

- 2) Mengesyorkan kepada Syabas jumlah bil yang dikemukakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan jumlah bagi bil yang lupuskan adalah RM186,425 dan dengan kaedah pelaksanaan yang disyorkan oleh LPHS.
- 3) Menyarankan agar Syabas tidak membuat operasi pemotongan bekalan air yang hanya akan merumitkan kehidupan penduduk sehingga syor penyelesaian LPHS dilaksanakan.
- 4) Membantu menyelesaikan masalah kebocoran sistem paip air dalaman di pangsapuri berkenaan dengan satu jumlah kewangan yang mencukupi bagi mengatasi masalah kebocoran air bagi jangka masa panjang.

Ahli-ahli Yang Berhormat jika bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK.

Usul ini dipersetujui.

**xi. Usul No. 20 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Kampung Tunku**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul seterusnya usul No. 20 tahun 2010. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Y.B. Kg. Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Speaker. Kg. Tunku dengan ini mencadangkan satu usul yang dikeluarkan di bawah Peraturan Tetap 26(1) seperti yang berikut:

Bahawa dewan yang mulia ini minta Kerajaan Negeri memperketatkan urus tadbir korporat bagi semua syarikat-syarikat, badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan Negeri supaya ianya di tampil dengan amalan korporat berdasarkan prinsip keupayaan, amanah dan ketelusan. Puan Timbalan Speaker, tujuan saya membawa usul ini adalah untuk meminta dewan yang mulia meluluskan pengesahan saya untuk memperketatkan atau memperkasakan urus tadbir korporat untuk semua GLC, agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Menurut pewartaan syarikat kerajaan PU (A) 443 terdapat 24 anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan 49 buah subsidi re agensi kerajaan Negeri Selangor. Ini menjadikan terdapat jumlah 73 buah syarikat subsidi re Kerajaan Negeri Selangor. Syarikat-syarikat ini sama ada besar atau kecil telah dianggap pada masa dahulu oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional sebagai mesin ATM, untuk mendapatkan wang bagi perbelanjaan peribadi. Adalah menjadi hasrat Kg. Tunku peristiwa ini tidak berulang lagi dan untuk mengelakkan peristiwa ini daripada berlaku dan juga untuk mengelakkan kepincangan-kepincangan yang ditimbulkan oleh usul-usul yang dibahaskan tadi iaitu usul bermula dengan usul No. 12 hingga ke usul No. 19, maka kita perlu, saya rasa kita perlu membawa perkara ini sebagai satu usul untuk diluluskan di dewan yang mulia ini. Puan Timbalan Speaker, urus tadbir korporat di kalangan GLC-GLC Kerajaan Selangor perlu diperketatkan, kita perlu mengubah struktur ataupun kita berbalik kepada perkara-perkara asas. Sebenarnya mengikut laporan dan pandangan yang kami terima daripada Jabatan Audit Selangor masih terdapat

banyak masalah dalam syarikat-syarikat GLC ini yang belum lagi mengikut peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan sebelum ini terutama sekali Kerajaan Negeri perlu memastikan bahawa setiap syarikat yang untung membayar dividen setiap tahun kepada kerajaan Negeri namun jika pekeliling jikalau pekeliling, jikalau kita ikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 yang menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan jika pekeliling ini dipatuhi maka setiap satu GLC di Negeri Selangor ini perlulah membayar dividen sekurang-kurangnya 10 peratus setahun sebagai pulangan modal kepada kerajaan dan saya ingin menggesa kerajaan supaya membuat satu pemeriksaan yang menyeluruh terhadap syarikat ini sama ada mereka telah membayar dividen kepada Kerajaan Negeri atau tidak dan jika tidak apakah sebab-sebabnya, dan bagaimana kerajaan dapat menyusun semula syarikat-syarikat ini supaya ia dapat untung dan membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Puan Timbalan Speaker, yang kedua yang ingin saya sampaikan ialah Kerajaan Negeri perlu memastikan semua syarikat mematuhi peraturan-peraturan Kerajaan Negeri serta mematuhi amalan baik tadbir urus korporat Malaysia iaitu

- 1) Memastikan GLC membayar bonus mengikut dasar yang ditetapkan di bawah PP Bil.10/1993. Pembayaran mesti dapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah dan Pihak Berkuasa Negeri ataupun MMKN.
- 2) Memastikan setiap anak syarikat tahu dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan PP Bil. 9/1993, 10/1993, 11/1993 dan 12/1993 berkenaan pengurusan pinjaman.
- 3) Memastikan seorang Ketua Eksekutif tidak menjadi Ahli Lembaga Pengarah kepada terlalu banyak syarikat sedangkan peraturan hanya membenarkan tiga anak syarikat subsidi sahaja.
- 4) Memastikan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ditubuhkan seperti apa yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/1993. Salah satu contoh yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Hulu Klang tadi ialah tentang elaun tandatangan cek yang begitu dahsyat dan begitu tinggi. Untuk pengetahuan dewan audit telah mendapati bahawa elaun tandatangan cek ialah 50 peratus ringgit sebulan bagi Pengerusi PKNS Infra Bhd. Dan 400 ringgit sebulan bagi Ahli Lembaga bagi tahun 2006 hingga 2008 dan ini adalah satu penemuan audit yang cukup menghairankan. Saya berasa lega bahawa amalan ini telah diberhentikan tetapi kita juga perlu menyemak dengan menyeluruh tentang apa-apa bentuk kelakuan atau salah laku yang tidak dibenarkan oleh Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan yang saya katakan tadi.

Puan Speaker, yang ketiga, Kerajaan Negeri perlu memastikan bahawa syarikat lebih fokus kepada kos operasi syarikat dan tidak terlalu banyak kepada perbelanjaan sosial atau perbelanjaan lainnya yang tidak berkaitan dengan operasi kerana ini akan boleh menjejaskan keuntungan syarikat. Selain itu Kerajaan Negeri telah mendedahkan bahawa terdapat tujuh anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri telah menunggak hutang cukai tanah jumlahnya lebih daripada 100 juta ringgit dari tahun 2007 hingga tahun 2009. Kerajaan juga perlulah menuntut balik hutang ini dalam seberapa cepat yang mungkin. Saya juga ingin menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Menteri Besar Berhad atau (MBI) Menteri Besar Incorporated dan saya difahamkan bahawa MBI telah memainkan peranan yang penting dalam penguasaan sumber ekonomi negeri melalui GLC. Menurut laporan STAR bertarikh 3 November tahun 2009 MBI telah menjadi sayap pelaburan Kerajaan Negeri Selangor setelah disusun semula pada awal tahun 2009. Hampir semua syarikat GLC Selangor telah diletakkan



di bawah MBI termasuklah Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Permodalan negeri Selangor Berhad, MSNS Holding, Pusat Pelaburan Selangor Berhad (SSIC), Kumpulan Semester Sdn. Bhd., Rangkaian Sdn. Bhd., Pendidikan Industri Yayasan Selangor Berhad, Kelab Golf Bukit Beruntung dan Tourism Selangor Sdn. Bhd. Menurut laporan Ketua Audit Negara pelaburan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 telah bertambah sebanyak 80.72 juta ribu ringgit. Antaranya pelaburan am telah bertambah sebanyak 59.5 juta ringgit khususnya di Kelab Golf Bukit Beruntung iaitu 55 juta ringgit, Kumpulan Semester sebanyak 2.5 juta ringgit dan Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. iaitu sebanyak 2 juta ringgit. Dalam pelaburan di Kelab Golf Bukit Beruntung, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor telah mengalihkan saham kepada MBI dengan harga 55 juta ringgit sebagai pampasan sebahagian daripada pinjaman dan rasuah dan politik wang mestilah dibanteras di diperangi dalam setiap GLC. Pegangan terhadap prinsip agama, akhlak dan etika memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk masalah-masalah yang berkaitan. Antara masalah prinsip dan etika yang timbul dari amalan perniagaan yang wajib diberikan perhatian sepenuhnya adalah seperti apa yang saya nyatakan tadi.

Empat, Tuan Speaker kita juga perlu memastikan setiap syarikat dipandu dan dibimbing supaya *cor business* tidak bertindih. Dengan itu adalah disyorkan supaya kerajaan melantik sekurang-kurangnya seorang ahli EXCO atau ADUN menjadi Ahli Lembaga Pengarah bagi setiap GLC. Ini bukan kerana ADUN atau EXCO hendaklah sangat mendapat elaun tapi semata-mata untuk memastikan operasi syarikat-syarikat ini dijalankan berdasarkan konsep merakyatkan ekonomi Selangor dan dijalankan berdasarkan segala keputusan yang telah dibuat oleh dewan yang mulia ini. Tuan Speaker bagi mengelakkan pertembungan kepentingan seperti terlalu cenderung ke arah mendapat habuan dan manfaat sebagai Ahli Lembaga Pengarah saya berpendapat satu peraturan hendaklah ditetapkan oleh kerajaan bagi mengehadkan penerimaan elaun atau manfaat bagi sesiapa bagi mana-mana ADUN atau EXCO yang dilantik bagi Ahli Lembaga Pengarah di dalam GLC ini. Tuan Speaker bagi mengelakkan '*conflict or interest*' dengan izin maka saya juga meminta supaya JPK ABBAS, semua ahli ABBAS ini tidak perlulah dilantik sebagai Ahli Lembaga kepada syarikat-syarikat GLC ini tetapi sebagai satu bentuk pemantauan saya minta kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan saya di mana pelantikan mana-mana individu ke dalam jawatan-jawatan senior dan Lembaga Pengarah ini perlulah disaring dan dipantau oleh JPK ABBAS supaya satu bentuk, kita dapat memelihara satu bentuk ketelusan dalam melantik mereka ke dalam syarikat-syarikat GLC ini. Untuk itu saya minta supaya usul ini disokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih. Tuan Speaker Kota Damansara ingin menyokong usul No. 20 telah disebutkan berkenaan dengan urus tadbir mengenakan amalan prinsip keupayaan, beramanah dan ketelusan. Isu yang penting harus kita pertimbangkan. Apakah matlamat asal GLC ini, apakah spiritnya kerana peringkat awalnya untuk menolong masyarakat yang miskin tentang rumah kos rendah, tentang ada sifat CSR tanggungjawab sosial korporat, adakah itu masih kekal ataupun hala tuju itu sudah berubah menjadi lebih kapitalistik, bersaing mengejar keuntungan kerana sekarang ini dengar khabar lebih selesa membina rumah kos mewah, dan ini juga bermakna rakyat miskin terabai. Juga kita dapat lihat bahawa pengalaman masa-masa yang lepas, agensi-agensi kerajaan menggunakan Kanun Tanah Negara 425, 426, menggunakan segala *State Agency* Pulihan dan pelbagai untuk mengusir dan menghasrat rakyat. Maka itu juga kita telah dengar hari ini tentang beberapa penyelewengan ini adakah ini satu *symptom* dengan izin atau pun sifat yang melibatkan penyelewengan pembaziran *money bank* atau pun tabung untuk orang politik atau pun kita lihat sekarang penyakit yang sudah ada khususnya dari segi rasuah, kroni, nepotisme,

atau pun biro kasih ini sudah menebar kerana tak jelas matlamatnya. Tak rasa bertanggungjawab kalau buat salah pindah ke tempat lain. Dia tidak bertanggungjawab kepada rakyat makin itu juga kami ingin tahu andainya GLC ini ke arah untuk mendapat keuntungan, sila isytiharkan begitu supaya kita dapat berdepan kita tidak mahu memainkan panggung wayang atau pun drama kerana yang jadi masalah adalah rakyat biasa, rakyat miskin. Kota Damansara menyokong Usul 20.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Usul telah pun disokong. Saya buka untuk perbahasan.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Tuan Speaker. Rawang juga turut serta dalam perbahasan tentang isu ini dengan cuma beberapa cadangan yang ingin diberikan sebab kita telah nampak beberapa isu atau pun Usul yang dibangkitkan ini dan sebelum ini semuanya adalah berkenaan dengan GLC atau pun Anak Syarikat Negeri Selangor yang mana saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebelum ini yang menjelaskan bahawa peranan Anak Syarikat perlu balik kepada pangkalnya yang itu kalau kita bincang tentang perniagaan kita boleh buat dengan cara penanggahan tetapi yang penting saya rasa sebagai tanggungjawab sebuah Kerajaan kita tidak boleh menindakkan persepsi dan juga harapan rakyat yang letak pada Kerajaan Negeri supaya kita mengurus tadbir Negeri kita dengan semua badan ini semua Agensi ini dengan cara yang telus dan bertanggungjawab. Dan tanggungjawab sosial itu sebenarnya adalah lebih tingginya kalau pada pandangan saya daripada tanggungjawab ekonomi atau pun komersial yang mahu kita janakan daripada Syarikat-syarikat ini. Jadi itu adalah pentingnya untuk kita Kerajaan Negeri menekankan begitu pentingnya bagi kita tahu apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Klang sebelum ini. Sebenarnya adalah kepincangan yang telah ditinggalkan oleh Kerajaan Negeri Pentadbiran lepas tetapi saya rasa adalah perlu untuk Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor sekarang menekankan prinsip pentadbiran kepada semua Pegawai Anak Syarikat daripada tampuk pimpinan sampai ke pegawai bawahan. Bahawa prinsip Pentadbiran kita adalah menekannya bertanggungjawab kepada rakyat dan juga ketelusan. Jadi segala wang yang digunakan haruslah digunakan dengan sebaiknya dan dengan cara yang telus untuk mengelakkan sebarang penyelewengan atau pun salah guna kuasa atau pun salah guna kewangan yang diberikan. Jadi saya juga ingin mencadangkan sebab kita tahu kalau kita lihat penjelasan yang diberikan sebelum ini juga banyak Anak Syarikat tidak bayar dividen disebabkan saya nampak banyak adalah disebabkan urus tadbir yang tidak baik dan saya menyambut baik sebenarnya langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memulakan *integriti pack* dengan izin di Syarikat PKNS sebagai satu langkah untuk kita menunjukkan niat atau pun apa prinsip Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang supaya kita mengurus tadbir Anak Syarikat dengan baik tetapi saya harap kalau boleh kita boleh mempercepatkan pelaksanaan *integriti pack* ini dengan izin yang sama kepada Anak Syarikat yang lain dan juga Badan Berkanun supaya rakyat sedia maklum dengan apa yang berlaku dalam pentadbiran dan urus tadbir semua Badan-badan dan Agensi Kerajaan ini. Dan akhir sekali saya ingin mencadangkan kalau boleh semua Lembaga Kewangan Anak-anak Syarikat juga dibentangkan kalau boleh dibawa ke Dewan supaya dimaklumkan kepada Dewan ini Yang Mulia Ini dan juga rakyat Negeri Selangor secara umum amnya. Macam mana Syarikat ini menggunakan wang mereka walau pun kita tahu dalam keadaan sekarang ada yang dalam keadaan defisit tetapi saya rasa adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk melaporkan semua ini di Dewan supaya ia sebab kita tahu Kerajaan Negeri memegang lebih kurang dan banyak seratus peratus saham dalam Anak-anak Syarikat ini. Dan semua ini sebenarnya adalah wang rakyat atau pun wang pembayar cukai di Negeri ini. Jadi saya rasa Dewan ini adalah satu *platform* yang amat sesuai supaya Lembaga Kewangan ini dibentangkan. Sekian, terima kasih dan Rawang menyokong Usul ini.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker, Kajang ingin mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul No. 20 berkaitan dengan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri. Kajang memang menyokong baik dan juga mengucapkan bersyukur kita kerana bawah Pejabat Menteri Besar tertubuhnya satu Badan atau pun Jawatankuasa yang memantau pengurusan Agensi-agensi Kerajaan dan juga Anak-anak Syarikat dan juga mengauditnya. Dan Kajang ingin membawa perhatian kita bersama untuk melihat kembali seperti yang disebutkan oleh pencadang itu Kampung Tunku yang mengatakan bahawa Anak-anak Syarikat dan Perbadanan bawah Kerajaan Negeri memang menghadapi masalah yang agak tenat. Walaupun dari segi keistimewaan atau pun dalam analisis sewat kita ada *strengthnya* kerana kita ada kedudukan keistimewaan pada Kerajaan dan juga status ini akan membolehkan Anak-anak Syarikat ini menjalankan pengurusan dan juga perniagaannya dengan begitu senang. Akan tetapi kita menghadapi masalah yang amat, amat serius seperti yang disebutkan dalam Sidang kali ini PKNS, Yayasan Selangor dan sebagainya iaitu masalah Pengurusan, Akauntabiliti, Kos Pengurusan yang tinggi dan juga kecekapan yang rendah. Kesemua ini merupakan satu simbol yang boleh dikatakan mewakili Anak-anak Syarikat dan juga Perbadanan bawah Kerajaan Negeri. Memandangkan ini dan Kajang menyokong baik iaitu seruan daripada Kota Damansara dimana, di mana GLC atau pun Anak Syarikat tidak harus menjadi satu pesaing dengan sektor swasta. Sektor swasta harus bebas daripada campur tangan atau pun *interventionnya* dengan izin pihak Kerajaan pun dalam sektor perniagaan pasaran. Seharusnya Syarikat dan juga Perbadanan Negeri harus melibatkan dalam dua sektor iaitu melibatkan diri dalam bidang perintis. Bidang perintis yang memang kurang minat daripada sektor swasta. Misalnya dari segi R&D, dari segi Pembangunan Agrotek, Biotek, Hitek yang memang baru sahaja di bawah masuk ke negeri kita. Jadi sektor yang perintis ini boleh GLC atau pun Perbadanan Negeri boleh masuk. Dan sektor kedua adalah sektor di mana ia memang kurang minat bagi sektor swasta iaitu ia tidak mendatangkan nilai komersial yang ulangan yang begitu tinggi tetapi ia memberi implikasi yang besar untuk manfaat rakyat. Misalnya seperti disebutkan tadi ialah rumah kos rendah. Kesemua ini harus di kaji semula oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menentukan status dan peranan bagi GLC dan Perbadanan Kerajaan Negeri. Walaupun kita pun sudah tubuh satu jawatankuasa atau *council* untuk memantau dan mengaudit GLC-GLC dan Perbadanan Kerajaan di bawah negeri tetapi setakat memantau dan audit memang tidak mencukupi. Kajang berpendapat kita harus memberi tumpuan khas dalam masa yang terdekat ini untuk menyusun semula dan juga menstrukturkan semula termasuk apakah peranan GLC yang harus dimainkan dalam masa sekarang ini. Kajang bercadang bawah pejabat Menteri Besar Jawatankuasa ini dapat menyusun semula atau pun mengeluarkan Laporan Kajian Terhadap GLC-GLC dan juga Perbadanan dalam masa lebih kurang enam (6) bulan supaya boleh atur semula untuk melonjakkan ke hadapan. Sekian, Kajang menyokong Usul ini.

**TUAN SPEAKER** : Ada alasan daripada Kerajaan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya memang menganggap perkara ini penting dan oleh sebab itu apabila saya memegang jawatan Menteri Besar saya menentukan fokusnya untuk membentuk semula MBI sebagai satu badan yang kita boleh dapat memantau perjalanan semua pelaburan dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri sebab semua itu saya anggap harta rakyat bukan harta negeri. Saya juga menganggap *preque...(?)* bagi menentukan Syarikat itu berjaya dan Kerajaan Negeri berjaya adalah prinsip keupayaan itu bukan prinsip untuk hanya Syarikat Kerajaan Negeri sebaliknya semua syarikat dan kita mesti memilih orang yang berupaya untuk melakukannya.

Kedua, beramanah. Ia memang penting. Kalau tidak dia boleh menyebabkan pentadbiran menjadi lemah kerana takkan semua pekerja dalam keadaan yang menipu satu sama lain. Jadi

tak ada keadaan itu dan biasanya syarikat-syarikat yang berjaya seluruh Eksekutifnya adalah daripada Kumpulan yang dipercayai dan yang memberi mereka kepercayaan kepada pengguna-penggunanya. Jadi ketelusan memang sudah diterima sebagai salah satu alasan untuk menentukan kecekapan dalam pengurusan. Jadi saya menerima kerusi ini dan kita hendak teruskan usaha untuk mencari jalan bagaimana ahli-ahli Dewan dapat menyertai usaha pemantauan ini dan kita juga cuba mengadakan beberapa kursus dengan rakan-rakan untuk mempelajari cara baca akaun dengan cepat dan dapat meneliti serta terus membuat beberapa soalan yang penting supaya jika menjadi Ahli Pengarah dia dapat memantau perjalanan Syarikat dengan cepat. Kursus ini juga ada dijalankan oleh Kuala Lumpur *Stock Exchange*, Kuala Lumpur untuk mereka yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Dengan cara itu, kita boleh sampai ke tahap yang disebut Sektor Swasta daripada segi pemantauan Syarikat-syarikat. Hal ini penting sebab tanggungjawab Ahli Lembaga adalah sangat besar. Oleh itu, Tuan Speaker, saya berpendapat kita perlu teruskan usaha untuk menentukan semua harta negeri ini dapat diurus dengan baik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi Bahawa Dewan Yang Mulia Ini meminta Kerajaan Negeri memperketat Urus Tadbir Korporat bagi semua Syarikat-syarikat, Badan-badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri supaya ianya ditadbir dengan amalan korporat berdasarkan prinsip berkeupayaan, beramanah dan ketelusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakana tidak. Dipersetujui.

xii. **Usul No. 21 tahun 2010**  
**Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)**  
**Oleh Yang Berhormat Sekinchan**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul seterusnya Usul No. 21 Tahun 2010 Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Tuan Speaker. Bahawasanya Dewan Yang Mulia Ini menggesa Kerajaan Negeri menambah baik

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat bangun untuk apa?

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Usul No. 21.

**TUAN SPEAKER** : Ialah mesti memperkenalkan bukan baca terus.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ia, saya membaca Usul lah.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun untuk apa?

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ialah untuk membawa Usul.

**TUAN SPEAKER** : Yalah, kena beritahu Dewan,

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Okey.

**TUAN SPEAKER** : Bukan terus baca ,,,

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Er..er Tuan, minta maaf Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Dah penatlah, agaknya.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Okey, okey. Saya nak membawa Usul No. 21 Tahun 2010 Usul Di bawah Peraturan Tetap 27(3). Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian Bahawasanya Dewan Yang Mulia Ini Kerajaan Negeri menambah baik kemudahan sedia ada melalui pembinaan sebuah pejabat tambahan di sebelah Bangunan Annex yang dilengkapi dengan pegawai penyelidik, bilik pejabat, bilik pendengar awam, bilik mesyuarat, perpustakaan yang lengkap dan bilik senaman yang boleh membantu pada Ahli Dewan Negeri untuk melaksanakan tugas mereka dengan efektif.

Tuan Speaker, kita sedia maklum, Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor cukup komited dalam melaksanakan agenda pembaharuan terutamanya dalam konteks memperkasakan institusi Dewan Negeri Selangor. Beberapa pembaharuan yang konkrit telah berjaya dilaksanakan di bawah pimpinan dan komitmen Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah memberi kekuatan serta dukungan penuh kepada Yang Berhormat Tuan Speaker untuk melakukan agenda perubahan dan pembaharuan Dewan Negeri. Oleh yang demikian, melalui inisiatif dan usaha-usaha yang diketengahkan, telah menghasilkan kejayaan-kejayaan yang jelas, bukan sahaja dapat dilihat tetapi juga dirasai oleh seluruh Ahli Dewan Negeri dan juga seluruh rakyat Negeri Selangor. Sebelum ini tidak pernah kita dengar, sejak 50 tahun yang lalu bahawa Dewan Negeri Selangor dapat mengadakan sesi pendengaran awam dikendalikan oleh SELCAT iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri, Dewan mengenai keupayaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Beberapa pendengaran awam yang dikendalikan oleh Jawatankuasa SELCAT telah berjaya menarik perhatian umum. Telah mendapat liputan meluas dan seterusnya memberi nafas harapan baru kepada rakyat Negeri Selangor bahawa Kerajaan Negeri memang ikhlas dan komited khususnya dalam konteks menegakkan prinsip ketelusan.

Tuan Speaker, selain daripada Jawatankuasa SELCAT, Jawatankuasa Negeri Selangor juga menubuhkan beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan, iaitu JPK Padat, JPK PBT dan JPK ABBAS, bagi membantu, memantau, menyemak prestasi pengurusan jabatan dan agensi Kerajaan Negeri supaya prinsip urus tadbir yang baik dapat direalisasikan. Sehubungan itu kemudahan-kemudahan seperti ruang bilik pejabat, bilik mesyuarat, bilik pendengaran awam, serta lain-lain lagi yang sedia ada sudah tidak dapat menampung permintaan semasa. Manakala pengurusan dan pentadbiran pejabat Dewan juga bakal menghadapi permasalahan ruang bilik pejabat dan mesyuarat yang tidak mencukupi di dalam Bangunan Annex. Saya masih ingat, minggu yang lalu Yang Berhormat Bangi juga membangkitkan isu yang sama tentang masalah kekurangan bilik pejabat dan mesyuarat. Seharusnya setiap Ahli Dewan Negeri wajib disediakan satu bilik pejabat khususnya di Bangunan Pejabat Dewan Negeri bagi memudahkan mereka menjalankan kerja-kerja sewaktu persiapan, sesuatu sidang Dewan dan juga dijadikan tempat perjumpaan dengan Ahli-ahli Dewan yang lain sama ada untuk tujuan perbincangan dan seterusnya dapat juga mengeratkan hubungan silaturahim sesama Ahli Dewan.

Pada masa yang sama sekiranya terdapat pelawat dan juga pengundi kawasan yang duduk di kawasan Shah Alam, Petaling Jaya dan sebagainya, yang ingin bertemu dengan wakil rakyat mereka bagi tujuan aduan dan sebagainya pasti akan dapat berjumpa dengan ADUN berkenaan dan harus kita ingat, bukan semua pengundi kawasan duduk di kawasan. Ini yang penting, tambahan pula ruang bilik pejabat khas untuk ADUN dapat juga digunakan untuk kita menyimpan data-data dan dokumen mesyuarat. Tuan Speaker, masalah kekurangan bilik

pejabat dan bilik pendengaran awam, wajar diperhalusi kerana dengan wujudnya beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan dan juga PAC yang kerap bermesyuarat pada setiap bulan, ada yang bermesyuarat setiap minggu. Oleh itu sering berlaku pertindihan guna pakai bilik mesyuarat. Di samping itu terdapat Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan selain SELCAT iaitu JPK ABBAS yang diketuai oleh Yang Berhormat Hulu Kelang yang banyak mengadakan sesi pendengaran tertutup untuk mengenal pasti apakah punca berlakunya kelemahan-kelemahan pengurusan dan aktiviti anak syarikat Kerajaan Negeri. Memandangkan peranan Jawatankuasa yang pro-aktif maka adalah wajar kemudahan bilik mesyuarat dan bilik pendengaran awam disediakan dan diperluaskan dengan pelbagai kemudahan yang canggih dan sofistikated mengikut perkembangan semasa serta masa hadapan. Akan tetapi dengan pertambahan kelengkapan bilik pejabat dan mesyuarat belum cukup untuk menjamin para Ahli Dewan Negeri melaksanakan tugas mereka dengan cekap dan efektif. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa peranan ADUN semakin hari semakin mencabar, semakin berat dengan berbagai tugas baru, maka dengan itu saya menyeru agar dibekalkan beberapa pegawai penyelidik yang khusus untuk membantu para Ahli Dewan Negeri membuat kajian mencari data dan mencari bahan-bahan rujukan dan sebagainya.

Tuan Speaker, sudah sampai masa kelengkapan dan kemudahan Dewan Negeri Selangor ditambah dan dipertingkatkan melalui pembinaan lagi bangunan pejabat baru yang dapat memenuhi permintaan terkini dan juga pada masa hadapan. Justeru itu saya ingin mencadangkan sejumlah RM20 juta diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Bangunan ini boleh dibina di sebelah Bangunan Annex kerana mempunyai kawasan lapang lagi. Ia juga selaras dengan imej pembaharuan yang dilakukan oleh Dewan Negeri Selangor. Saya yakin dan percaya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tentu setuju dan tidak keberatan mempertimbangkan permintaan pembinaan bangunan pejabat baru, memandangkan ia merupakan satu keperluan yang agak terdesak. Selaras dengan perkembangan terkini, imej dan populariti serta kewibawaan Dewan Negeri sebagai institusi penggubal undang-undang dan forum rakyat yang tertinggi. Tambahan pula dewasa ini, Dewan Negeri Selangor sudah maju ke hadapan, berkembang menjadi peneraju dan contoh serta teladan pembaharuan kepada semua Dewan Negeri di seluruh Malaysia. Saya cukup yakin. Ahli Dewan Negeri tentu setuju pandangan dan fakta yang saya lontarkan ini.

Tuan Speaker, Ahli Dewan Negeri dari Bangi telah menyifatkan Dewan Negeri sebagai rumah yang ketiga bagi semua ADUN-ADUN. Saya tidak berapa nak setuju dengan contoh tersebut kerana bagi saya Dewan Negeri adalah rumah yang kedua selepas rumah kita sendiri, memandangkan tugas Ahli Dewan adalah menggubal undang-undang dan membuat serta membahaskan dasar demi kepentingan rakyat Negeri Selangor. Sehubungan itu dengan pembinaan bangunan pejabat baru itu nanti dapatlah dilengkapi dengan perpustakaan yang moden dan seterusnya di selit dengan buku-buku dan bahan rujukan, bahan bacaan, majalah dunia dan juga koleksi buku-buku sejarah perkembangan Dewan dan Parlimen khususnya dari negara-negara Komanwel.

Pada masa yang sama ingin saya lontarkan satu lagi perkara yang nampak yang remeh tetapi sangat penting dan wajar diberi perhatian. Perkara yang saya nyatakan ialah tentang masalah kekurangan tempat letak kereta khususnya tiada tempat letak kereta yang khas untuk Ahli Dewan Negeri, permasalahan menjadi semakin kritikal apabila berjalannya persidangan Dewan Negeri, tambahan pula saya juga mendapat aduan yang sama daripada pihak media yang membuat liputan perjalanan sidang Dewan Negeri. Di samping usaha kita untuk merakyatkan ekonomi Negeri Selangor seterusnya mempraktikkan matlamat hasil negeri untuk rakyat. Jangan kita lupa jasa dan sumbangan semua warga negeri Selangor termasuk warga media kepada Kerajaan Negeri dalam konteks membantu, menyampaikan maklumat kepada rakyat

jelata. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak urus setia Dewan Negeri kerana telah menyediakan satu sudut dan ruang yang khas untuk para wartawan, para warga media melakukan kerja-kerja mereka. Namun, namun begitu masih ada kelemahan yang saya fikir boleh di tambah baik iaitu dengan menyediakan satu sudut *food corner*, yang khas untuk para warga media sahaja. Supaya mereka tidak perlu berebut-rebut dan terlepas masa menjamu selera. Saya nampak kadang-kadang mereka berebut-rebut dan tiada masa menjamu selera. Kalau ada tempat, *food corner* yang khusus, saya rasa lebih sesuai untuk mereka. Saya bangkitkan masalah ini bukan kerana nama dan publisiti tetapi atas keprihatinan kepada warga media kerana mereka juga adalah rakyat negeri Selangor memandangkan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memang cukup mesra kepada warga media. Oleh sebab itu, perkara yang saya huraikan ini semua dapat di atasi apabila, apabila pihak Kerajaan bersetuju dan meluluskan pembinaan sebuah bangunan baru untuk kegunaan pejabat Dewan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Negeri.

Tuan Speaker, bagaimana pula dengan kebajikan dan aktiviti Ahli Dewan Negeri walaupun kita ada yang dari pihak Kerajaan, daripada pihak pembangkang, kita jarang bertemu, kadang-kadang kita bertikam lidah di dalam Dewan yang mulia ini tetapi selepas itu jarang kita ada pertemuan-pertemuan. Kalau sekiranya ada bangunan baru, kita boleh sediakan ruang-ruang bilik senaman yang khusus untuk Ahli-ahli Dewan, kita boleh tubuhkan satu kelab, Kelab Ahli Dewan Negeri Selangor. Ha.... termasuknya pembangkang sama. Walaupun kita bangkang, kadang-kadang jangan membangkang tidak menentu hala. Ha... dalam soal konteks Kelab Ahli Dewan Negeri, kena sokong semua, semua kena sokong, pembangkang sokong, Kerajaan sokong. Sama-sama kita bersenam supaya kesihatan kita dapat jaga. Kalau tidak ada yang koma, ada yang strok dan sebagainya, itu susah. Nanti banyak pilihanraya kecil. Oleh yang demikian, saya sekali lagilah menggesa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar dapat memperhalusi dan meluluskan pembinaan bangunan pejabat baru dalam masa yang terdekat. Akhir sekali saya mohon usul ini disokong dan dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Penyokongnya. Ya, Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ya, ada ucapan. Sila. Ada ucapan. Tak ada.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Saya menyokong, cuma nak tambahan sikit.

**TUAN SPEAKER** : Oh, tambahan, ucapan juga tu.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Saya sememangnya bersetuju dengan apa yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat Sekinchan tadi, mengenai apa yang diperlukan oleh ADUN-ADUN kita. Izinkan saya untuk jelaskan keadaan kita sekarang sebagai ADUN di Negeri Selangor ini. Walaupun kita ditugaskan sebagai pembantu EXCO, tetapi sebenarnya kita tiada satu pejabat khas. Kita ibarat hantu yang merayau di kawasan SUK ini. Bila pergi ke pejabat EXCO, tetamu datang kita kena beralih ke bilik mesyuarat. Bila guna bilik mesyuarat untuk buat kerja, lepas tu ada pula mesyuarat di adakan. Bila datang adakan mesyuarat di bilik mesyuarat ADUN di Bangunan Annex, pula ada mesyuarat yang lain juga dijadualkan, kita juga terpaksa berkongsi *pantry* dengan pegawai Dewan, yang saya nampak juga kasihan dengan mereka, sebab mereka banyak tugas hendak dijalankan tetapi disebabkan keadaan kemudahan yang tidak cukup, kita terpaksa berkongsi dengan apa kemudahan yang ada sekarang. Dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sekinchan sebab kita tahu, sebenarnya Dewan Negeri

merupakan salah satu paksi yang utama dalam pentadbiran negeri kita. Dengan negara kita yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan. Dan saya yakin selepas Pakatan Rakyat memerintah kita berjaya mengikiskan tanggapan ataupun persepsi orang awam bahawa Dewan Negeri adalah cuma *rubber stamp*. Kita nampak bahawa setelah Pakatan Rakyat memerintah, jumlah hari kita bermesyuarat telah dipanjangkan bukan satu, bukan setengah hari, tetapi satu minggu, dua minggu, hanya untuk kita membahaskan dasar yang kita rasakan terbaik untuk rakyat, yang boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat. Jadi saya rasa adalah memadai kalau kita disediakan dengan segala kemudahan ini, agar setiap ADUN boleh melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya. Saya nampak sekarang bukan sahaja kita kerja *double*, tetapi kalau ada dengan *fasilities*, dengan izin, seperti ini, kita boleh kerja dengan *triple* dan *fourple* lagi, tetapi mesti *excercise* la.... Saya pun setuju kita jangan ada pilihanraya kecil. Itu sahaja, saya menyokong usul ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Usul ini telah pun disokong, ada yang membahas.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Satu tambahan saja. Sebenarnya tambahan kepada *fasiliti-fasiliti* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sekinchan. Sebenarnya yang merayau-rayau ni sebagai hantu yang tidak tentu arah ni bukan saja ADUN, bukan saja pekerja-pekerja, termasuk juga media. Saya juga bersimpati dengan cara, dengan ruang kerja yang ada sekarang, ruang kerja media yang ada sekarang ni, dan walaupun ia telah ditambah baik, saya berpendapat perlulah disediakan satu ruang kerja yang lebih bersesuaian dengan kerja-kerja mereka. Saya juga ini menambah bahawa kita juga perlukan satu kafeteria, kita juga perlukan satu ruang jamu khusus untuk ADUN, khusus untuk ADUN. Kerana kadang kala terdapat perbincangan-perbincangan tertentu yang memerlukan, yang melibatkan ADUN dan tidak boleh dimasuki oleh orang luar seperti wartawan dan sebagainya. Ini ialah apa yang saya perhatikan terdapat di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara. Saya rasa ini juga adalah satu ruang yang sangat bagus...

**TUAN SPEAKER** : Tapi sekarang kita sediakan kawasan khas pun, ADUN yang bawa orang yang kita tidak kenal pun, macam mana...

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Itu tidak sepatutnya, Yang Berhormat Tuan Speaker, itu tidak sepatutnya. Kalau dikatakan tidak boleh, maknanya ianya tidak boleh cuma sekarang ni kalau di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara. Ruang itu, memang satu ruang yang ada biliknya sendiri, ada dindingnya sendiri. Jadi orang luar memang tidak boleh masuk. Saya juga ingin menambah kalau boleh kita tambahkan *facilities* seperti perkhidmatan pos, perkhidmatan kesihatan seperti klinik dan juga satu lagi yang sangat penting

**TUAN SPEAKER** : Mesin ATM

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Ya...

**TUAN SPEAKER** : Mesin ATM, nak

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Apa tu?

**TUAN SPEAKER** : Mesin ATM.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Mesin, kalau ada lagi bagus kerana di Dewan Rakyat ada, saya rasa Ahli-ahli Parlimen memang tahu lah dan juga satu lagi yang sangat penting iaitu satu kesilapan yang telah kita lakukan semasa kita membuat pengubahsuaian di Dewan Negeri ini



kita tidak ada *OKU friendly facilities*. *facilities* - *facilities* yang mesra OKU dan ini merupakan satu perkara yang telah kita lalai, kita terlepas pandang jadi dalam pembinaan bangunan baru ini, saya rasa ini perlu di diberi pertimbangan yang sewajarnya. Saya juga ingin menggesa, kita juga boleh menimbang bagaimana kita boleh mempertingkatkan penggunaan bangunan Annex dan ruang yang ada di dalam Dewan yang mulia ini yang sedia ada. Saya rasa ini juga perlulah diberi perhatian selain daripada menambah satu bangunan yang baru. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ada ulasan daripada Kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, sebagai langkah awal, saya rasa, saya akan bincangkan dengan EXCO supaya kita adakan pertandingan untuk membuat reka bentuk, jadi kalau apa pun kita dah boleh buat reka bentuk untuk dua bangunan iaitu satu bangunan untuk Dewan tambahan sebelah Dewan lagi satu bangunan juga untuk bangunan penambahan pejabat-pejabat di pejabat negeri kerana kita sudah terdapat banyak kekurangan pejabat dan dapat menyelesaikan kedua-dua perkara ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri menambahbaikkan kemudahan sedia ada melalui pembinaan sebuah pejabat tambahan di sebelah bangunan Annex dilengkapi dengan pegawai penyelidik, bilik pejabat, bilik pendengaran awam, bilik mesyuarat, perpustakaan yang lengkap dan bilik senaman yang boleh membantu para ahli Dewan Negeri melaksanakan tugas mereka dengan lebih efektif.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

xiii **Usul No. 22 tahun 2010**  
**Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)**  
**Oleh Yang Berhormat Sekinchan**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul No. 22 Tahun 2010. Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, Sekinchan ingin membawa Usul No. 22 Tahun 2010 yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri agar segera membentangkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor, selesa demi ke arah objektif pembaharuan dan memperkasakan institusi Dewan sebagai badan.... serta menepati prinsip pengasingan kuasa, .... *of power*.

Tuan Speaker, kita sedia maklum Rang Undang-undang Selesa, dengan nama penuhnya Selangor *Registertive Assamble Service Ammement 2009* ataupun Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor 2009 telah dibincangkan beberapa kali untuk tujuan kita mengadakan satu lagi pembaharuan iaitu *reform* dan perkara ini telah dibangkitkan, draf pun sudah dibuat lebih daripada satu tahun lebih dan sehingga hari ini ramai orang khususnya rakyat NGO, persatuan-persatuan yang prihatin terhadap perkembangan semasa khususnya dalam amalan demokrasi, bagaimana Kerajaan Pakatan Rakyat, kerajaan baru ini dapat mempraktikkannya dengan baik. Mereka tertunggu-tunggu, bilakah kerajaan negeri akan melaksanakan, membentangkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selesa ini. Pada setahun yang lalu, lebih setahun yang lalu satu forum, satu forum, eh satu seminar telah dikendalikan oleh Yang Berhormat Speaker melalui pejabat Dewan Negeri. Seminar tersebut

telah diadakan pada 11 Ogos 2009 di Concorde Hotel, Shah Alam dan dalam seminar tersebut telah menjemput Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Shah Salim Faruki selaku Profesor Fakulti Undang-undang, Universiti UiTM dan juga telah dijemput juga Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Aziz Bahari selaku Profesor Fakulti Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa dan juga dijemput juga Panel Yang Berbahagia Tuan Haji Salleh bin Abu Bakar dan seterusnya seorang Peguam Kanan khususnya dalam Perlembagaan yang arif dalam Perlembagaan iaitu Yang Berbahagia En. Tony Thomas dan dalam, dalam perbincangan seminar tersebut kita nampak telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, rumusannya, rata-rata pakar-pakar Perlembagaan ini mereka begitu yakin dan percaya Rang Undang-Undang Selesa ini dapat dipraktikkan, dapat di buat, diluluskan di Negeri Selangor dan mereka memberi dorongan dan sokongan dengan fakta-fakta dan hujah-hujah yang bernas dan lebih pentingnya ia tiada bercanggah dengan Perlembagaan Negeri tetapi sehingga hari ini rumusan itu sudah dibuat setahun lebih kita masih Ahli-ahli Dewan khususnya para penyokong, ahli-ahli penyokong kerajaan juga telah sedang menanti bilakah, bilakah Rang Undang-Undang ini dapat dibentangkan.

Saya setuju Tuan Speaker, saya juga mendapat laporan tentang ada setengah di antara pegawai-pegawai kita ya, kakitangan kita mungkin mereka kurang faham ataupun kurang selesa dengan Rang Undang-undang Selesa ini sebab dalam tempoh masa lebih 50 tahun tidak pernah pun dalam satu Dewan Negeri di Malaysia ini termasuk di Parlimen yang ada Undang-undang sedemikian. Undang-undang Selesa. Rang Undang-undang Selesa ini. Maka dengan itu, ini terlalu baru untuk kita, untuk kita semua, Pegawai Kerajaan dan Ahli Dewan Negeri. Maka dengan itu pembaharuan *reform* ini pada permulaannya memang ada sedikit suara-suara bantahan daripada Pegawai-pegawai Kanan termasuk juga saya dengar dari Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan daripada EXCO pun ada yang tidak selesa. Tidak selesa dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan ini.

Saya sampai sekarang tertunggu-tunggu apakah punca yang mereka tidak selesa.? Adakah kerana apabila Rang Undang-undang ini diluluskan kuasa mereka akan terhakis akan terhakis, akan menjadi semakin kurang saya kalau sepintas lalu, mungkin andaian itu mungkin nampak betul tetapi apabila kita teliti Rang Undang-undang tersebut sebenarnya dia hanya menepati ya semangat dan prinsip .... *of power*. Di mana pihak eksekutif, pihak legislatif dan pihak perundangan adalah bebas daripada antara satu sama lain. Ini sahaja tetapi ada yang antara EXCO-EXCO kita, saya dengar cerita kurang selesa sejak bila Pakatan Rakyat ini, pemimpin kita yang selalu berjuang menegakkan demokrasi di luar di depan rakyat kita, megah kita ceramah kita beritahu kita mempertahankan demokrasi tetapi apabila nak melaksanakan demokrasi, Rang Undang-undang Selesa ini mereka pula takut seolah-olah mabuk kuasa. Jadi ini saya minta perkara ini harus diperhalusi sebab untuk melakukan *reform*, reformasi memang perlu berkorban sesuatu tetapi kalau sistem kalau kita baikan sistem, baik pulihkan sistem ini generasi kita akan datang sudah tentu akan sanjung keberanian kita, kekuatan kita untuk menambah baik sistem yang sedia ada.

Oleh yang demikian Tuan Speaker, saya memanglah antara bersama Ahli-ahli Dewan yang lain semuanya menunggu bila, kapan walaupun pihak pembangkang sebelah petang mereka dah tak ada, mereka memang tidak dapat berperanan sebagai pembangkang, nak jadi pembangkang pun tidak berperanan sebagai pembangkang ini saya kesal dan sedih. Saya minta rakyat teropong siapa mereka, teropong betul-betul bagaimana peranan 20 orang ahli pembangkang di dalam Dewan Negeri tetapi gagal menjalankan tugas mereka. Ini membazirkan wang rakyat. Berbalik kepada Rang Undang-undang Selesa ini Tuan Speaker, saya juga tahu ada setengah daripada kakitangan Dewan kita mungkin mereka khuatir apabila Rang Undang-undang Selesa ini dilaksanakan bagaimana kenaikan pangkat mereka dan

bagaimana kebajikan mereka tetapi perkara ini dapat diuruskan apabila Rang Undang-Undang ini dia selaku satu Suruhanjaya Perkhidmatan ada ya merangkumi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagai Ex-Officio, Ketua Pembangkang sebagai Ex-Officio, Tuan Speaker dalam satu Jawatankuasa bersama juga peranan ADUN-ADUN, hah ini dapat di selit dalam Jawatankuasa ini supaya dia lebih sempurna maka saya percaya, saya yakin dan percaya sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan dan dibentangkan kelak kebajikan, elaun Ahli-ahli khususnya pegawai-pegawai Dewan pasti akan terjamin dan lebih tinggi kita akan pastikan perjuangankan hak mereka. Ini tidak akan ada ganggu gugat dalam konteks ini kita tidak kompromi.

Tuan Speaker, seterusnya saya juga ingin nak bagi tahu pihak kerajaan untuk melakukan perubahan bukan senang tapi kita harus ada keberanian. Pakatan Rakyat Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat sudah cukup kuat melakukan *reform* dan rakyat sudah tahu Kerajaan Pakatan Rakyat lain dari yang lain, beza dengan kerajaan yang lalu *totally out* dengan izin. Tetapi kita hanya kurang selangkah bagi saya umpama kita nak pergi ke Putrajaya kita dah hampir sampai ke Bangi dah, kurang satu langkah proses kerja-kerja perubahan pembaharuan ini kalau siapnya di bentangnya Undang-undang Selesa insya-Allah kita *complete* pembaharuan kita dalam prinsip .... *of power* ini dengan izin.

Tuan Speaker, oleh yang demikian saya nak bagi tahu lah di dalam Dewan ini secara serius, sekiranya saya beritahu pihak kerajaan bentangkan, segera bentangkan Rang Undang-undang Selesa ini pada persidangan akan datang. Sudah cukup masa untuk menunggu, kesabaran itu sebahagian daripada iman tetapi kesabaran itu sesungguhnya ada batasnya sekiranya benda ini tidak diendahkan saya akan bawa satu Rang Undang-undang di bawah Peraturan Tetap 49 Rang Undang-Undang Ahli Bukan Kerajaan. Pada waktu itu saya minta sokongan penuh daripada Ahli-ahli Dewan, setuju ke tidak. Kena semangat sikit ini penting dan seterusnya saya juga minta pihak pembangkang yang.... tolong juga berikan sokongan terhadap Rang Undang-undang yang akan saya bawa sebagai Ahli Bukan Kerajaan di bawah Peraturan Tetap 49 kerana apabila Rang Undang-undang diluluskan Ketua Pembangkang akan dilantik sebagai akan berperanan diberi pengiktirafan sebagai Ex-Officio dalam Jawatankuasa itu, perkhidmatan tersebut dan mereka sama-sama boleh berperanan bagaimana memperkasakan institusi Dewan Negeri Selangor sebagai satu entiti yang cukup megah dan cukup bebas dapat menjalankan menggubal Undang-undang dan menjalankan pentadbiran dengan cukup baik dan efisien ini yang cukup penting. Oleh yang demikian, saya sekali lagi lah meminta jasa baik dan keprihatinan dan kepedulian yang tinggi daripada pihak eksklusif dari pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita yang cukup prihatin terhadap konteks dalam untuk melaksanakan pembaharuan perubahan maka dengan itu, saya minta segera bentangkan Rang Undang-undang Selesa demi pembaharuan Dewan Negeri dan demi kepentingan rakyat dan seluruh generasi akan datang. Sekian sahaja, terima kasih saya mohon Usul saya ini disokong dan dipersetujui. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih, Tuan Speaker, Kajang bangun untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Sekinchan iaitu untuk membentangkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor seperti dicadangkan dalam sesi yang akan datang. Seperti yang disebut oleh Sekinchan penuh dengan semangat, komitmen dan juga penuh dengan emosi untuk membuat perubahan. Memang kita nampak perubahan dan reformasi telah dilakukan dalam masa tak sampai 3 tahun. Bagi dari segi pentadbiran kita telah buat banyak perubahan. Di bidang kemasyarakatan, ekonomi, pendidikan walaupun bukan dalam kuasa negeri kita telah membuat lonjakan, lonjakan yang memang begitu baik. Di bidang

keagamaan dan juga yang disebutkan oleh Sekinchan iaitu yang terakhir iaitu ..... atau perundangan. Usaha dan inisiatif untuk membuat *reform* ini adalah amat penting. Kerajaan berpendapat seperti yang di bawa oleh masyarakat sivil ataupun *civil society* yang telah menyambut baik waktu seminar yang dijalankan pada tahun lepas dan waktu Kajang berkesempatan bersama dengan Speaker dan juga Ahli Dewan Negeri yang lain pergi ke Kenya sempena ada konvensyen ya, Konvensyen CPA, memang kita nampak di Kenya, di Kenya yang dianggap agak jauh juga ketinggalan daripada Malaysia dari segi pembangunan tapi di negara ini telah pun begitu berani buat pindaan Perlembagaan untuk memperkasakan rakyatnya jadi rombongan yang pergi ke Kenya itu memang agak bukan sahaja kita memuji pihak Kenya tetapi memang mendapati kita boleh buat lebih daripada apa yang ada pada kita sekarang dan bila kita membangkitkan bahawa di Dewan Negeri Selangor kita pun ada usaha hendak meluluskan Rang Undang-undang Selesa dan kita dapat pujian daripada para *delegate* yang ada bersama dan mereka memandang ke hadapan bahawa dan mengharapkan Negeri Selangor dapat meluluskan Rang Undang-undang Selesa dengan secepat yang mungkin kerana kita mendapati kesemua ini praktik atau pun amalan yang dibawa oleh Barisan Nasional sejak kemerdekaan, sistem yang diwujudkan selama ini sudah menjadi suatu yang dianggap dari segi psikologinya baik mereka dalam politik mahu pun mereka dalam penjawat awam telah biasa dengan sistem ini dan menganggap ini sesuatu yang tidak boleh buat perubahan. Hanya satu-satu sistem inilah yang boleh diterima dan diamalkan di negara kita ini tetapi apabila Pakatan Rakyat memenangi Selangor kita telah membawa perubahan dan perubahan ini adalah amat penting kerana ia bukan sahaja pertimbangan dari politik tapi ia merupakan satu ..... dengan izin, satu anjakan paradigma yang akan membuat perubahan dari segi persepsi rakyat terhadap pentadbiran dan juga ..... dan juga kerajaan bukan sahaja di Negeri Selangor tapi seluruhnya di Malaysia.

Dan prinsip pengasingan kuasa memang amat-amat penting dan ini tidak perlu Kajang membuat penjelasan dengan panjang lebar memang kita faham rakyat pun tahu apanya pengasingan kuasa. Ketiga-tiga bahagian dalam pengasingan kuasa ini memang ada peranan masing-masing untuk adakan proses yang dikata *check and balance* dengan izin. Maka Kajang bersama-sama dengan pencadang iaitu Sekinchan dan juga rakyat jelata yang mengharapkan perubahan ini mengharapkan Kerajaan Negeri dapat membawa Rang Undang-undang ini dalam sesi yang akan datang supaya kita dapat menegakkan lagi satu *reform* yang baru untuk menjadi teladan bagi semua negeri di Malaysia ini. Sekian sahaja, Kajang menyokong penuh Usul yang dibawa oleh Sekinchan ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Usul telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan sekiranya ada.

**TUAN SPEAKER** : Kg. Tunku.

**YB TUAN LAW WENG SAN** : Terima kasih, Tuan Speaker, Kg. Tungku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Kg. Tungku berpendapat sekarang sudah sampainya masa untuk kita memperkasa Dewan ini dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor ini merupakan satu langkah yang penting ke arah memulihkan keutuhan dan juga perkasakan Dewan Undangan Negeri Selangor. Saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya bukan sahaja Dewan Negeri Selangor sebenarnya seluruh institusi .....di Malaysia bahkan di semua Dewan Negeri di semua negeri Malaysia ini telah dilemahkan sejak zaman pemerintahan Tun Dr. Mahathir. Saya rasa selepas persaraan beliau sekarang apabila Pakatan Rakyat mula mengambil alih Kerajaan Negeri saya rasa kita perlulah memulakan langkah-langkah reformasi ataupun pembaharuan kita supaya kita menunjukkan kepada rakyat bahawa Dewan ini sebenarnya boleh memainkan peranan yang lebih menonjol lebih ke hadapan dalam membawa isu-isu yang dihadapi oleh rakyat dan kerajaan negeri Selangor kita

tengok apa yang berlaku dalam tempoh 6 hari kita bersidang di Dewan yang, 6 hari kita bersidang di Dewan yang mulia ini. Begitu banyak isu yang dibangkitkan, isu tentang jalan, PBT, PLC dan juga isu-isu tentang pelantikan pegawai-pegawai tertentu, banyak isu dan masalah telah dibangkitkan. Saya di kalau saudara-saudari ataupun Yang Berhormat sekalian boleh memerhati apa yang dilaporkan di media berbanding dengan apa yang berlaku semasa zaman Barisan Nasional persidangan Dewan sekarang ni sudah mula diberi tumpuan yang sewajarnya dan ini perlu dilengkapi dengan satu pelonjakan status Dewan kita sebagai sebuah Dewan Negeri yang mempunyai autonomi. Ini adalah sesuatu yang secukupnya, yang perlu dilakukan secukupnya dengan apa ni Negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju. Kalau kita betul-betul maju, kita perlu memastikan Dewan ini juga mencapai taraf sebuah negara atau negeri yang maju.

Kita lihat apa yang berlaku di luar negara, tadi telah disebutkan tentang Kenya sebenarnya saya rujuk kepada Parlimen, laman web Parlimen UK dan saya begitu terpesona dengan keutuhan Dewan mereka sehinggakan pemilihan Speaker, Speaker memainkan peranan yang penting dan pemilihan Speaker ini pun dijalankan dengan cara yang begitu demokrasi dan telus. Speaker dipilih melalui undi rahsia, undi rahsia dan hanya calon yang mendapat 50% undi sahaja yang boleh menyandang jawatan sebagai Speaker ini malahan Speaker kalau mengikut tradisi apa ni *west minister primary system* ia merupakan sebuah, satu institusi yang berkecuali daripada politik. Ini adalah kematangan Parlimen di United Kingdom ini menjalankan demokrasi berparlimen. Speaker juga boleh bertanding dalam pilihan raya tetapi ianya bertanding atas konsep Speaker..... *for reelection* dan tiada orang malah, sama ada Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional tidak ada calon yang akan mencabar Speaker kerana Speaker akan bertanding sebagai calon dan ianya akan dihormati, beliau akan dihormati kerana beliau seorang Speaker. Ini adalah cara ataupun kematangan politik di United Kingdom dan mereka yang melaksanakan sistem demokrasi berparlimen yang matang. Maka saya berharap walaupun ini berlaku di luar negara saya berharap dengan bermulanya Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor ini kita boleh memulakan langkah kita ke arah Dewan Undangan Negeri yang kelas pertama yang ada kelas dan boleh dibanggakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Saya harap negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang maju saya rasa tidak adalah tidak mustahil untuk kita katakan, untuk kita lakukan ini saya rasa kalau lah Selangor di bawah Pakatan Rakyat dapat menerajui pembaharuan ini, saya pasti rakyat seluruh Malaysia akan sokong Pakatan Rakyat bukan kerana kita sebagai Pakatan Rakyat tetapi Pakatan Rakyat berjaya terhadap agenda-agenda reformasi. Dengan itu, saya minta Dewan yang mulia ini menyokong Usul ini. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ulasan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, saya mendengar dan menerima penjelasan tetapi ada beberapa perkara yang perlu kita perhatikan. Pertama, kita ada *freedom of information*, Akta yang mesti kita cuba utarakan. Saya berharap ia dapat kita lakukan. Kedua, kita mesti membincangkan tentang janji kita, tentang pilihan raya di Kerajaan Tempatan yang kita juga mesti perbincangkan dan perhalusi kerana ada beberapa perkara yang perlu kita perjelaskan supaya kita dapat mantapkan. Ketiga, adalah pengasingan kuasa di antara penggubal Undang-Undang Eksekutif dan ini tidak termasuk *juries* tetapi *juries* ini kita juga mesti ambil kira tentang peranan Syariah dan Enakmen yang dibuat melalui kuasa Raja dalam Perlembagaan Negeri. Saya membawa perkara-perkara ini untuk kita halusi dan kita bincangkan supaya kita dapat jelas tentang perkara ini. Lagi pun ia adalah satu *break through* umpamanya sudah tentulah kalaulah jelas Parlimen Malaysia sepatutnya *take this leading role in doing the reform* sepatutnya jelas maknanya tak boleh dipersoalkan sebab Parlimen Malaysia itu jelas tetapi Enakmen Negeri tak berapa sebab ia ada kongkongan Parlimen Malaysia.

Bagaimanapun, perkara ini perlu kita bahaskan dan kalau kita rasa sesuai sudah tentu kita tidak boleh abaikan untuk kita membawa beberapa perubahan dalam mentadbirkan negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi, bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri agar segera membentangkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor Selesa demi ke arah objektif, pembaharuan dan memperkasakan Institusi Dewan sebagai Badan ..... serta menepati prinsip pengasingan kuasa, *separation of power*.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**xiv. Usul No. 19 tahun 2010  
Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3)  
Oleh Yang Berhormat Sekinchan**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul No. 23 Tahun 2010. Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, Sekinchan ingin membawa Usul No. 23 Tahun 2010 yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak pihak Kementerian Kerja Raya agar segera mengambil perhatian dan tindakan yang pra aktif, pra aktif dengan menjalankan kerja-kerja menaik taraf jalan Persekutuan 5 khususnya dari Kapar hingga ke Sabak Bernam demi memastikan keselamatan para pengguna jalan raya.

Tuan Speaker, kita sedia maklum jalan Persekutuan 5 khususnya dari Kapar hingga ke Sabak Bernam telah siap di naik taraf berapa tahun yang lepas. Lebih kurang 5 tahun yang lepas dan jalan yang sedia ada hanya dua lorong sahaja sekarang telah dinaikkan kepada dua lorong pergi dan dua lorong balik, semuanya 4 lorong. Memandangkan jalan tersebut merupakan jalan yang penting untuk menghubungkan Utara dan pinggir pantai seperti Sekinchan, Sabak Bernam, Sungai Besar dan terus ke Teluk Intan dan jalan ini telah digunakan oleh para pengguna dengan sesaknya khusus pada waktu-waktu kelepasan, hari minggu, cuti raya dan sebagainya dan jalan ini sekarang ini berada pada keadaan kurang diberi penyelenggaraan di mana kalau ada pun penyelenggaraan dilakukan ada kawasan-kawasan tertentu yang dilakukan. Kadang-kadang kita nampak sepanjang pemerhatian saya, pengamatan saya ada kawasan yang kurang rosak telah diberi *maintenance* tetapi dibaiki kawasan yang memerlukan jalan tersebut tidak dilakukan baik pulih hah ini telah menyebabkan jalan tersebut sekarang ini rata-rata kalau Ahli-Ahli Dewan Negeri yang ada menggunakan jalan tersebut, jalan itu lurus kita menyambut baik langkah Kerajaan Persekutuan, JKR, Jabatan Kerja Raya Persekutuan kerana jalan ini di selenggara di bawah kuasa Jabatan Kerja Raya Persekutuan dan mereka telah menaik taraf jalan ini 5 tahun yang lalu lebih kurang saya menyambut baik tetapi keadaan jalan tersebut sekarang ini berada dalam keadaan permukaan kurang rata, berlekuk-lekuk dan cukup membahayakan pada pengguna jalan raya. Kemalangan demi kemalangan sering berlaku. Kemalangan maut, ngeri di beberapa kawasan seperti di Sungai Sirih, di peringkat di di Jeram, berapa kawasan yang telah disenaraikan hitam memang berlaku, sering berlaku kemalangan dan ini telah menyebabkan jalan tersebut berada dalam keadaan yang cukup membahayakan. Saya menimbulkan perkara ini untuk perhatian Dewan ini kerana jalan ini ramai pengguna jalan raya tetapi bukan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Saya sebagai wakil

rakyat di kawasan Sekinchan sering mendapat aduan-aduan daripada pengguna jalan raya sama ada daripada Barisan Nasional yang sokong Barisan Nasional ataupun Pakatan, orang awam yang tidak berparti mereka beritahu saya tidak kira Melayu nya, Cina nya, India semua jalan itu perlu di selenggara dengan baik.

Apabila surat diutuskan kepada JKR Negeri dan dipanjangkan kepada Pusat jawapannya tunggu dan tunggu. Tunggu dan tunggu. Peruntukan belum ada lagi hah ini antara alasan-alasan yang diberikan dan terdapat juga kes khususnya di Sekinchan saya fokuskan daripada Kilang Bernas, Sekinchan menuju ke Balai Bomba Sekinchan, kawasan tersebut dekat pekan Sekinchan kenderaan lalu lalang, keluar masuk cukup sibuk tetapi permintaan kita untuk menaik taraf jalan tersebut di pasang dengan lampu, di pasang dengan pembahagian jalan, *divider* dan sebagainya telah 4 tahun saya minta sampai hari ini pihak Kementerian Kerja Raya membisu seribu bahasa. Dalam konteks ini saya ingin mendesak sekali lagi Kementerian Kerja Raya supaya segera ambil tindakan kerana yang menggunakan jalan raya bukan sahaja pengundi Sekinchan yang sokong Pakatan Rakyat. Yang gunakan jalan raya ini termasuk kalau Sungai Pelek pergi Sekinchan, pergi Sabak Bernam, Sungai Pelek pun kena pakai jalan tersebut setuju? Ini termasuk Sungai Panjang ulang alik-ulang alik Sungai Panjang guna jalan tersebut, Sungai Tawarnya, Sabak semua. Marilah kita sama-sama cuba selesaikan masalah ini. Ini bukan masalah yang Sekinchan bawa ini bukan masalah individu saya, ini masalah rakyat. Seluruh pembayar cukai negeri Selangor yang budiman, rakyat yang budiman ini mereka mempunyai hak menuntut daripada Kementerian Kerja Raya. Jangan lupa rakyat negeri Selangor melupakan pembayar cukai yang tertinggi di antara negeri-negeri di Malaysia ini. Menurut angka yang diberikan oleh YAB Dato' Menteri Besar setahun anggaran RM16 bilion telah dibayar kepada pusat daripada Cukai-cukai Hasil Cukai *Income Tax*, Cukai Pendapatannya, Cukai Airportnya, Cukai Portnya dan sebagai bermacam-macam cukai *tax* nya servis *tax* semua dia ambil tetapi tanggungjawab untuk menjaga jalan-jalan yang seharusnya dijalankan tidak dilakukan. Ini saya cukup kesal dan sedih. Marilah walaupun kita berbeza pendapat ideologi dan politik dari segi politik pandangan. Tetapi dalam konteks membantu rakyat menyelesaikan masalah mereka demi keselamatan pengguna jalan raya ada yang putus tangan mati, empat orang, tiga orang yang langgar, pokok kelapa pun ada, macam-macam. Kita tidak mahu insiden-insiden sedemikian terus menerus berlaku, satu hari mana tahu kita atau pun anak kita, cucu kita, saudara mara kita yang terkorban dalam nahas jalan raya kerana apa pemikiran sempit dari politik. Oh ini kawasan yang ada ramai pembangkang kita tak perlu walhal jalan dari Sabak Bernam ke Kapar, saya kira seluruh kawasan tersebut majoritinya adalah Wakil Rakyat dari Barisan Nasional. Majoritinya sewajarnya pihak Barisan Nasional yang menjadi Kerajaan di Pusat mainkan peranan tolong rakyat bukan mengambil sikap sambil lewa dan biarkan rakyat terus dalam keadaan bahaya dan terbuka. Inilah harapan saya untuk menarik perhatian Dewan ini kita nak supaya Usul ini diluluskan dan disampaikan kepada Kementerian Kerja Raya, kepada Menteri Datuk Hashiman, Ahli Parlimen Tampin supaya mereka dia tahu bagaimana marahnya rakyat negeri Selangor terhadap cara diskriminasi mereka terhadap jalan Persekutuan ini. Oleh yang demikian, saya minta Usul saya ini disokong, saya mencadangkan lagi sokong dan dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia Ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Penyokong.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, saya yang sokong. Saya berterima kasih kepada Tuan Speaker kerana mengizinkan saya untuk menyokong Usul ini. Memang pada keseluruhannya keadaan-keadaan jalan Persekutuan di Selangor ini patut dalam keadaan yang sangat-sangat teruk. Bukan sahaja jalan lima sebenarnya Sekinchan banyak lagi jalan yang saya rasa memerlukan naik taraf daripada Kerajaan Persekutuan. Saya rasa kesan dan

korupsi kita boleh menerima wang ini, boleh menggunakan wang ini untuk menaiktarafkan jalan-jalan. Bukan sahaja jalan lima, jalan satu saya nak kata, jalan satu yang menghubungkan Kuala Selangor dengan Kuala Lumpur. Masa Kempen Pilihanraya Menteri pun susah jalan keluar masuk pun susah jam sangat. Saya rasa ini belum dinaiktarafkan dan kita membuat satu pengesahan. Saya minta Yang Berhormat yang menjaga infrastruktur buat awal isu ini dengan Menteri Kerja Raya dan jumpa dengan beliau untuk berbincang supaya lima dan jalan satu dan juga jalan kalau tersilap jalan yang menghubungkan PBST dan Sungai Pelek dan juga Morib. Ini juga merupakan jalan Persekutuan pun dinaiktarafkan. Jalan satu hingga limalah senang semua jalan tapi Tuan Speaker, jalan-jalan ini ada *significantnya*. Dalam ucapan bajet saya, saya kata kalau jalan-jalan lima dan jalan-jalan menghubungkan Bandar Baru Salak Tinggi dan Sungai Pelek dan Morib, Jalan Hulu Selangor dan KL. Ini merupakan jalan-jalan yang digunakan oleh pelancong-pelancong kita. Kalau kita nak bangunkan industri pelancongan, kalau kita nak bangunkan *eco-tourism*, *homestay* dan sebagainya kalau hitam gelap-gelitanya pada waktu malam dua lorong sahaja tidak ada jalan tidak ada naik taraf yang dijalankan secara berkala. Maka kemalangan berlaku, akan senang berlaku dan ini akan secara tidak langsung mengurangkan pelancong ke negeri Selangor. Saya lihat jalan-jalan ini merupakan jalan-jalan penting dan saya minta supaya sama ada boleh ke tidak supaya EXCO dengan YAB Dato' Menteri Besar sama-sama jumpa dengan Kerja Raya dan minta mereka untuk memberi bantuan untuk menaiktarafkan jalan-jalan ini. Ini bukan sahaja untuk kebaikan orang Selangor, ini untuk kebaikan semua rakyat yang menggunakan jalan ini. Jadi saya mintalah Dewan Yang Mulia sokong Usul ini dan kita lakukan secara konkrit untuk mencari satu jalan untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara dulu.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Tuan Speaker, Kota Damansara ingin menyokong Usul 23.

**TUAN SPEAKER** : You balik pukul 9.00 hari ini.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Isu yang ditimbulkan memang ada kaitan dengan masalah di Kota Damansara. Khususnya Jalan Besar Sungai Buloh kerana kita dapat lihat memanglah kita amat kecewa dengan JKR kerana ini adalah masalah rakyat sama. Jalan yang lopak-lopak, lambat di *repair*, lampu kalau lampu trafik light tak jalan kita panggil dia kata kena curi. Apabila kita buat *press statement* dapat pula sepatutnya mereka mesti ada lampu *spare*. Ya juga kerja bagi divider jalan nak masuk Kota Damansara pecah, kita *complain* kita tegakkan balik sekarang dah renggang. Mungkin kani akan buat satu keputusan *repair* dan kita *charge* dia kerana sudah lama sangat. Apabila kami ingin menyebut mereka kata ini adalah projek Federal. So isunya apa guna Selangor JKR? Kalau dia tak boleh mengutarakan ke depan dan juga mengatasi masalah yang paling *simple* perkara ini juga sudah timbulkan dalam Mesyuarat Pejabat Daerah, nampaknya tak berjalan juga. Maka itu juga kami merasakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena. Adakah ini satu kecuaihan ya atau pun sabotaj? Nak kata kecuaihan dah berpuluh tahun itu kerja juga. Sabotaj mungkin kerana memang kita tak senang. Ada jalan, jalan Sungai Buloh sebahagian tak ada lampu langsung. Bukan kita tidak *complain*, dah berbuih mulut. Ini yang kami merasakan bahawa kita amat kecewa dengan JKR, JKR sepatut prihatin kerana ia melibatkan seluruh rakyat. Kalau nak sabotaj Pakatan Rakyat ini bukan caranya menyebabkan kesusahan kepada semua rakyat. Kota Damansara menyokong Usul 23.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.



**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, terima kasih. Kajang ingin mengambil bahagian dalam Perbahasan berkaitan dengan jalan JKR ini. Sebenarnya Kajang telah lama bermesyuarat dengan di Pejabat Daerah, Jawatankuasa Tindak Daerah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan tanggungjawab JKR termasuk jalan, termasuk lampu jalan yang dibawa oleh Kota Damansara tadi. Memang sesuatu Yang Amat lucu kita dapati misalnya di Jalan Persekutuan dari Kajang ke Seremban bahagian di Semenyih kita telah mendapati JKR lampu jalan tidak menyala dan JKR kata pada TNB dan TNB kata JKR tak bayar, tak bayar ini bil tunggakan terlalu banyak dan tak bayar maka dia potong terus, tak bagi menyala. Bukan sahaja lampu jalan tak menyala lampu isyarat pun dia potong terus. Maka ia amat berbahaya dan keadaan ini tanya pada JKR dia kata tak ada duit, tak ada duit, tunggakan JKR untuk membayar kepada TNB memang begitu tinggi. Dan kita di bawah PBT memang kita nampak kita sudah berjimat cermat dan dengan *efficiency* kita nampak kalau nak kena pasti yang mana satu jalan bawah PBT, dan mana satu jalan bawah Persekutuan JKR tengkek lampu jalan kita akan kenal pasti yang mana tak menyala itu Persekutuan, yang menyala itu PBT. Jadi memang ini suatu keadaan yang amat menyedihkan kita berharap dengan kelulusan Usul ini kita membawa kepada JKR daripada Persekutuan untuk pertimbangan untuk memanfaatkan rakyat secara menyeluruh. Sekian sahaja, terima kasih. Kajang menyokong Usul ini.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih kepada Sekinchan yang membawa Usul ini dan terima kasih kepada teman-teman yang memberikan ulasan. Tuan Speaker jalan ini adalah merupakan salah satu jalan utama yang menghubungkan antara utara dan selatan selain daripada jalan bertol Lebuhraya itu dan jalan ini sebelum, sebelum ini jalan dalam pembinaan dan pembinaan pun mengambil lima (5) tahun. Tak salahnya daripada satu kontraktor ke satu kontraktor dan berapa kali tambahan-tambahan kos yang terlibat. Semasa jalan ini belum dibina memanglah di sini ialah di antara kemalangan yang paling banyak sekali berlaku di antara jalan-jalan di negeri Selangor ini. Setelah dibina pun masih lagi, saya tahu sebab dahulu, saya mewakili Sungai Burong saya tahu banyaknya bilangan kemalangan yang berlaku yang melibatkan kemalangan maut. Jadi, selain daripada itu sebagaimana yang kita tahu Jalan Persekutuan ini di selenggara oleh Roadcare salah satu syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan kerja-kerja *maintenance* jalan-jalan yang sedemikian, tapi yang saya hendak sebutkan, yang Sekinchan dan teman-teman yang lain menyebutkan tadi itu hal keselamatan. Kita lihat jalan itu agak ganjil sikit *divider* nya hampir tidak ada begitu, kecuali dalam bentuk garisan, cat-cat biasa, begitu sahaja. Tidak nampak *permanence* yang dapat mempertahankan pemandu-pemandu dan pengguna jalan raya daripada terlibat daripada kemalangan, itu satu. Satu lagi, kalau kita lihat jalan ini daripada standardnya mungkin standard JKR telah pun mencapai standard itu tapi standard dunia saya rasa masih jauh lagi. Kalau kita biasa ke Amerika. biasa ke Eropah keadaan,,, kalau kita pergi ke Thailand kita dapati bagaimana pembinaan jalan, bagaimana pengurusan jalan, bagaimana keselamatan jalan itu dijaga sedemikian rupa. Tapi bagi kita, terutamanya yang tinggal di pantai barat ini di Selangor kita dapati pembinaan sedemikian tidaklah pada saya mencapai satu taraf atau satu justifikasi yang telah ditetapkan. Akibat daripada itu, oleh sebab jalan ini Jalan Persekutuan kita merasa agak sukar sedikit sebenarnya untuk mendapatkan tindakan daripada apa yang *complain* terutama usul yang dibawa oleh Sekinchan. Tapi apa yang saya lakukan dengan Pengarah Dato' Pengarah JKR, terutama sekali hasil usul yang di bawa oleh Sekinchan. Kita akan menyusulkan satu mesyuarat seperti mana yang disebutkan tadi dengan KSU ataupun dengan Ketua Pengarah JKR Persekutuan dan kalau perlu ke menteri. Bukan sahaja untuk membincangkan bukan jalan ini tapi Jalan 1 yang di sebut dan jalan-jalan lain yang merupakan jalan-jalan utama di negeri Selangor itu. Ini yang perlu sebenarnya kita bincangkan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Saya hanya ingin bertanya, sebenarnya apa yang saya katakan tadi Jalan 1 ini ia sampai bukan sahaja berhubung Hulu Selangor dengan KL tapi

sampai ke Semenyih. Jalan 5 ini, bukan sahaja berhubung Sabak Bernam dengan Kapar/ Klang tapi sampai ke Sungai Pelek atau Morib. Sebenarnya satu jalan yang sangat-sangat panjang dan saya rasa menuntut. Saya minta supaya EXCO kuatkan lagi azam untuk menuntut mereka memperuntukkan wang secukup-cukupnya untuk menaik taraf kedua-dua jalan ini.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih. Yang inilah! yang kita akan lakukan, dan kita pun telah melalui mesyuarat dengan Dato' Pengarah JKR, kita telah pun telah menyuarakan dalam mesyuarat bulanan dan telah mula mengadakan perkara-perkara yang tentu saya membawanya dalam mesyuarat bulanan dengan JKR dan jabatan-jabatan lain dan diharapkan satu kertas yang lebih *official* dapat kita sampaikan kepada JKR Persekutuan dan sampai ke menteriya daripada itu kita akan beri ruang mungkin dalam masa sebulan begitu, apa yang telah di ambil. Kalau tiada juga tindakan saya akan minta nasihat daripada EXCO nanti, apa cara, langkah-langkah yang lebih baik untuk kita lakukan bagi menangani masalah yang sudah tentu nya bukan menimpa Sekinchan sahaja bahkan menimpa sebahagian besar rakyat daripada Sabak Bernam darilah ke Kapar, kalau mengikut daripada Jalan 1 tadi daripada Hulu Selangor sampai ke Sungai Pelek dan sebagainya, sudah tentulah sebahagian besar daripada rakyat Selangor ini terdedah dengan segala ancaman, kemalangan, kemalangan maut dan sebagainya akibat jalan yang tidak di selenggara atau jalan-jalan yang tidak mengikut justifikasi ataupun garis panduan yang telah ditetapkan oleh JKR.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya hendak tanya, sebab baru-baru ini saya dapati jalan lopak-lopak yang dibaiki semula ada di *spray* atau dicat ditulis 'JKR' begitu, apakah *significant* adakah mereka, JKR negeri kluatir jalan ini diperbaiki oleh JKR seperti mana-mana projek dahulunya ada dipaparkan ini satu lagi projek Barisan Nasional ataupun tempat menunggu bas yang ada 'Ini adalah sumbangan dengan Kerajaan Persekutuan' apakah *significant* nya. Jalan-jalan lopak di baik pulih, ada pula ditulis dengan 'JKR' begitu di beberapa Kuala Langat baru-baru ini.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Ini biasalah! Taktik daripada Kerajaan Persekutuan, apa juga yang mereka lakukan itu yang memakan, memakai peruntukkan Persekutuan mestilah seperti mana yang kita lihat mereka akan menonjolkan bahawa ini adalah hasil daripada keringatan dan usaha Kerajaan Persekutuan. Tapi apa pun saya rasakan itu, rakyat sudah faham dan kita kena beri kefahaman yang lebih tentang rakyat ya. Dan kita juga banyak juga jalan-jalan negeri seperti mana kita lihat peruntukkan yang kita beri kepada JKR hampir-hampir RM150Juta itu ya, saya rasa itu pun jalan-jalan yang akan dibina dan kita pun, saya rasa ini yang kurangnya kepada kita, saya hendak memberitahu kepada JKR. Semalam, hari Ahad yang lepas saya pergi ke pembinaan Jalan di Sungai Pusu memang ada pembinaan jalan yang baru tapi sayang peruntukkan itu RM2.1Juta daripada Kerajaan Negeri tidak pun ditulis bahawa itu adalah pembinaan 'Kerajaan Negeri dan hasil daripada Kerajaan Negeri'. Jadi saya minta JKR juga akan memberikan perhatian juga. Saya akan menentukan mereka akan memberikan perhatian perkara ini seperti juga yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Bukan hendak menandingi mereka tetapi eloklah kita *claim right* kita. Itu, itu, kerana kita yang telah mengeluarkan belanja dan sebagainya.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Saya...

**TUAN SPEAKER** : Kajang dahulu.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin tahu sama adakah boleh kita meminta pihak persekutuan memasukkan penyelenggaraan jalan persekutuan menjadikan sebahagian peruntukkan MARRIS untuk penyelenggaraan Kerajaan Negeri.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Ini soal prinsiplah! Bila tentang MARRIS itu memang telah terkhusus kepada negeri-negeri, apa ini jalan yang diselia oleh negeri jadi tentang persekutuan itu sudah ada satu badan yang lain yang dikatakan *Roadcare Included* kepada KPSCM untuk yang negeri itu. Jadi saya rasa ini soal polisi dan saya rasa kita juga tidak boleh memutuskan di sini. Saya tidak boleh katakan ya atau tidak boleh atau tidak ini berdasarkan rundingan. Kita lihat ini pun perkara boleh di bawa bersama-sama bila kita membincangkan dengan Ketua Pengarah JKR, kemungkinan juga Ketua Menteri nya sekali .

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Saya minta penjelasan sedikit lagi, berkenaan jalan daripada Balai Bomba ke kilang Bernas khususnya *traffic light* menghubungi bandar Sekinchan dengan Sekinchan. Dalam keadaan Jalan Persekutuan 5 ini kita nampak *traffic light* di situ sering kali, dua bulan, sebulan setengah, mesti rosak. Saya minta Yang Berhormat EXCO boleh panjangkan perkara ini minta kementerian buat satu post-mortem kenapa? Kenapa? Lampu isyarat bisa rosak setiap dua bulan sekali . kenapa perkara ini berlaku? Dan ini menyebabkan lalu lalang, membahayakan anak-anak murid yang lalu lintas. Ini cukup member bahayakan, dua tiga kemalangan maut sudah berlaku di pekan Sekinchan. Ini perkara yang cukup rumit. Yang keduanya, keduanya, jalan tersebut minta segera di naik taraf dengan *divider* dengan lampu jalannya. Sekian terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Kalau setiap bulan itu berlaku saya rasa kawasan itu keraslah! Sebab apa wakil rakyatnya pun keras. Jadi saya cuba libatlah! Kalau keras itu betul-betul tempat itu keras, kita akan panggil bomoh-bomoh jalan untuk melihatnya. walau apa pun, saya lihat JKR memang, kita, kita memang ada pasukan yang memantau tentang apa ini, lampu isyarat-lampu isyarat sama ada PBT ataupun di luar kawasan PBT. Jadi setiap bulan itu, saya tidak tahulah! Buatan mana, bahan mana perbuatan itu ya, jadi kita tengok kerana Yang Berhormat menyebut secara spesifik itu dekat Balai Bomba ya Yang Berhormat? Di Balai Bomba kan? Jadi kita akan .. akan saya faham ... dekat dengan hotel kan? Jadi, Insha-Allah kita akan lihat dan bawa, ini tidak payah bawa kepada menterilah! Ini kita akan berunding dengan Pengarah JKR. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau ada-apa masalah di hadapan dewan begini adalah satu usul yang berbunyi, bahawasanya di dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak pihak kementerian Kerja Raya agar segera mengambil perhatian, tindakan proaktif dengan menjalankan kerja-kerja menaik taraf Jalan Persekutuan 5, khususnya daripada Kapar hingga ke Sabak Bernam bagi memastikan keselamatan para pengguna jalan raya. Ahli-ahli Berhormat yang bersetuju katakan 'YA'. Ahli-ahli Yang bersetuju katakan 'TIDAK'. Dipersetujui.

## **V. USUL PENANGGUHAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan dewan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita pada hari ini hanya setakat ini. Saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan ke satu masa yang ditetapkan kelak. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker dan rakan-rakan dalam dewan yang sanggup bekerja dalam masa yang panjang untuk membahaskan perkara yang paling penting untuk rakyat tentang bagaimana

pembangunan negeri ini dapat dibuat dengan cara yang terbaik. Saya juga menggunakan kesempatan ini mengucapkan untuk tahniah kepada Sungai Pelek yang mewakili 20 ADUN tetapi walaupun ini bukan contoh yang terbaik, tetapi ini adalah satu cara untuk menentukan bahawa Dewan inilah tempat kita berbahas dan berbincang dan bagaimana untuk menentukan arah tuju polisi yang hendak dilaksanakan. Saya agak terkilan menengok isu yang dinyatakan oleh Menteri Pertanian yang mengatakan oleh sebab ada perkara-perkara yang dinyatakan dalam Yayasan Selangor dan juga Kumpulan Semesta dengan itu Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mempunyai keupayaan untuk memerintah negeri Selangor. Tapi Sungai Pelek sudah bersama-sama dengan kita memerhatikan bagaimana daki-daki yang tinggal daripada kerja yang dibuat oleh pemerintahan sebelum ini.

Bagaimana saudara kita daripada Hulu Kelang ada membangkitkan daripada segelintir kerja yang dilakukan. Bukan kita kata satu juta, bukan kita katakan sepuluh juta, tetapi kita katakan beratus juta telah hilang, dan tidak dijaga dengan baik. Perkara ini kita sudah bantangan, kita bincangkan dan kita cari jalan untuk penyelesaian untuk mengatasinya supaya ia tidak berlaku lagi pada masa hadapan. Jadi saya rasa pandangan politik yang sangat rendah moralnya ini amat merugikan Malaysia kerana cara yang terbaik untuk kita adalah kita mencari jalan bagaimana pembangunan ini dapat diteruskan. Saya terima hakikat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mesti bekerja sama walaupun dalam berbezaan daripada segi pandangan politik, pandangan agama dan pandangan sosial tetapi daripada segi menjalankan tugas untuk kepentingan rakyat kita mesti mencari jalan, bagaimana pembayar-pembayar cukai dan rakyat mendapat nikmat daripada usaha yang kita lakukan. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri Selangor mengambil sikap jika pembangunan dibuat di Lembah Klang, jika pembangunan cerita di Kuala Lumpur kita tidak mencari jalan itu tidak betul. Tetapi kita bersedia dengan hati terbuka dengan pemikiran yang perlu waras, kita hendak melihat dan jika sesuai untuk kepentingan rakyat kita akan teruskan. Jadi cara itu boleh membawa negeri kita membangun dengan lebih baik. Sudah sampai masanya untuk menentukan KPI kita bukan untuk antara kita, KPI kita, kebolehan kita memerintah bukan berasaskan perkara negeri ataupun bukan antara kita. Kita bandingkan bagaimana kalau satu hari keluaran kasar negara Singapura melebihi daripada keluaran kasar negara kita.

Bayangkan negeri kita begitu luas begitu ramai, tetapi pengeluaran negara kasar untuk negari yang mempunyai 5 Juta penduduk mengatasi negara yang mempunyai lebih 30 Juta penduduk. Bayangkan keupayaan yang kita ada, sumber yang kita ada, keupayaan yang sepatutnya kita lakukan. Ini semua menjadi satu idea kita, satu tugas kita. Tidak guna kita berpolitik tetapi akhirnya politik kita tidak berjasa kepada rakyat. Jadi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kerana kita sama-sama berbincang, kita sama-sama memikirkan walaupun ada terdapat berbezaan idea atau un pandangan tetapi tugas kita adalah kepada kepentingan rakyat dan masa hadapan negara kita dan negeri Selangor. Dan, tidak lupa saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha. Ini adalah hari raya korban. Yang Berhormat dari Kajang; bukan kita hendak korbankan diri, tetapi ada orang korban untuk kita. Dan selamat menyambut Hari Krismas, Tahun Baharu. Pada sidang Dewan yang akan datang iaitu tahun hadapan kita boleh adakan lagi perbincangan yang lebih mantap dan bererti. Terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN DR. HAJI YAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah memberikan kerjasama sesungguhnya bagi melicinkan perjalanan Persidangan Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Ketiga ini. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan, seluruh kakitangan dengan urus setia Dewan, Pelapor-pelapor yang menyediakan dan menyiapkan penyata rasmi di Mesyuarat kali ini. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada semua petugas-petugas di semua secara langsung mahupun tidak langsung di atas kerjasama tuan-tuan, puan-puan yang menjayakan Mesyuarat kali ini. Dan saya juga berharap Yang Berhormat sekalian dapat meluangkan masa untuk menyemak kembali draf penyata yang telah dan akan diedarkan dalam ucapan-ucapan Yang Berhormat dan sila kembalikan semula ke pentadbiran Dewan dengan kadar segera agar Penyata Rasmi itu dapat disiapkan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Akhir sekali saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua penganut agama Islam. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini sehingga satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 8.30 Malam )**